

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 15

Isnin

3 Mei 1999

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1998 dan 1999) 1999.

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ *Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)*
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ *Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)*
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Haji Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

“ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

“ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor

: Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
: Rosnani binti Ahmad
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Isnin, 3 Mei 1999****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

[*Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru) tidak hadir*]

[*Soalan No. 2 - Datuk Lau Ngan Siew (Sandakan) tidak hadir*]

3. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah satu-satu badan diwujudkan oleh kerajaan/kementerian untuk melihat dan menilai Charter, Order dan Directives yang menjadi panduan dan diguna pakai oleh Polis Diraja Malaysia, ini kerana imej kerajaan telah terjejas akibat tindakan segelintir pegawai polis. Jika tidak, apakah cadangan dan rancangan kementerian untuk memperbaikinya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka adalah berlandaskan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan serta hukuman-hukuman tetap yang telah diguna pakai semenjak penubuhan pasukan ini. Kementerian Dalam Negeri adalah bertanggungjawab di dalam memastikan PDRM menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh disiplin dan saksama serta memenuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Menyentuh mengenai terjejasnya imej kerajaan oleh kerana tindakan segelintir kecil pegawai polis, Polis Diraja Malaysia selaras dengan arahan kementerian telah mengambil langkah-langkah memperkenalkan 'Perkhidmatan Mesra' untuk masyarakat umum. Kursus-kursus bagi meningkatkan tahap profesionalisme serta penekanan kepada keutuhan pengurusan dengan matlamat meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan polis sedang berjalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya sahaja, untuk memperbaiki, very constructive sebagai orang yang mempunyai pengalaman 13 tahun dalam perkhidmatan polis. Pada tahun 1975 Jabatan Polis di bawah arahan Tun Haniff Omar cuba mengeluarkan pegawai gentleman (gentleman officers). Selepas dua peringkat latihan pegawai di Kuala Kubu Baru, program untuk mewujudkan pegawai gentleman ini telah diberhentikan oleh kerana sebab-sebab mereka kurang tegas, kurang bercorak macam polis, tidak bertindak garang macam askar dan sebagainya dan program itu telah diberhentikan. Jadi, memang dari dahulu lagi polis sendiri melihat yang program baru mesti diwujudkan. Kalau kita lihat di negara-negara asing, pegawai atasan dilatih dari segi tourism and hospitality supaya pegawai-pegawai itu baik, pandai berinteraksi dan BPR yang baik. Jadi, persoalan saya adakah kita bercadang supaya pegawai atasan polis itu diberi satu latihan khusus supaya pegawai polis macam pegawai askar yang semakin tinggi semakin berperangai padi – tunduk, supaya pegawai polis itu mempunyai tatatertib, hospitality yang baik dan berperangai yang baik, sepatutnya diajar dengan ilmu tourism and hospitality.

Dato' Ong Ka Ting: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar yang sentiasa prihatin dan ambil berat tentang perkhidmatan polis. Memang benar, apa yang telah berkesan diamalkan dahulu kita masih kekalkan. Sebenarnya pada masa kini pihak Polis Diraja Malaysia memperkenalkan banyak lagi kursus selain daripada apa yang telah ada dahulu. Sebagai contoh, untuk meninggikan lagi tahap profesionalisme dalam PDRM, polis sedang mengadakan kursus ethical values, dengan izin, kepada setiap pegawai, juga kursus-kursus berkaitan dengan tugas-tugas polis dalam latihan (in service training) anjuran universiti-universiti tempatan seperti Undang-undang, MBA, Sains Kepolisian dan lain-lain kursus juga diadakan. Kursus-kursus anjuran INTAN dan jabatan-jabatan lain untuk memantapkan lagi pentadbiran tentang efficiency juga diadakan. Mesyuarat-mesyuarat dua hala (multilateral) dengan pegawai-pegawai polis asing seperti ASEAN-POL juga diadakan. Pada masa sekarang juga mereka sedang mempratikkan konsep ISO 9000 bagi PDRM. Jadi, ada lagi

banyak langkah yang sedang dijalankan bukan sahaja meninggikan profesionalisme, imej dan keberkesanan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas ucapan yang yang diberikan tadi. Saya juga sebagai salah seorang bekas pegawai polis, saya telah mengikutinya semenjak tahun 1965 semasa Tun Salleh, seterusnya semasa Tan Sri Rahman hanya sekejap, selepas itu diambil alih oleh Tun Haniff yang begitu lama dalam Polis Diraja Malaysia selama 25 tahun dan seterusnya oleh Tan Sri Rahim Noor. Pada ketika itu berlakunya perubahan kepimpinan dalam Polis Diraja Malaysia ataupun mana-mana organisasi bergantung di atas kewibawaan dan keprihatinan seseorang pemimpin. Di sini jelas sekali Polis Diraja Malaysia telah berada dalam satu tahap yang cukup baik sekali imejnya bukan sahaja di rantau Asia malahan di seluruh dunia.

Pendekatan ketika itu ialah kepada suasana semasa. Dan akibat daripada perilaku yang berlaku yang kita tidak sangka-sangka menyebabkan sedikit-sebanyak terjejas. Persoalan saya ialah bagaimana secara serius, secara lebih betul mendatangkan effectivenessnya, dengan izin, begitu keterampilan untuk menentukan dan apakah pendekatan yang dibuat melalui arahan Ketua Polis Negara ataupun dengan izin, IGP Standing Order yang perlu dihayati oleh kumpulan pegawai baru sekarang ini yang mempunyai pendidikan, berkelulusan tinggi supaya mereka ini sentiasa prihatin dalam kerajaan berdemokrasi, sensitiviti rakyat supaya melambangkan pasukan Polis Diraja Malaysia itu adalah satu pasukan yang betul-betul mesra saya berterima kasih dan tahniah kepada konsep bertema 'Polis Bermesra' tetapi penghayatan pegawai-pegawai kanan khususnya untuk menentukan rakyat menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada polis sebagai tempat berlindung.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Pilah yang juga seorang bekas pegawai polis yang banyak memberi cadangan di beberapa sesi ini. Memang tambahan daripada apa yang telah saya jawab tadi untuk memastikan pegawai polis melaksanakan kuasa-kuasanya ataupun perintah, model daripada atasan dijalankan dengan baik. Kerajaan sebenarnya

telah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di peringkat kementerian, jabatan dan daerah dengan matlamat untuk meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan awam. Peranan utama jawatankuasa ini juga untuk mengkaji kelemahan undang-undang, procedural kerja dan arahan-arahan yang diguna pakai pada masa ini.

Selain daripada jawatankuasa ini pada masa kini Kementerian Dalam Negeri dan juga polis sedang mengadakan banyak sesi dialog. Kita jemput semua mereka yang ada pengalaman termasuk bekas Ketua Polis Negara seperti Tun Haniff Omar untuk mengadakan perbincangan secara terbuka tentang apakah yang kita fikir perlu diperbetulkan kalau ada dan apakah yang sudah out-dated kita jadikan ia lebih sesuai dengan keperluan semasa dan bagaimanakah kita boleh ingatkan pegawai polis untuk menggunakan discretion, dengan izin. Kalau guna discretion mestilah gunakan dengan betul sejajar dengan tujuan sesuatu kuasa itu, bukan guna discretion hanya untuk jadi satu short cut untuk mengelakkan masalah. Sebenarnya discretion itu kena guna untuk menyelesaikan masalah itu berdasarkan fakta dan untuk keadilan. Saya rasa semua ini kita sudah ambil perhatian yang serius pada masa kini.

4. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah kementerian beliau sudah mengenal pasti bidang yang ditakrif sebagai diskriminasi kaum, jantina, umur, bahasa yang dianggap menjejaskan perpaduan negara serta bagaimana langkah mengatasinya.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedia maklum mengenai bidang-bidang yang boleh ditakrifkan sebagai diskriminasi kaum, jantina, umur dan bahasa. Perkara ini telah pun diambil kira oleh kerajaan semasa menggubal dasar-dasar utama seperti pendidikan, ekonomi dan pembangunan sosial tanpa mendiskriminasikan mana-mana pihak. Semua program dan aktiviti yang dilaksanakan pula adalah bertujuan untuk memantapkan serta mempertimbangkan bagi semangat perpaduan di kalangan rakyat sebagai satu bangsa Malaysia yang dapat hidup dalam suasana harmoni, aman dan sejahtera.

Perlu ditekankan di sini bahawa kekuatan dan perpaduan negara yang dinikmati oleh seluruh masyarakat Malaysia sehingga kini adalah hasil usaha kepimpinan negara yang berjaya merumuskan formula perpaduan berasaskan semangat toleransi dan kerjasama antara semua kaum. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diterima oleh semua kaum tanpa rasa prejudice dan diskriminasi akhir-akhirnya adalah merupakan senjata utama kepada pengekal perpaduan kaum di Malaysia.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, sebarang diskriminasi adalah dianggap sebagai pencabulan hak asasi manusia dan pencabulan hak asasi manusia di Malaysia adalah dianggap sangat tinggi dan ini dipersetujui di dalam dan di luar negeri. Adakah hakikat ini menjadikan sebab utama untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, hak asasi manusia ini ialah di bawah bidang kuasa kementerian lain. Oleh kerana itu, saya rasa bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat perkara ini tidak timbul. Jadi, saya kalau perlu, kementerian lain akan mengatasinya.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yasin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu survival dan kesejahteraan negara kita bergantung kepada perpaduan kaum. Kalau tidak ada perpaduan kaum, tidak ada kestabilan politik, kita akan menghadapi satu suasana yang sukar. Soalan saya kepada Timbalan Menteri, adakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengenal pasti unsur-unsur dan fakta-fakta yang boleh memecahbelahkan perpaduan kaum dan perpaduan rakyat serta menjejaskan kesejahteraan negara?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sentiasa dari masa ke semasa melihat apa yang akan timbul, yang akan membawa kita ini supaya masyarakat kita tidak dapat bersatu padu di antara satu sama lain, memang sentiasa akan dilihat. Jadi, perkara yang pertama sekali iaitu yang saya sebut tadi, jika kita tidak ada toleransi di antara satu sama lain, kalau kita tidak ada hormat-menghormati di antara

satu sama lain di dalam masyarakat majmuk ini memang itulah yang akan timbul. Jadi, dalam masa yang lepas sampai sekarang, hormat-menghormati itu memang ada. Oleh kerana itulah kita dapat bekerjasama. Sungguhpun mungkin ada sedikit-sebanyak perselisihan tetapi perkara itu kita dapat bendung dengan semua pihak. Jadi, oleh kerana itulah pada masa ini kita dapat bekerjasama. Kalau kita mahu ambil contoh kita jauh lebih harmoni dibandingkan dengan negara-negara jiran kita yang lain.

5. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan butir-butir syarikat swasta yang diberi kontrak menjana kuasa elektrik kepada Tenaga Nasional Bhd. Sila beritahu harga-harga dan tempoh yang ditawarkan oleh syarikat masing-masing.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan tujuh lesen penjana bebas ataupun IPP bagi Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah ini, lima daripada penjana bebas tersebut telah memulakan operasi mereka manakala dua lagi berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Butir-butir mengenai penjana bebas tersebut adalah seperti berikut:

Lesen Penjana Bebas (IPP)	Kapasiti (MW)
YTL Power Generation Sdn. Bhd.	1,212
Segari Energy Ventures Sdn. Bhd.	1,303
Powertek Berhad	440
Port Dickson Power Sdn. Bhd.	440
Genting Sanyen Power Sdn. Bhd.	720
Teknologi Tenaga Perlis Konsortium Sdn. Bhd.	650
TNB Janamanjung	2,100

Harga pembelian tenaga daripada IPP adalah berbeza mengikut, dengan izin, Power Purchase Agreement (PPA) yang dimeteraikan di antara IPP dengan Tenaga Nasional Berhad.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami boleh nampak setiap tahun penjana kuasa swasta ini mendapat keuntungan beratus-ratus juta, dan kerajaan telah berunding dengan syarikat swasta ini supaya mereka menyumbangkan 1% dari keuntungan untuk social obligations. Saya hendak mendapat tahu sama ada 1% dari keuntungan itu adalah satu kadar yang munasabah memandangkan keuntungan mereka itu beratus-ratus juta?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, 1% daripada turn-over, dengan izin, disumbang untuk menjadikan dana ini adalah satu angka dianggap munasabah dan secara perundingan telah diterima oleh semua pihak.

Datuk Lim Si Cheng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang dana amanah yang ditubuhkan oleh pihak IPP, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, apa tujuan dana ini ditubuh dan kalau boleh Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini berapa yang telah dikutip. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk menubuhkan dana ini adalah untuk menerima sumbangan daripada IPP supaya dapat kita menjalankan pelbagai projek dan aktiviti yang ada kaitan dengan bekalan elektrik. Setakat ini kita telah terima sebanyak lebih kurang RM60 juta daripada IPP dan tahun ini kita anggap kita akan menerima RM120 juta lagi dan setakat ini lebih kurang sebanyak RM21 juta telah pun dibelanjakan dan sebahagian besarnya telah dibelanjakan untuk menjalankan projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang ada kaitan dengan bekalan elektrik kepada kawasan di luar bandar.

6. *Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] minta Menteri Kewangan menyatakan:*

- (a) apakah tindakan kerajaan untuk menghalang supaya tidak berulang kerugian atas kertas yang ditanggung oleh Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (EPF) dalam pelaburan-pelaburannya dalam RHB, UEM, EON, KFC, NSTP dan Sime Darby; dan

- (b) apakah pertimbangan keuntungan KWSP membelanjakan RM28 juta untuk mendapatkan saham Konsortium Perkapalan Berhad yang akhirnya susut kepada RM4.6 juta pada penghujung 1998.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, KWSP sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan melabur di pasaran saham dan dilaksanakan melalui proses penilaian yang ketat. Keputusan untuk melabur dalam mana-mana syarikat adalah berdasarkan asas-asas fundamental syarikat yang kukuh, potensi pertumbuhan sektor dan kumpulan pengurusan yang berwibawa. Pelaburan KWSP dalam pasaran saham termasuk pelaburan dalam syarikat-syarikat RHB Berhad, United Engineers Malaysia Berhad, Edaran Otomobil Nasional Berhad, Kentucky Fried Chicken, New Straits Times Press Malaysia Berhad, Konsortium Perkapalan Berhad dan Sime Darby merupakan pelaburan jangka panjang bagi tujuan memperolehi pendapatan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal berikutan dengan kemeseletan ekonomi yang melanda negara dan rantau ini. Mulai pertengahan tahun 1997, pelaburan KWSP dalam ekuiti turut mencatatkan penurunan dalam nilai pasaran selaras dengan penurunan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur sebanyak 52% bagi tahun 1998. Fenomena ini bukan sahaja dialami oleh KWSP malah oleh pengurus dana-dana lain di dalam atau di luar negara.

Pegangan pelaburan dalam pasaran saham sememangnya terdedah kepada turun naik pasaran yang berkait rapat dengan keadaan ekonomi negara dan perubahan pasaran saham ini akan memberi kesan langsung ke atas nilai pelaburan ekuiti KWSP. Oleh itu penyusutan nilai dalam tempoh jangka pendek tidak seharusnya dilihat sebagai kerugian nyata.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan KWSP dalam pasaran saham telah mampu memberi pulangan yang baik kepada KWSP. Bagi tahun 1997, pelaburan dalam ekuiti telah menyumbang sebanyak 8.72% ataupun RM760 juta dari segi pulangan dividen dan keuntungan modal kepada jumlah pendapatan KWSP bagi tahun

berkenaan. Bagi tahun 1996, pendapatan dari pelaburan dalam ekuiti ini berjumlah RM1,075 juta ataupun 13.18% dari jumlah pendapatan KWSP. Bagi tahun 1997 dan 1998, pelaburan KWSP dalam KPB telah menyumbang pulangan dalam bentuk keuntungan modal nyata dan jumlah dividen sebanyak RM6.56 juta kepada jumlah pendapatan KWSP.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kementerian memberi penjelasan tentang garis panduan ringkas board of the director EPF ini untuk membuat satu pelaburan dan saya juga ingin jaminan daripada pihak kementerian iaitu EPF ini tidak disalahgunakan pada masa akan datang memandangkan Menteri Kewangan I, ahli perniagaan dan syarikat-syarikat proksinya banyak mengalami kerugian. Jadi kita bimbang salah guna Kementerian Kewangan ini akan digunakan pengaruhnya untuk menggunakan wang EPF untuk menyelamatkan syarikat-syarikat proksinya. Apakah jaminan pihak Kementerian Kewangan supaya perkara ini tidak berlaku sama sekali sekarang dan pada masa yang akan datang?

Timbalan Menteri Kewangan: Tuan Yang di-Pertua, tentang beberapa garis panduan itu memang terdapat beberapa syarat pelaburan yang perlu diikuti iaitu:

- (i) sama ada industri itu adalah industri strategik untuk kepentingan negara;
- (ii) sama ada ini adalah mengikut dasar ekonomi negara; dan
- (iii) sama ada due diligence diikuti oleh panel pelaburan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya secara detail, KWSP mempunyai dua jabatan pelaburan yang mantap, satu daripadanya ialah Jabatan Pelaburan menjalankan aktiviti pelaburan daripada peringkat kajian iaitu due diligence hingga peringkat pelaksanaan.

Yang kedua, Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi pula menjalankan penyelidikan dan memberi pandangan secara objektif dan berkecuali mengenai cadangan-cadangan pelaburan yang diterima. Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi ini mempunyai tiga bahagian iaitu ekonomi, penyelidikan kualitatif serta industri dan sekuriti. Kedua-dua jabatan ini dianggotai oleh ahli ekonomi, analisis pelaburan, dealers, pengurus dana dan eksekutif kanan serta para profesional yang

lain. Selain daripada itu, KWSP juga melantik beberapa pengurus dana tempatan dan antarabangsa yang diluluskan untuk melaburkan sebahagian kecil pelaburannya dan prestasi pelaburan KWSP serta pengurus dana luarnya dinilai dari semasa ke semasa oleh actuary bebas. Semua keadaan ini membolehkan KWSP membuat keputusan pelaburan secara profesional dan memberi keyakinan kepada ahlinya.

Tentang salahgunakan garis panduan ini dan untuk kita memastikan supaya yang dikatakan syarikat proksi sebenarnya, syarikat proksi itu tidak ada dan sebenarnya apa yang KWSP buat itu adalah mengikut garis-garis panduan yang telah ditetapkan dan adalah untuk kebaikan KWSP dan teguran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar sekali dan pelaburan dalam BSKL itu adalah seperti syarikat-syarikat dan dana-dana yang lain memanglah terdedah kepada turun naik harga-harga saham dan kita sebagai satu institusi kewangan kerajaan telah melaburkan caruman ahli-ahli KWSP itu secara jangka panjang dan bukanlah secara spekulatif untuk mendapatkan keuntungan yang pendek dan sebenarnya adalah untuk mendapat keuntungan daripada dividen dan pulangan dalam jangka masa panjang.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ini adalah satu soalan politik daripada pihak pembangkang. Sebab isu-isu inilah yang dibangkitkan di kampung-kampung yang menuduh bahawa kerajaan menyalahgunakan wang simpanan rakyat. Dengan jawapan Ahli Yang Berhormat tadi, adakah rancangan kementerian Yang Berhormat supaya perkara ini diperjelaskan kepada masyarakat melalui media-media kerajaan. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Kerajaan memang faham ini adalah satu soalan yang bertujuan politik, oleh kerana sentiasa dikaitkan dengan billing out, sama ada satu-satu syarikat itu adalah proksi bagi seseorang pemimpin. Sebenarnya pihak KWSP itu memang telah memberi penjelasan yang baik dan oleh kerana pihak pembangkang sentiasa memutarbelitkan perkara ini dan sebarkan butir-butir yang tidak betul dan tepat pada masyarakat kita dan telah menjadikan keadaan itu lagi keruh. Sebenarnya semua syarikat di dalam negara kita, semua dana tahun ini dan dalam negara itu

menghadapi masalah yang sama dan mengapa pihak pembangkang itu tidak memberi hakikat ini kepada masyarakat kita dan hanya tumpukan kepada syarikat-syarikat tertentu dan sengaja memutarbelitkan hakikat yang sebenarnya berlaku.

7. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapa perkampungan Orang Asli masih tidak dilengkapi dengan bekalan air paip dari Jabatan Bekalan Air dan Elektrik dari TNB. Apakah perancangan kementerian dalam aspek ini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dari jumlah keseluruhan kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 840 buah kampung, terdapat 400 buah kampung ataupun 47% masih belum menerima bekalan air luar bandar. Sementara itu 554 ataupun 65% kampung Orang Asli masih belum dibekalkan dengan bekalan elektrik. Kementerian saya memang mempunyai perancangan dan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mendapatkan peruntukan yang lebih bagi menyediakan kemudahan prasarana ini di kampung-kampung Orang Asli. Namun demikian, kemudahan penyediaan bekalan air adalah bergantung kepada lokasi kampung, kemampuan kerajaan, sumber bekalan dan lain-lain.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kerap kali kita bangkitkan isu ini dalam mesyuarat pembangunan daerah. Biasanya jawapan yang kita terima ialah pihak JBA dan pihak TNB tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan projek tersebut. Jadi saya hendak tanya sama ada kementerian akan berunding dengan kementerian yang berkaitan supaya ada satu vote yang khas untuk tujuan tersebut. Saya juga ingin tahu apakah kemajuan program pembangunan semula perkampungan Orang Asli dan bagaimana sambutan daripada masyarakat Orang Asli. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi tentu sekali saya bersetuju dengan Yang Berhormat, perkara ini telah disentuh di dalam peringkat daerah dengan pegawai-pegawai Orang Asli tetapi saya rasa boleh jadi, dua saluran, satu mengikut saluran biasa dan satu

mengikut apa yang kita sebutkan - PPRT. Mungkin Yang Berhormat dapat meneruskan permintaan, boleh jadi. Ini cuma cadangan sahaja, mungkin dapat atau tidak dapat. Yang Berhormat, kalau difikir saya tahu kawasan Yang Berhormat itu memang ramai Orang Asli iaitu dalam negeri Pahang, boleh menulis surat kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar berkenaan dengan satu-satu kampung yang difikirkan sangat perlu, kalau tindakan yang lepas tidak ada, oleh kerana tidak cukup peruntukan dan cadangan Yang Berhormat itu tadi supaya vote khas akan ditubuhkan, perkara ini akan saya bawa kepada 'Post-Cabinet' supaya perkara ini dapat difikirkan oleh kementerian tetapi cadangan saya yang awal tadi, sekiranya Yang Berhormat fikir betul-betul perlu, bolehlah berhubung dengan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak: Soalan tambahan. Kita semua sedar bahawa kementerian Yang Berhormat tentunya mengambil begitu berat berkenaan dengan kebajikan Orang Asli lebih-lebih lagi perkampungan Orang-orang Asli ini bertaburan dan kawasan mereka ini didapati banyak sungai yang mereka bergantung harap untuk dijadikan bekalan air, tercemar. Jadi saya ingin bertanya, apakah di pihak kementerian telah mengenal pasti perkampungan-perkampungan Orang Asli yang dalam keadaan yang daif disebabkan pencemaran dan tidak dapat pula bekalan air bersih daripada pihak Jabatan Bekalan Air. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Terima kasih, Yang Berhormat dari Kota Bahru. Memang ada yang belum mendapat bekalan air sebab kalau selain daripada yang diatur oleh Kementerian Luar Bandar iaitu daripada peruntukan, lebih kurang daripada 47% yang telah menerima bekalan air daripada luar bandar iaitu 20% dari bekalan air Gravity Water Supply. Jadi yang lebih itu mungkin ada oleh kerana tercemar, jadi saya tidak ada angka yang sedia ini, jadi saya akan memberikan jawapan Yang Berhormat di mana kawasan-kawasan yang tercemar. Oleh kerana itu bekalan air Gravity Water Supply tidak dapat disediakan. Jadi itulah saya akan memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini tentang kita mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana membela Orang Asli dan antara dua agenda untuk membela Orang Asli ialah dengan melengkapkan prasarana seperti api dan air dan membawa mereka dalam mainstream masyarakat negara Malaysia kita.

Saya ingin bertanya, setakat ini bagaimana usaha kerajaan untuk membawa mereka ke mainstream seperti melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan ekonomi bandaran seperti melibatkan mereka dan menjadi pengusaha perniagaan. Saya minta sedikit pandangan setakat mana kejayaan kementerian atau Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menarik mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti ekonomi moden ini seperti menjadi pengusaha-pengusaha baru. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin mengenai dengan Orang Asli. Mengikut apa yang saya telah dengar dalam kementerian, selama saya di kementerian iaitu perubahan bagi Orang Asli yang masih di pedalaman memang masih berkurangan. Kalau kita mahu mereka pindah mengikut apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi kerana saya faham mereka tidak mahu meninggalkan kawasan mereka.

Ini saya memberi perbandingan kerana saya datang dari negeri Sarawak. Di negeri Sarawak memang susah kalau hendak menyuruh orang Iban, orang Bidayuh atau orang Ulu berpindah melainkan ada projek besar-besaran. Masa kini ada dua kawasan di Sarawak supaya dapat menanam kelapa sawit. Jadi, permintaan sekarang pun banyak tetapi dari pihak Orang Asli di sini mereka hanya ada kawasan mereka kita dengar reserve land Orang Asli ataupun ada reserve land yang belum digazet lagi, jadi perkara tanah saya rasa ialah perkara utama yang menyebabkan Orang Asli tidak mahu

berpindah dari kawasan mereka. Jadi, perkara itu belum lagi dapat diselesaikan kerana banyak perkara berhubung dengan kerajaan-kerajaan negeri, ada juga yang berhasil tetapi perkara itu tidak banyak iaitu supaya diberi lot tanah atau geran tanah tetapi kebanyakan mereka tidak mahu meninggalkan kawasan di mana tempat mereka tinggal pada masa itu.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

9. **Datuk Lim Si Cheng (Senai)** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) sama ada dakwaan yang menyatakan bekalan kayu getah di Malaysia merosot sehingga menjejaskan keluaran perabot berasaskan getah adalah benar atau tidak; dan
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan produk kayu balak di negara ini diiktiraf oleh pembeli antarabangsa sebagai produk yang berpunca dari hutan yang mempunyai taraf pengurusan hutan Tropika yang rapi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan yang menyatakan bahawa bekalan kayu getah di Malaysia merosot sehingga menjejaskan pengeluaran perabot adalah kurang tepat. Pada hakikatnya industri perabot telah menunjukkan satu peningkatan yang menggalakkan. Sebagai contoh Malaysia telah mengekport keluaran perabot bernilai RM4.36 bilion dalam tahun 1998 berbanding RM2.93 bilion pada tahun 1997 dan angka ini akan terus meningkat di tahun hadapan. Sebahagian besar perabot kayu yang dieksporth ini berasaskan kepada kayu getah.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan kayu getah adalah mencukupi untuk industri perabot tempatan. Kekurangan bekalan kayu getah hanya

terjadi di kawasan-kawasan tertentu yang disebabkan beberapa faktor seperti musin hujan, harga yang ditawarkan dan kos pengangkutan yang tinggi. Di samping itu, penukaran ladang getah kepada kelapa sawit juga mengakibatkan bekalan kayu getah berkurangan.

Dalam pada itu penempatan pengusaha-pengusaha perabot yang banyak tertumpu di negeri Johor telah menimbulkan masalah mendapatkan bekalan kayu getah yang banyak terdapat di negeri-negeri Kedah, Perak dan Pantai Timur. Kementerian melalui MTIB sentiasa memerhatikan kedudukan ini dan akan terus membantu mana-mana pengusaha perabot yang menghadapi masalah mendapatkan bekalan kayu getah.

- (b) Untuk memastikan produk kayu balak dari negara ini diiktiraf oleh pembeli antarabangsa sebagai produk yang berpunca dari hutan yang diurus dengan rapi dan secara berkekalan, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan Hutan secara berkekalan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama bagi menyelaraskan projek-projek dan aktiviti-aktiviti pengurusan hutan mapan yang dikendalikan bersama oleh JPSM dan FRIM.

Majlis Persijilan Kayu Nasional Malaysia yang akan bertanggungjawab mengeluarkan sijil pengesahan kepada produk kayu yang dihasilkan daripada bahan mentah dari kawasan-kawasan hutan yang diuruskan secara berkekalan (sustainably manage).

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perusahaan Utama mengadakan satu program untuk menggalakkan menanam semula pokok-pokok getah dengan tujuan mendapatkan kayu untuk industri perabot. Kalau ya, sejauh manakah kementerian telah berjaya dalam usaha ini? Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Sememangnya kementerian ada program-program untuk memastikan bahawa usaha untuk menanam semula pokok-pokok getah boleh membantu industri perabot dari segi bekalannya. Tetapi masalah yang dihadapi oleh kementerian dan kerajaan ialah keluasan penanaman getah di Malaysia iaitu 1.6 juta hektar di mana 87.6% adalah dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil.

Penggalakan tanaman semula adalah penting untuk membekalkan bahan mentah kepada aktiviti-aktiviti hiliran bukan sahaja perabot tetapi sebanyak 50 ribu hektar setahun diperlukan untuk membekalkan bahan mentah kepada sektor perabot khususnya. Penanaman semula akan memberikan pendapatan tambahan kepada pekebun-pekebun kecil tetapi pendekatan ini harus diterima pakai oleh mereka yang terlibat.

Kementerian mencadangkan dan mengalu-alukan bila usaha untuk menanam semula pokok-pokok getah ini dilakukan klon balak latex (latex timber clone) dengan izin, digunakan walaupun harga latex agak menurun pada ketika ini sekurang-kurangnya balak daripada kayu getah boleh digunakan untuk industri-industri hiliran.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah mengadakan ladang-ladang hutan untuk menentukan bahawa bekalan hasil hutan yang berkekalan iaitu dengan mengadakan ladang compensatory yang ditanam dengan Acacia Majem. Jadi saya ingin tahu pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan telah berbelanja begitu banyak hasil daripada tanaman tersebut dan apakah pulangan yang didapati oleh kerajaan kerana kebanyakan ladang-ladang hutan yang ditanam dengan jenis spesis Acacia Majem ini tidak terbiar begitu sahaja. Jadi, apakah perancangan kerajaan untuk menangani masalah yang dihadapi ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, mengenai spesis Acacia Majem, sesungguhnya inilah satu perkara yang sedang diperhatikan oleh pihak kementerian. Masalahnya dari segi gestation period, dengan izin, untuk spesis-spesis yang diperkenalkan. Kesan dan usahanya hanya dapat dilihat pada

jangka masa yang agak panjang. Pihak kementerian memang peka dan prihatin mengenai kegunaan Acacia Majem dan spesis-pesis baru sedang diperkenalkan di ladang-ladang yang berkenaan. Mengenai permintaan maklumat-maklumat yang terperinci dari segi ladang-ladang yang dikenalkan oleh kementerian, saya perlukan notis dan saya akan jawab secara bertulis.

10. **Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah perancangan kerajaan untuk memastikan penglibatan masyarakat luar bandar supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan di zaman informasi ini di mana IT memainkan peranan utama dalam ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengambil langkah-langkah ke arah memastikan Malaysia menjadi tumpuan dengan izin, hub industri IT dan komunikasi di rantau ini. Dalam usaha menuju ke arah ini, kerajaan akan berusaha untuk memastikan golongan rakyat di kawasan-kawasan luar bandar tidak ketinggalan untuk mengetahui dan menyertai arus perdana teknologi maklumat.

Menerusi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, kerajaan akan menyediakan infrastruktur IT bagi membolehkan rangkaian komunikasi dipertingkatkan supaya dapat beroperasi dalam persekitaran percantuman atau dengan izin, convergence industri Komunikasi dan Multimedia. Melalui pemberian insentif pelesenan pula akan mendorong pelabur-pelabur meluaskan kemudahan rangkaian aplikasi di kawasan-kawasan luar bandar seperti mana dalam program perancangan IT Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan satu Tabung Perkhidmatan Sejagat (Universal Service Fund) di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia akan membolehkan sumbangan diperolehi daripada pelesen-pelesen pembekal perkhidmatan industri komunikasi dan multimedia. Menerusi tabung ini, usaha untuk membiayai penyediaan rangkaian telekomunikasi di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak diliputi oleh prasarana sedia ada akan dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan dalam usaha terdekat ini telah memperkenalkan projek dengan izin, e-community bagi memastikan masyarakat luar

bandar tidak ketinggalan di dalam arus perdana IT. Menerusi projek ini ianya akan menggalakkan rakyat luar bandar menggunakan media elektronik di dalam aktiviti sosial dan ekonomi mereka. Projek printis ini sedang dirancang di Sarawak dan Kedah untuk dilaksanakan pada tahun ini juga.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, kita mengaku mengapa perlunya pihak masyarakat di luar bandar juga tidak ketinggalan daripada arus kemajuan pembangunan dalam zaman informasi. Tetapi kita juga sedar bahawa IT ini telah menjadi satu medium ataupun alat di mana maklumat-maklumat yang palsu ataupun tidak betul telah disebar. Jadi, bagaimanakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengimbangi antara perlunya masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dan juga IT ini dijadikan alat yang boleh merosakkan negara kita sendiri.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa terdapat golongan yang tertentu memperalatkan IT ini untuk mencapai matlamat atau tujuan tertentu khususnya dalam bidang politik dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Malaysia telah memberikan komitmen kepada seluruh dunia bahawa kita tidak akan menyemak apa-apa perkara yang disebar melalui komputer dan alat-alat IT yang lain kerana kita yakin bahawa rakyat Malaysia dapat membezakan apa yang betul, apa yang salah dan apa yang hitam dan apa yang putih. Dengan beberapa perundangan yang telah pun diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, kita juga yakin bahawa gejala-gejala yang tidak diingini ini ataupun sesuatu yang dianggap salah ini kalau sekiranya berlaku, perundangan yang sedia ada ini mencukupi untuk menghadapi keadaan seperti ini dan kalau sekiranya didapati ada mana-mana pihak yang telah melakukan kesalahan melalui IT ini bolehlah tampil ke hadapan untuk membuat laporan kepada pihak-pihak yang berkuasa dan tindakan akan diambil.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di kawasan-kawasan kampung atau pedalaman ada lebih 2,000 sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Kalau tidak ada bekalan elektrik maka masalah komputer, e-community dan sebagainya memang timbul kerana tidak mungkin wujudnya masyarakat yang ber IT. Saya hendak Yang

Berhormat dan kementerian mengkaji macam mana kita dapat membantu dari segi mengatasi masalah seperti bekalan elektrik. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sedang membantu sebuah sekolah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dinasihatkan soal terus, jangan buat misalan ataupun cadangan, itu tidak mengikut Peraturan mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya akur cuma saya hendak terangkan mungkin Yang Berhormat tidak begitu faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sekarang ini bukan masa perbahasan [*Disampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukan perbahasan tetapi latar belakang, misalnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat soal terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Soal, ya, adakah Yang Berhormat tahu bahawa misalnya di sebuah sekolah di Kepong, ini sekolah Tamil kerana tidak begitu mampulah dan saya hendak tolong tetapi bila kita hendak adakan bilik komputer, ianya memerlukan lebih elektrik dan kadangkala hendak ubahsuai untuk memberi tambahan bekalan elektrik 8,000 watt, 10,000 watt diperlukan, itu masalah di bandar. Saya tidak tahulah macam mana sukarnya di luar bandar.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang sedar bahawa masih ada sekolah-sekolah di kawasan terpencil dan pedalaman tidak menikmati bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang dirancang dan sedang diambil oleh kementerian saya, pihak TNB, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya kita akan cuba membekalkan elektrik kepada sekolah-sekolah tersebut dalam masa yang singkat sekali.

Misalan kata, sebentar tadi saya telah menjawab di Dewan yang mulia ini bahawa satu tabung amanah telah diwujudkan oleh kementerian saya dengan sumbangan daripada semua IPP. Ini adalah merupakan satu sumber yang penting untuk membekalkan elektrik kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Maka dengan

kerjasama dari semua pihak, pihak kerajaan yakin bahawa perkara ini akan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

[Soalan No.11 - Y.B. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) tidak hadir]

[Soalan No.12 - Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datok) tidak hadir]

13. **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah pelaburan KWSP dalam hartanah sehingga Februari 1999. Dalam usaha menyediakan perumahan kepada rakyat, adakah KWSP membina rumah khususnya rumah murah untuk dijual kepada pencarumnya dan kalau ada, berapa banyak bilangannya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 28 Februari 1999, pelaburan KWSP dalam bidang hartanah adalah berjumlah \$627 juta. Pembelian tanah oleh KWSP adalah untuk tiga tujuan, iaitu:

- (i) membina bangunan untuk kegunaan sendiri;
- (ii) membina bangunan untuk tujuan pelaburan; dan
- (iii) untuk projek perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP tidak membina rumah khususnya rumah rakyat untuk dijual kepada pencarumnya sahaja. Projek perumahan KWSP adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, keutamaan adalah diberikan kepada ahli-ahli KWSP.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pelaburan KWSP, mengapakah sehingga kini pencarum-pencarum ini tidak diberitahu pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh KWSP dari masa ke semasa? Dan apakah sebab pencarum-pencarum di seluruh negara telah membuat beberapa seruan kepada pihak-pihak berkenaan supaya ada representasi mereka di board yang tertentu yang menentukan apakah pelaburan-pelaburan yang perlu dibuat memandangkan pada masa ini kita ada lebih kurang 9 juta pencarum di Malaysia dan tidak ada representasi dari pihak-pihak individual dari mana-mana negeri di negara ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, itu memang tidak benar oleh kerana CUEPACS memang mempunyai wakil di dalam Lembaga KWSP dan KWSP ini adalah merupakan satu insitutsi kewangan dan tidak merupakan satu medan untuk

berpolitik dan kalau dicampur-adukkan dengan tujuan politik, itu adalah tidak seharusnya berlaku.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mengenai pencarum tidak dijawab. Report kepada pencarum.

Dato' Wong See Wah: Memang kita mengakui KWSP mempunyai bilangan yang besar pencarumnya. Jadi mungkin Yang Berhormat mempunyai pandangan yang lebih tepat untuk kita cadangkan dari pihak manakah wakilnya dipilih untuk mewakili pencarum KWSP.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati badan-badan seperti PNB dan ASB, pada setiap tahun mereka menghantar laporan dan penyata tahunan kepada pendeposit di badan-badan tersebut. Adakah KWSP juga bercadang untuk berbuat demikian supaya pencarum KWSP mengetahui tentang maklumat penuh tentang KWSP agar nanti tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan KWSP seperti yang saya sudah jawab tadi iaitu adalah secara terbuka dan memang pihak-pihak tertentu itu dijemput datang untuk membuat penyelidikan dan siasatan dan juga laporan dibentangkan dalam Parlimen supaya Parlimen mengetahui apakah perkembangannya. Memang cadangan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian juga.

[Soalan No. 14 – Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] tidak hadir]

[Soalan No.15 – Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran] tidak hadir]

[Soalan No.16 – Y.B. Datuk S'ng Chee Hua [Julau] tidak hadir]

[Soalan No. 17- Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

18. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak kementeriannya sedar bahawa ada golongan tertentu menyebarkan dakyah yang boleh menghancurkan keamanan negara melalui media cetak, media elektronik dan rapat-rapat umum di seluruh negara kini. Jika sedar, apakah tindakannya. Jika tidak, kenapa?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi penjualan dan penyebaran penerbitan yang boleh menjejaskan

ketenteraman awam dan keselamatan negara. Tindakan memeriksa, merampas dan mengharamkan sentiasa diambil dari masa ke semasa. Sejak awal tahun 1999 sehingga Mac 1999 sejumlah 11,535 naskhah penerbitan telah dirampas semasa Kementerian Dalam Negeri menjalankan operasi pemeriksaan mengejut di seluruh negara.

Kerajaan sememangnya memandang serius dan peka terhadap penyebaran sebarang dakyah sama ada menerusi media elektronik, penerbitan dan rapat-rapat umum yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Sehubungan itu kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas dan sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dalam penyebaran dakyah di bawah undang-undang yang sedia ada. Kerajaan mempunyai cukup undang-undang untuk menangani masalah ini seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1946, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Kanun Keseksaan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih. Sejak akhir-akhir ini kita dapati banyak fitnah disebar melalui Internet dan ini menjadi persoalan kepada rakyat kerana setakat ini yang kita tahu hanya seorang sahaja yang telah didakwa mungkin di bawah Akta Jenayah Komputer ini iaitu apabila yang tertuduh menyebarkan mengenai rusuhan di Kuala Lumpur.

Jadi, persoalannya mengapakah setakat ini hanya seorang sahaja yang baru didakwa? Apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan mereka yang tidak bertanggungjawab ini juga akan didakwa di mahkamah.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi iaitu pihak berkuasa sama ada polis, Kementerian Dalam Negeri ataupun kementerian yang lain sentiasa mengawasi apa yang disebar sama ada dalam Internet ataupun melalui mesin cetak ataupun secara elektronik dan kita sedang kumpul, kalau sekiranya bukti sudah kukuh boleh kita gunakan sesuatu undang-undang, maka pihak berkuasa akan dakwa mereka seperti kita telah lakukan dan Yang Berhormat sudah sebut ada seorang kita bawa ke mahkamah kerana sebarkan khabar-khabar angin.

Sekarang kita nampak lebih serius daripada itu bukan khabar angin sahaja, ada pihak-pihak tertentu putarbelitkan fakta, menghasut atau membuat sesuatu yang gemparkan ataupun cuba hendak jatuhkan imej pemimpin negara kita. Jadi kita masih dalam proses mengawasi keadaan .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 1 ,2, 8, 11, 12, 14 hingga 17 dan 19 hingga 39 akan dijilid dalam buku yang berasingan].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1998 DAN 1999) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 1998

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL. 1) 1999

11.06 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM9,719,750,916 dikeluarkan daripada kumpulan wang yang disatukan untuk

membayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan 1999 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama Dan Kedua kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 1998 adalah berjumlah RM12,312,280,344. Daripada jumlah ini sebanyak RM9,659,750,916 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini manakala bakinya sebanyak RM2,652,529,428 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut.

Tambahan sebanyak RM9,409.4 juta di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada wang terkanun untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM9,398.2 juta untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada Akaun Hasil Disatukan untuk membiayai projek-projek pembangunan. Dengan tambahan ini jumlah wang yang dipindahkan kepada kumpulan wang pembangunan dalam tahun 1998 ialah sebanyak RM9,944.9 juta; dan
- (ii) sebanyak RM51.2 juta untuk dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Diri Pegawai-Pegawai Awam bagi menampung bayaran bil-bil tertunggak.

Tambahan sebanyak RM206.4 juta di bawah maksud B.29 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM206 juta untuk membiayai bayaran subsidi bahan-bahan petroleum bagi mengekalkan paras harga gas cecair kepada pengguna; dan
- (ii) sebanyak RM0.4 juta untuk membiayai pertambahan kos pertukaran mata wang asing dalam berbagai urusan kewangan yang berlaku di luar negara.

Tambahan sebanyak RM33.5 juta di bawah maksud B.51 Kementerian Luar Negeri untuk membiayai bayaran emolumen, elaun sara hidup bagi kakitangan

sambilan tempatan dan kakitangan perwakilan Malaysia di seberang laut. Kos penempatan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan, sewaan serta penyelenggaraan pejabat dan rumah kediaman di seberang laut.

Tambahan sebanyak RM4.6 juta di bawah Maksud B.16 - Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menampung perbelanjaan operasi kemarau di Sabah dan Sarawak, tugas-tugas Sukom 1998 dan perbelanjaan bagi unit udara yang baru ditubuhkan.

Tambahan sebanyak RM3.7 juta di bawah Maksud B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menampung perbelanjaan bagi menganjur Persidangan Ekonomi Asia-Pasifik atau APEC di Kuala Lumpur pada 17 hingga 18 November 1998 yang lalu.

Tambahan sebanyak RM1.6 juta di bawah Maksud B.40 – Jabatan Penjara untuk membiayai bayaran emolumen kakitangan Jabatan Penjara.

Tambahan sebanyak RM0.4 juta di bawah Maksud B.32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah dikehendaki untuk menampung bayaran emolumen kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri sebelum penutupan Jabatan Hasil Dalam Negeri pada 1 September 1998.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 1998 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1999 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1999.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1999 adalah berjumlah RM60 juta. Jumlah tersebut adalah untuk perbelanjaan bekalan dan diminta diluluskan di bawah Fasal 3 rang undang-undang ini. Peruntukan tambahan tersebut sebanyak RM60 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.49 – Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia iaitu sebuah badan kawal selia yang ditubuhkan pada 1 November 1998 oleh kerajaan bagi sektor komunikasi dan multimedia.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1999 adalah seperti penyata

anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1999 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1999.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 dan tambahan pertama 1999. Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 adalah berjumlah RM499,998,300 iaitu sebanyak RM446,998,300 perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM53 juta perbelanjaan pinjaman. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian-kementerian seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM405 juta di bawah Maksud P.28 - Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM250 juta adalah untuk membiayai sebahagian ekuiti kerajaan dalam urusan Danaharta Nasional Bhd. yang telah ditubuhkan untuk mencergaskan semula sektor kewangan dan menggalakkan pemulihan ekonomi negara;

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusi mesyuarat]

- (ii) sebanyak RM150 juta bagi tabung perumahan untuk rakyat termiskin untuk pembinaan rumah kos rendah kerajaan negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (iii) sebanyak RM5 juta sebagai modal ekuiti Menteri Kewangan diperbadankan dalam Syarikat Prasarana Negara Bhd.

Tambahan sebanyak RM86 juta di bawah maksud P.47 - Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM33 juta untuk bayaran pampasan tanah bagi projek Express Rail Link (ERL) di KLIA, Sepang; dan

- (ii) sebanyak RM53 juta sebagai pinjaman bagi menjelaskan bayaran terakhir ke atas bagi menjelaskan kerja-kerja yang telah disempurnakan bagi projek Sistem Transit Aliran Ringan (STAR).

Tambahan sebanyak RM7.3 juta di bawah Maksud P.37 - Jabatan Imigresen untuk membiayai sebahagian kos projek pengkomputeran Jabatan Imigresen.

Tambahan sebanyak RM1.7 juta di bawah Maksud P.51 - Kementerian Luar Negeri untuk menampung pembelian chancery di Harare.

Tambahan yang lain merupakan peruntukan tanda RM20 di bawah Maksud P.20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Maksud P.44 - Kementerian Penerangan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Tambahan Ketiga 1998 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1999 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1999 adalah berjumlah RM5,231,843,000 iaitu sebanyak RM4,653,743,000 adalah untuk perbelanjaan cara langsung. Sebanyak RM78,100,000 untuk perbelanjaan pinjaman dan RM500 juta untuk simpanan luar jangka.

Tambahan-tambahan bagi pembiayaan projek pembangunan mengikut kementerian atau jabatan adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM2,041 juta di bawah Maksud P.28 - Perbendaharaan adalah seperti berikut:

- (a) sebanyak RM1 bilion untuk bayaran ekuiti kerajaan dalam Danaharta Nasional Bhd.;
- (b) sebanyak RM50 juta untuk sumbangan kepada tabung perumahan untuk rakyat termiskin untuk pembinaan rumah kos rendah kerajaan negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;

- (c) sebanyak RM290.2 juta untuk mengambil alih projek Hidroelektrik Bakun;
- (d) sebanyak RM40 juta sebagai pinjaman kepada IWK bagi kerja-kerja pembinaan dan baik pulih;
- (e) sebanyak RM600 juta untuk membiayai ekuiti kerajaan dalam Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia Bhd. (BPIMB) dan keperluan modal kerja bagi projek-projek infrastruktur; dan
- (f) sebanyak RM60.8 juta untuk membiayai bayaran pampasan kepada KTMB bagi kontrak pembelian stok kereta.

Tambahan sebanyak RM1,170 juta di bawah Maksud P.7 - Jabatan Perdana Menteri untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM800 juta bagi meneruskan pelaksanaan projek Pusat Pentadbiran Putrajaya berkaitan kerja-kerja yang memerlukan kemudahan-kemudahan awam seperti masjid, hospital, sekolah, balai bomba, balai polis, pembedungan dan lain-lain kemudahan pejabat;
- (ii) sebanyak RM370 juta untuk menangani masalah pepijat alaf - Y2K;

Tambahan sebanyak RM928.3 juta di bawah Maksud P.25 - Kementerian Pertahanan untuk bayaran pendahuluan projek perolehan enam buah kapal peronda (petrolvessel) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia.

Tambahan sebanyak RM500 juta di bawah Maksud P.53 - Simpanan Luar Jangka untuk mempertingkatkan kepada RM1,000 juta.

Tambahan sebanyak RM302.7 juta di bawah Maksud P.49 - Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk membolehkan Lembaga Letrik Sabah (LLS) meneruskan projek pembangunan RMK-7 untuk projek pemancaran dan pembahagian projek penjanaan dan projek mini hidro.

Tambahan sebanyak RM123.1 juta di bawah Maksud P.47 - Kementerian Pengangkutan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM85 juta untuk membiayai bayaran pengambilan balik tanah Express Rail Link (ERL) di KLIA, Sepang; dan
- (b) sebanyak RM38.1 juta sebagai pinjaman untuk membiayai kerja-kerja pengorekkan new harbour basin Pelabuhan Kuantan.

Tambahan sebanyak RM121.7 juta di bawah Maksud P.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pelaksanaan program perumahan kos rendah bersepadu (PPR) bagi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Tambahan sebanyak RM45.1 juta di bawah Maksud P.51 - Kementerian Luar Negeri untuk perbelanjaan bagi pembinaan dan pembelian bangunan Chancery di Washington D.C. dan di Berlin.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1999 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1999 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 dan Tambahan Pertama 1999 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Usul.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima bilion tujuh ratus tiga puluh satu juta, lapan

ratus empat puluh satu ribu tiga ratus (RM5,731,841,300) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan:-

- (1) bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh lapan ribu tiga ratus (RM499,998,300) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1999, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima bilion dua ratus tiga puluh satu juta lapan ratus empat puluh tiga ribu (RM5,231,843,000) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas, kedua belas dan ketigabelas penyata tersebut.”

diserahkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998-1999 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan, di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

11.32 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat komen bahawa dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh minggu lepas, saya ada menyentuh aspek-aspek sosio politik pembangunan negara dan bukannya krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara kita dan perkara ini kemudiannya diperhebohkan lagi oleh komentar *Mingguan Malaysia* semalam bahawa saya tidak menyentuh mengenai krisis ekonomi di dalam perbahasan di Parlimen.

Perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan perbahasan dasar umum ketiga di Parlimen dalam tempoh dua minggu. Dalam dua perbahasan dasar pertama iaitu Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia serta Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya menyentuh secara meluas mengenai dasar strategi dan prospek ekonomi negara. Dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh berikutan dengan hukuman penjara enam tahun yang dijatuhkan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Permatang Pauh, saya telah menumpukan ke atas aspek pembangunan yang lebih meluas, bukan sahaja kerana Wawasan 2020 yang mahu melihat pembangunan Malaysia yang lebih menyeluruh dalam semua dimensi ekonomi, politik, sosial, rohaniah, psikologi dan budaya, tetapi juga dengan memetik editorial *Far Eastern Economic Review*, dalam terbitan 29 April 1999, di bawah tajuk dengan izin, *Fixing the Image - "Malaysia after Anwar's Trial? For unlike many of its neighbours in recession, in the Malaysia after Mr. Anwar's trial, investors look at more than just economic indicators to judge the investment climate"*. Bukan sahaja, economic indicators, more than just economic indicators to judge investment climate.

Kita perlu memaafkan kejahilan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tidak sedar bahawa saya sebenarnya telah menyentuh isu-isu krisis dan pemulihan ekonomi dalam dua perbahasan yang lebih awal di Parlimen oleh kerana beliau berada dalam IJN. Tetapi tidak ada sebarang alasan untuk kita mengabaikan kejahilan *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* yang telah terus menafikan peluang siaran ataupun blackout ucapan para Ahli Parlimen DAP di dalam liputan Parlimen mereka selama ini.

Para pemimpin kerajaan telah cuba memaparkan keadaan ekonomi Malaysia yang sungguh baik dan menyifatkan kejayaan ini sebagai hasil kawalan pertukaran asing yang diperkenalkan di negara ini pada September 1999 yang lepas. Sebagai contohnya pada hari Jumaat yang lepas Yang Berhormat Menteri Kewangan 1 memberitahu akhbar Jepun *Manichi* bahawa beliau meramalkan ekonomi Malaysia akan bertambah kukuh pada pertengahan tahun kedua dan bahawa ia akan bertumbuh sebanyak 2% tahun ini.

Sungguhpun Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) seterusnya menjelaskan bahawa beliau berkata ekonomi mungkin akan bertumbuh lebih dari 1% dalam wawancara dengan penerbitan Jepun tersebut, kita harus mengambil perhatian bahawa ramalan terbaru mengenai pertumbuhan KDNK untuk rantau ini dan dibuat oleh Bank Pembangunan Asia atau Asian Development Bank (ADB) serta IMF dalam laporan-laporan mereka, baru-baru ini.

Ramalan pertumbuhan KDNK dalam tahun 1999 dan tahun 2000 yang dibuat oleh kedua-dua institusi ini ialah seperti berikut:

	<u>Peratus Pertumbuhan KDNK Dalam Tahun</u>			
	1999		2000	
	ADB	IMF	ADB	IMF
Malaysia	0.7	0.9	2.7	2.0
Indonesia	0	-4.0	2.0	2.5
Thailand	0	1.0	2.5	3.0
Korea Selatan	2.0	2.0	4.0	4.6
Filipina	2.4	2.0	4.0	4.6
Singapura	1.0	0.5	4.0	4.2

Ramalan ADB dan IMF, kedua-duanya diumumkan pada hari yang sama iaitu 20 April 1999 dan kedua-dua laporan menggambarkan persamaan sesama mereka serta persamaan dengan ramalan-ramalan yang dibuat oleh sektor swasta. Dari

ramalan-ramalan yang dibuat oleh ADB dan IMF ini, Malaysia nampaknya ketinggalan di belakang negeri Thailand dan Korea Selatan dalam proses pemulihan ekonomi kita, sungguhpun dalam peringkat krisis ekonomi paling buruk dalam 1997, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang paling kurang terjejas berbanding dengan Indonesia, Korea Selatan dan Thailand.

Maka mengapakah pula kini, Malaysia ketinggalan di belakang negeri Thailand, Korea Selatan dan Filipina dalam proses pemulihan ekonomi? Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meramalkan bahawa KDNK Malaysia akan bertambah 5%, lebih tinggi dari semua negara lain di rantau ini kecuali negeri China. Adakah ini satu ramalan realistik?

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menyalahkan krisis kewangan Asia ke atas para spekulator mata wang. Sebagai contohnya, laporan ADB - Asian Development Bank Outlook 1999 telah memetik dua intepretasi umum di dalam perbahasan antarabangsa mengenai sebab bagi keruntuhan ekonomi ajaib Asia yang bergema – satu darinya menyalahkan asas ekonomi dan konsistensi dasar yang lemah sementara satu lagi mengatakan bahawa Asia telah menjadi mangsa panik kewangan di mana sentimen negatif membawa kepada kesan negatif.

Laporan ADB merasakan penjelasan yang pertama lebih masuk akal sungguhpun ia berkata, dengan izin, *“At first sight the past stellar economic record of the Asian economies does not support the fundamentalist interpretation. However, closer inspection clearly shows that these countries’ economic success was built on a particular kind of economic strategy that emphasized export orientation, centralized co-ordination of production activities, and implicit or even explicit ...”*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar apa Yang Berhormat sebutkan tadi, ramalan ADB dengan IMF mengatakan beberapa buah negara asing di sekitar kawasan rantau negara kita pertumbuhannya lebih tinggi daripada apa yang diramalkan di negara kita. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar

bahawa, pertama, negara-negara berkenaan menjual hampir kesemuanya apa yang ada kepada negara-negara lain aset-aset bank, syarikat-syarikat besar, segala infrastruktur yang ada diberi syarat-syarat bahawa mereka ini patut dijual kepada negara-negara asing, sampai hari ini rakyat Thailand begitu gelisah dengan apa yang berlaku di Thailand, tetapi kita tidak, kita mengontrolkan.

Yang keduanya, economic base, jumlah perdagangan kita adalah lebih besar daripada Thailand dan kurang sedikit daripada Korea kita adalah lebih besar. Apabila economic base itu besar, maka kalau pertumbuhan itu kecil pun, kalau di Amerika pertumbuhannya 2% adalah besar, 4% adalah besar tetapi kalau negara economic basenya rendah, economic basenya kecil, 10% pun begitu besar. Bermaknanya economic base adalah juga satu petanda, satu asas yang membolehkan kita mengukur apakah pertumbuhan 2% itu besar atau kecil ataupun 10% itu besar atau kecil, dua soalan.

Yang ketiga, dulu semasa kita mula terkena gawat, Yang Berhormat menghentam kerajaan bahawa kita tidak tahu mengurus itu dan ini, tetapi pada saat ini kita hendak bertanya sama ada Yang Berhormat mengaku bahawa cara kita mengurus adalah lebih baik daripada cara-cara orang lain mengurus di negara orang lain dan aset-aset negara kita tidak terjual, tergadai kepada orang asing?

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentulah telah sedar mengenai satu kajian yang telah dibuat, mengenai cara pengurusan ekonomi dalam masa krisis kewangan di Asia di mana kedudukan Malaysia tidak begitu tinggi apabila berbanding dengan kerajaan-kerajaan yang lain, tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar. Mengenai keadaan di negara-negara yang lain, memanglah ada keadaan negara-negara yang berbeza tetapi apa yang mustahak ialah kita perlu faham bahawa jangan kita menyalahkan semua krisis ini atau satu punca sahaja adalah bahawa spekulator-spekulator currency dan tentulah kita ...

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun pula.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti - bukan kita perlu mengikut semua langkah-langkah yang diambil oleh negara-negara yang lain tetapi janganlah kita pun

mengambil sikap bahawa tindakan kita khasnya mengenai kawalan modal ialah satu American cure.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, saya masih belum dengar kepada tiga soalan tadi. Saya hendak dengar sama ada Yang Berhormat mengakui bahawa cara kita menangani masalah ekonomi negara kita ini lebih berkesan dan berjaya dalam masa singkat tanpa berlakunya huru-hara, tanpa berlakunya masalah yang begitu teruk seperti yang berlaku di negara sekitar, satu.

Keduanya, cara pertumbuhan ekonomi yang dianjurkan oleh ADB dengan IMF yang saya sebutkan tadi adalah berasaskan kepada modal luar yang masuk begitu ketara yang menggelisahkan rakyat negara masing-masing dan saya percaya dalam sepuluh tahun lagi ini akan jadi isu politik yang besar kepada negara-negara berkenaan oleh kerana politik mereka itu, negara mereka itu akan dijajah oleh negara asing. Dua soalan minta dijawab.

Ketiganya, hendak tanya sama ada bersetuju atau tidak bersetuju bahawa kita menangani masalah ekonomi kita dengan bijak dan baik berbanding dengan kerajaan-kerajaan yang lain?

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah jawab soalan ketiga tadi, menyentuh mengenai satu kajian telah dibuat. Mengenai soalan pertama, sama ada saya setuju bahawa cara kita mengendalikan, menguruskan krisis ekonomi kita supaya boleh mengelakkan huru-hara sama ada itulah cara yang terbijak sekali, menimbulkan satu persoalan. Kenapa pula menimbulkan huru-hara, adakah oleh kerana kita ada satu sistem struktural yang tidak dapat ubah (reform) bahawa mereka yang bergantung kepada sistem ini yang mendapat kekayaan yang tidak patut didapat, sama ada melalui nepotisme, kronisme ataupun korupsi akan menyebabkan huru-hara kalau mereka tidak diselamatkan dan saya rasa ini akan menimbulkan masalah iklim (climate) politik di negara kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia minta jalan lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak jawab soalan kedua dahulu. Mengenai rujukan kepada laporan-laporan ADB, saya tidak rujuk kepada laporan IMF di sini dan memang kita tidak setuju bahawa kita mengeluarkan semua aspek ekonomi kita,

infrastruktur kita. Kita perlu mengikut semua cara tetapi kita perlu lebih realistik, faham menghadapi masalah ekonomi kita khasnya kesan atau efek krisis ekonomi kita, bukan oleh kerana spekulator-spekulator currency tetapi oleh kerana kita ada kelemahan-kelemahan, kita ada defect dan sampai sekarang kita tidak menangani isu-isu ini khasnya sebagai contohnya structural reform atau kronisme, korupsi dan nepotisme.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya tidak mahu berhujah dalam bentuk politik tetapi kalau kita andaikan ada kronisme, kalau kita andaikan ada korupsi pun tetapi itu adalah common di antara Thailand, Indonesia even Korea. Itu kita kata, alright, itu semua sama, ada semua, jadi kita lupakan isu itu. Yang saya sebutkan tadi soal tiga perkara dan yang saya masih hendak dengar dari Yang Berhormat ialah dari segi sama ada baik atau buruknya aset-aset kita dijual begitu ketara tanpa sekatan-sekatan kepada negara-negara asing, kepada orang asing. Adakah baik ataupun tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Kita boleh bersetuju dengan cara-cara di mana ada memberi perlindungan kepada aset-aset kita tetapi itu lain daripada bailout syarikat-syarikat nepotisme dan kronisme, itu perkara lain. Baiklah saya teruskan perkara tadi sebelum saya diganggu, *“However, closer inspection clearly shows that these countries’ economic success was built on a particular kind of economic strategy that emphasized export orientation, centralized co-ordination of production activities, and implicit or even explicit government guarantees of private investment projects, as well as a closed operational relationship and interlinked ownership between banks and firms. The financial sector was also exhibiting significant problems. Weak prudential regulation, lax and inexperienced supervision, low capital adequacy ratios, lack of adequate deposit insurance schemes, distorted incentives for project selection, and sometimes outright corruption all rendered the region’s financial systems weaker than they appeared”*.

Dengan menumpukan kepada kawalan modal sebagai punca memulihnya ekonomi negara, sungguhpun negara-negara lain yang tidak melaksanakan kawalan modal telah memulih lebih cepat dari krisis mereka, kerajaan Malaysia sebenarnya cuba mengelakkan dari melakukan reformasi struktur demi memulihkan keyakinan

para pelabur, antaranya memastikan wujudnya akauntabiliti dan ketelusan serta melancarkan perang segenap penjuru menentang rasuah.

Rasuah, kronisme dan nepotisme sebagai contohnya, telah dipergunakan sebagai senjata politik di dalam perang antara serta intra-parti dan bukannya dikenali sebagai barah negara

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: ... yang mesti dihapuskan, tanpa kira puncanya. Sehubungan ini saya mendesak supaya ditubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyasat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat hendak beri jalan ke tidak, ada dua orang bangun, mana-mana satu ...

Tuan Lim Kit Siang: Kedua-dua sekali, okay.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya dahulu ya, okay. Yang Berhormat membaca artikel saya tidak dengar apa artikelnya, tetapi kita tahu artikel dari luar ini bukannya semua accurate. Apa Yang Berhormat sebutkan dari segi confident investors, dari segi statistik kita mengetahui bahawa jumlah volume modal asing yang masuk adalah masih tinggi dan lebih daripada beberapa bulan yang sebelum itu. Jadi, apakah asas Yang Berhormat dipercayai apa yang disebutkan itu bahawa investment confident dari luar telah menurun. Hakikatnya kita tahu level investment meningkat dan di situ dikatakan menurun tidak ada confident, jadi ia ada contradiction. Jadi adakah kita dipercayai apa yang ditulis oleh orang luar atau kita dipercayai apa yang berlaku sebenarnya di negara kita?

Tuan Lim Kit Siang: Biarlah saya ulangi apa saya baca di sini, sama ada di mana Yang Berhormat menteri tidak bersetuju, okay. *“The financial sector was also exhibiting significant problems. Weak prudential regulation, lax and inexperienced supervision, low capital adequacy ratios, lack of adequate deposit insurance scheme, distorted incentives of project selection and sometimes outright corruption all rendered the region’s financial systems weaker they*

appeared” mana Yang Berhormat telah bersetuju. Bersetuju, so no need for the interruption. Kita tidak perlu untuk menerima sebagai gospel truth..

Dato' Azmi bin Khalid: Region, region...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, nanti.

Dato' Azmi bin Khalid: Region saya tidak...

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak perlu menerima sebagai gospel truth 100% apa yang ditulis di mana-mana di luar negeri atau di dalam negeri tetapi kita tidak patut mengadakan satu anggapan bahawa apa yang dituliskan di luar negeri semua 100% tidak berasas.

Dato' Azmi bin Khalid: Minta maaf Yang Berhormat, bagi saya, saya hendak menyentuh tadi ada tolong baca tempat di mana investors confidence telah menurun. Yang Berhormat membaca satu analisa untuk regional tetapi Yang Berhormat cuba ‘imply’ kan bahawa ini berlaku di Malaysia. Yang ini yang saya tidak bersetuju.

Tuan Lim Kit Siang: Itu mengenai keyakinan ialah..

Dato' Azmi bin Khalid: Regional, kemungkinan.

Tuan Lim Kit Siang: No, no itu ialah kenyataan. Saya bukan daripada ADB, itu daripada kenyataan saya, okay bukan bahawa kita memetik dan tidak perlu kita menerima 100% apa yang ditulis sesiapa sebagai gospel truth.

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak, saya bertanya investors confidence tadi, cuba baca balik adakah benar untuk Malaysia, kalau tidak benar kalau dia kata untuk region saya bersetuju, tetapi...

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan kali yang pertama kata bahawa kita belum dengan 100% atau untuk memulih investors' confidence itulah pendirian yang kita berulang kali...

Dato' Azmi bin Khalid: Tapi implikasi tadi bahawa...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan kata ini daripada ADB report tidak, sebab jangan kait dua-dua ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya tidak berkata ADB report, apa yang Yang Berhormat baca artikel tadi daripada luar dan saya tanya ada disebutkan investor's confidence telah menurun dan Yang Berhormat mengimplikasikan bahawa di Malaysia investors' confidence menurun walhal laporan itu mengatakan regional, regional bermaksud Indonesia, Thailand dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itulah kesilapan Yang Berhormat

Dato' Azmi bin Khalid: Tetapi Yang Berhormat cuba implikasikan ialah...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan apa yang saya sudah baca itu silap dan....

Dato' Azmi bin Khalid: Tersurat dan tersirat.

Tuan Lim Kit Siang: Lain kali Yang Berhormat lebih berwaspada, lebih berhati-hati.

Dato' Azmi bin Khalid: Okay Yang Berhormat, saya hendak tanya bermakna yang tersurat ialah regional, yang tersirat bermakna Yang Berhormat tidak mengkui di Malaysia ini investor's confidence telah menurun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, apa yang kita bacakan tadi ialah satu kenyataan yang menyeluruh mengenai kelemahan-kelemahan yang mengakibatkan krisis kewangan di rantau ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, tahu, tetapi Yang Berhormat bersetuju bahawa investor's confidence di Malaysia tidak menurun.

Tuan Lim Kit Siang: Ada.

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak, ada Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa kita tidak pernah dalam krisis kewangan ini hadapi satu krisis keyakinan..

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak sekarang ini, kita bercakap sekarang bukan dua tahun yang lalu, sekarang, bukan tahun 1997.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang pun belum memulihkan, kalau sudah memulihkan... kenapa kita dalam bottom

Dato' Azmi bin Khalid: Tetapi dari jumlah modal yang masuk..

Tuan Lim Kit Siang: kenapa kita dalam bottom out tetapi tidak ada 'V' shape pertumbuhan

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak, dari segi statistik, wang yang masuk modal adalah lebih, bersetuju atau tidak dan bermakna investor's confidence sudah menurun.

Tuan Lim Kit Siang: Janganlah main-mainkan relativitylah,

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak, angka tidak menipu

Tuan Lim Kit Siang: Kalau sudah jatuh kepada 6% naik minus 5% pun pemulihan, itu bukan kita mahu sebut...

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, ya..

Tuan Lim Kit Siang: Itu main statistik..

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak, tidak, ini adalah satu kenyataan.

Tuan Lim Kit Siang: Statistik can lie dan kita tidak mahu guna statistik untuk bohong.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Apa kita kata mengenai...

Dato' Azmi bin Khalid: Mengguna perkataan bohong itu adalah subjektif...

Tuan Lim Kit Siang: No...

Dato' Azmi bin Khalid: Tetapi saya hendak mengatakan bahawa investor's confidence sudah meningkat dan tidak seperti mana yang disebutkan sebagai regional, walaupun regional mungkin tetapi di Malaysia tidak begitu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu...

Dato' Azmi bin Khalid: Bersetuju atau tidak,

Tuan Lim Kit Siang: Kita boleh kata apabila ekonomi group...

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat kata saya tahu...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, apabila ekonomi group minus 6 sampai minus 5 ada pemulihan tetapi itu bukan kita, jangan itu.....

Dato' Azmi bin Khalid: Pemulihan kepada +1/2% bermakna 6% growth.

Tuan Lim Kit Siang: Janganlah kita sebab itu don't play around with statisticlah, okay..

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak daripada 6% minus kepada +½% is the 6½%....

Tuan Lim Kit Siang: I know, that's why....

Dato' Azmi bin Khalid: Bermakna pemulihan yang besar, tanya kepada semua sektor mana, even....

Tuan Lim Kit Siang: From minus 6 to minus 5 is already improvement, kita tidak payah buang masa mengenai improvement minus 6 to minus 5 to minus 4. Dan Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya mendesak supaya ditubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat isu-isu rasuah, kronisme dan nepotisma yang melibatkan pucuk pimpinan politik tertinggi di negara ini supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan bukti terhadap dakwaan terbarunya terhadap seorang bekas pemimpin negara yang kononnya mempunyai kroni yang memiliki wang tunai sebanyak RM230 juta. Dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendakwa di Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu bahawa semasa beliau memiliki kuasa....

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, bahawa semasa beliau, saya tahu inilah satu sangat sensitif, nanti, nanti. Semasa beliau memiliki kuasa, bekas pemimpin ini menjadikan rakan-rakannya jutawan sehinggakan mereka dapat melancong ke serata

dunia dan hidup dengan mewah berbulan-bulan di luar negeri. Beliau juga membuat tuduhan yang amat serius bahawa kroni-kroni ini menggunakan wang berkenaan untuk mengupah perusuh di ibu kota. Semalam beliau berkata bahawa pengetahuannya mengenai deposit tunai RM230 juta ini adalah berdasarkan borang pengisytiharan aset serta senarai kontraktor-kontraktor yang diberikan projek-projek raksasa. Banyak pertanyaan telah berbangkit, selepas pendedahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang datang dengan tiba-tibanya ini. Pertama sekali sama ada pendedahan ini benar ataupun sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya bersembunyi di belakang jawatannya dan melalui media massa yang dikawal oleh jentera kerajaan supaya mencemarkan nama baik penentangannya tanpa perlu membekalkan sebarang bukti. Keduanya ia mendedahkan ketidakbergunaan pengisytiharan aset kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya boleh mengizinkan sebarang jenis kesalahan malah perlakuan rasuah sungguhpun ia dipertunjukkan menerusi pengisytiharan aset.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat hendak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti saya habis ini dulu, jangan takut khuatir mengenai perkara ini. Kedua mendedahkan ketidakbergunaan pengisytiharan aset kepada Perdana Menteri kerana Perdana Menteri nampaknya boleh mengizinkan sebarang jenis kesalahan malah perlakuan rasuah sungguhpun ia dipertunjukkan

menerusi pengisytiharan aset, selagi orang yang terlibat tidak mencabar kepimpinan politiknya atau asas kuasanya, tindakan mengisytiharkan aset sebegini tidak lagi dapat dianggap sebagai alat penting untuk menentang rasuah di tempat-tempat politik tinggi, tetapi hanya merupakan alat untuk memastikan para pemimpin politik terus setia kepadanya, tunduk kepadanya dan tidak melakukan sebarang apa yang menggugat kedudukannya, yang sebenarnya bentuk korupsi yang paling buruk. Inilah sebab mengapa DAP berkali-kali mendesak supaya perisytiharan aset para menteri, timbalan menteri, ketua menteri, menteri besar dan Exco negeri mestilah dilakukan secara terbuka supaya orang ramai dapat memeriksa memastikan tindakan mengisytihar aset ini memainkan peranan penting dalam mengawal rasuah di tempat-tempat politik tinggi.

Satu lagi pertanyaan yang timbul adalah sekiranya seseorang Perdana Menteri dibenarkan membuat tuduhan RM230 juta terhadap kroni seorang bekas pemimpin kebangsaan, apakah pula tuduhan-tuduhan yang boleh dikenakan ke atas para kroni pemimpin-pemimpin sedia ada. Sama ada yang melibatkan 100 kali ganda atau lebih tinggi lagi angka dari RM230 juta yang melibatkan berbilion-bilion ringgit, adalah sungguh malang sekali Perdana Menteri membuat tuduhan yang serius bahawa perusuh di ibu kota dibayar ganjaran kerana seorang pemimpin yang memegang jawatan tinggi sepertinya tidak harus menyebabkan khabar angin tanpa bukti yang kukuh dan sepenuhnya. Khasnya sedia wujud pelbagai bukti yang menunjukkan bahawa banyak perhimpunan orang ramai yang mengambil tempat secara aman dan

tidak membawa sebarang ancaman kepada ketenteraman orang ramai, tidak akan terkeluar kawalan sekiranya pihak polis bersikap sabar dan profesional.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri haruslah membuktikan bahawa dalam pentadbirannya tidak seorang pun pemimpin terlibat dalam korupsi, kronisme dan nepotisme dan bahawa kerajaan bersedia membenarkan orang ramai memeriksa dan mengawal selia isu-isu ini sama ada ke atas mereka yang memegang kuasa mahupun mereka yang berada di dalam pembangkang dengan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja mengenai rasuah, kronisme dan nepotisme.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong, adakah menjadi dasar perjuangan parti pembangkang pada hari ini bila mana menggunakan landasan Dewan yang mulia ini mencadangkan untuk menubuhkan suruhanjaya bebas ataupun Royal Commission dengan izin ataupun meminta supaya kerajaan siasat selepas kita mengambil tindakan mewujudkan Royal Commission ataupun buat siasat pihak pembangkang pula menjadi pembela dia. Kita bimbang keadaan ini Dewan yang mulia ini seperti pada hari ini bila mana saya teringat pada Sidang Parlimen yang telah lalu rakan Yang Berhormat daripada Tanjong, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengeluarkan satu desakan kenyataan supaya meminta kerajaan membuat siasatan terhadap surat layang yang disebarkan secara meluas di negara ini yang bersabit dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, tetapi bila mana kerajaan mengambil tindakan, pihak pembangkang kawan kita daripada Jelutong pula menjadi pembela dia. Adakah ini menjadi landasan perjuangan pihak pembangkang, double standard.

Tuan Lim Kit Siang: Landasan perjuangan DAP ialah mahu satu masyarakat yang lebih terbuka, lebih telus, lebih transparent dan satu cara ialah mengadakan satu Suruhanjaya Diraja untuk siasat segala penyelewengan, segala penyalahgunaan kuasa. Apa yang saya hairan ialah kenapa yang ada pemimpin-pemimpin di barisan kerajaan begitu takut ada satu siasatan, satu budaya yang lebih terbuka, satu budaya di mana semua rahsia yang tidak ada bersangkutan paut dengan keselamatan bolehlah diberi maklumat kepada orang ramai sebagai menandakan satu freedom of information act dan bukan official secret act.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Apa jenis transparency..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sekejab Yang Berhormat, ada dua orang...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, nanti, nanti kita mahu satu budaya, budaya politik sama ada kita satu kerajaan, satu pemerintahan ialah secretive yang takut openness atau kita rela satu sistem yang lebih terbuka di mana Suruhanjaya Diraja siasatan menjadi satu kelaziman, satu yang biasa bukan satu yang sangat jarang nampaknya. Tengok negara-negara yang lain yang lebih terbuka di mana sama ada Royal Commission inquiry atau committee of inquiry atau white paper, kerta-kertas putih sangat biasa untuk dikeluarkan atau untuk ditubuhkan, kenapa di negara ini apabila cadangan Royal Commission inquiry sangat takut mahu hentam, oh... kenapa mahu Royal Commission inquiry itulah satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Hendak bagi jalan Yang Berhormat, nak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah satu budaya, satu budaya yang takut mengenai kenyataan, takut mengenai ada maklumat yang boleh disebar dengan luas.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita tidak pernah takut dengan keadaan ini maka dengan itu kerajaan menubuhkan pelbagai Royal Commission yang bukan hanya melibatkan siasatan kepada rakan-rakan di pihak pembangkang ataupun pihak-pihak yang bebas bahkan juga pemimpin-pemimpin kerajaan turut disiasati tanpa ada sekatan daripada badan-badan yang menyiasat sama ada pihak polis mahupun pihak BPR. Bagaimana Ketua Pembangkang pada hari ini yang dahulu mengkritik yang dalam tahanan selepas itu bila dalam keadaannya menjadi pembangkang disanjung tinggi pula. This is very double standard dalam perjuangan pihak pembangkang, tidak ada transparency. Kita dapat melihat bagaimana perjuangan DAP bila ada keadaan berlaku dalam parti sendiri pun ada transparency. Kalau hendak transparency bukan hanya dalam kerajaan kita, tetapi juga dalam parti mesti ada.

Tuan Lim Kit Siang: Kita dalam DAP ada lebih transparency daripada UMNO. *[Sorak]*.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: You pecat

Tuan Lim Kit Siang: Di mana ada wang politik ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahi ruddin]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: You pecat orang sesuka hati you...

Tuan Lim Kit Siang: Kita ada transparency dan kita....

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:tambah ahli dalam cawangan tanpa merujuk di peringkat bahagian, transparency apa dia?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada orang tuduhan yang palsu yang digunakan diheboh-hebohkan oleh Barisan Nasional sebagai black operation, black operasilah...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dua yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi masalah di sini ialah kenapa kita mahu lihat masalah rasuah, masalah satu budaya yang bersih kenapa kita mahu lihat daripada segi politik dan bukan satu daripada segi negara, mahu main-main politik, bukan dalam Dewan yang mulia ini. Kita mahu satu budaya politik yang bersih, main-main politik DAP dan apa-apa di tempat yang lain dan sebab itu, saya tahulah apa Yang Berhormat Rompin mahu timbulkan, saya tidak ada masa untuk itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tidak mahu bagi jalankah ke Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ketua cawangan bahagian DAP yang keluar, double standard.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila duduk, dia tidak mahu bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang mahu teriak, teruskan teriak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini saya menghadiri satu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Baru-baru ini saya menghadiri satu persidangan di Bangkok mengenai peranan Ahli Parlimen di Asia Tenggara dalam usaha menentang rasuah yang dianjurkan oleh Parliamentary Centre of Canada dan King Prajadhipok's Institute, Thailand dan saya teringat peristiwa dua tahun yang lepas di mana perang menentang rasuah pernah sekali dilancarkan di negara ini. Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil cutinya buat pertama kali setelah menjadi Perdana Menteri lebih 10 tahun, pemangku Perdana Menteri pada masa itu Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah melancarkan satu kempen untuk mengisytiharkan perang segenap penjuru menentang rasuah. Antaranya termasuklah pengenalan satu akta pencegahan rasuah yang baru yang memperkuatkan lagi kuasa Badan Pencegah Rasuah dan meningkatkan hukuman kesalahan rasuah.

Sungguhpun pada mula-mulanya orang ramai merasa ragu-ragu dan sceptical dengan kempen berkenaan tetapi akhirnya mereka percaya bahawa mungkin kerajaan memang bersedia membetulkan sistem undang-undang dan institusi-institusi mencegah rasuah khasnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berkata menerusi video conferencing dari London bahawa beliau sokong kempen ini.

Tiga usaha masyarakat madani telah digerakkan sebagai menyahut kempen berkenaan, iaitu satu Persidangan Meja Bulat Menentang Rasuah yang dianjurkan oleh DAP pada 12 Julai 1997, Persidangan Consensus Menentang Rasuah yang dianjurkan Barisan Backbenchers Club pada 19 Julai 1997 dan persidangan meja bulat kedua mengenai rang undang-undang mencegah rasuah pada 27 Julai 1997. Semasa membuka persidangan consensus menentang rasuah, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata Perdana Menteri berkomited untuk mengisytiharkan perang ke atas rasuah kerana Perdana Menteri telah memberitahu rakan-rakannya di Kabinet bahawa nasihat dan amaran telah diberi, air mata telah dicurah tidak ada pilihan lain lagi, melainkan mengambil tindakan terhadap rasuah. Maka dengan itu rakyat Malaysia berani berharap akhirnya perubahan yang sistematik akan berlaku untuk menghalang bertambah buruknya masalah rasuah di negara ini. Bagaimanapun apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pulang dari cuti dua bulan pada akhir Julai 1997, beliau telah mengeluarkan tanda jelas menentang perang, menentang rasuah ini dan apa yang dikenali sebagai musim bunga kebebasan bertukar serta-merta menjadi musim sejuk yang dingin, ataupun mungkin apa yang kita lihat the expose of false dawn.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berjaya memperkenalkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah dalam mesyuarat Parlimen 1997 yang mana DAP cuba memperkenalkan pindaan supaya lebih kuasa diperuntukkan dalam usaha menentang rasuah ini, perundangan ini mungkin telah menjadi punca perlucutan jawatan Yang Berhormat dari Permatang Pauh sebagai

Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan menyebabkan disingkir dari UMNO dan dipenjarakan hari ini.

Perang menentang rasuah gagal sama sekali, selepas Parlimen meluluskan satu undang-undang baharu dan jawatan Pengarah Badan Pencegah dikosongkan untuk lebih enam bulan sehingga baru-baru ini, menunjukkan betapa rendahnya kedudukan BPR di mata kerajaan. Hasil dari semua ini persepsi negara dan antarabangsa terhadap masalah rasuah di Malaysia telah merosot di tahun-tahun kebelakangan ini.

Political and Economic Risk Consultancy Ltd. (PERC) melaporkan dalam Mac tahun ini bahawa dari kaji selidik terbarunya yang melibatkan 450 peniaga asing yang bekerja di rantau ini trendpersepsi mengenai rasuah di Malaysia telah meningkat ke tahap yang mencemaskan berbanding dengan hasil kaji selidik tahun-tahun yang lepas. Grading dari 0 ke-10, dengan 0 sebagai gred paling positif atau tanpa korupsi. 5 sebagai purata manakala 10 sebagai persekitaran yang paling corrupt, Malaysia mendapat grade 4.6 dalam tahun 1995 merosot kepada 5 dalam tahun 1996, 5.8 dalam tahun 1997, 5.38 dalam tahun 1998 dan 7.50 dalam tahun 1999.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Parlimen dan kerajaan mesti memandang serius kaji selidik PERC serta yang dijalankan oleh lain-lain badan seperti Transparency International supaya sedar tentang usaha serius yang diambil oleh negara-negara lain dalam memerangi rasuah melibatkan Parlimen dan masyarakat Madani serta memperkenalkan iklim politik baharu dan tidak menerima budaya rasuah. Antaranya memperkenalkan perundangan, kebebasan maklumat untuk memupuk budaya terbuka, accountability dan ketelusan. Penyelidik Institut Pembangunan Ekonomi Bank Dunia, Rick Sapenhurst menjelaskan

dinamik rasuah dalam buku barunya *‘Curbing Corruption: Toward a Model for Building National Integrity’* berkata bahawa C (corruption) bersama dengan M (monopoly power) tambah D (discretion) dan minus A (accountability) atau;

$$C \text{ (corruption)} = M \text{ (monopoly power)} + D \text{ (discretion)} - A \text{ (accountability)}$$

Dengan kata-kata lain, betapa seriusnya rasuah bergantung kepada jumlah kuasa monopoli dan kuasa budi bicara yang dipergunakan oleh pihak berkuasa serta tahap mereka dipertanggungjawabkan terhadap tindakan mereka. Sekiranya Malaysia ingin memulihkan keyakinan para pelabur demi memulihkan ekonomi negara, maka kita harus serius dalam usaha menentang rasuah kita dan membentuk satu sistem integrity national. Langkah pertama dalam perang menentang rasuah dan membentuk sistem integrity national adalah menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat isu-isu rasuah, kronisme dan nepotisme yang melibatkan pucuk pimpinan politik tertinggi di negara ini sama ada pihak pemerintah mahupun pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya berucap di Parlimen atas Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8 April 1999, saya pernah berkata bahawa lebih dari 90% kematian di Bukit Pelandok, satu kawasan yang baru-baru ini masih merupakan pusat penternakan babi terbesar, bukan hanya di Malaysia tetapi yang terbesar di Asia Tenggara sebenarnya dapat dielakkan dan tidak harus berlaku sama sekali. Kematian yang berlaku sebenarnya merupakan hasil dari kecuaiian criminal, khasnya kelalaian dari pihak kementerian yang gagal mengambil langkah dan rancangan yang berkesan dalam mengawal wabak virus ini semasa jumlah kematian makin meningkat. Sekurang-kurangnya pada 5 Mac 1999 semasa jumlah kematian di Bukit Pelandok telah mencapai lapan orang dan saya sangat kesal bahawa semasa menjawab perbahasan untuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab untuk menjawab dalam perkara ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan langsung tidak ada sebut apa-apa perkara mengenai point-point yang saya

kemukakan, satu isu, satu malapetaka yang begitu besar mengenai satu viral outbreak yang menyebabkan lebih 100 orang mati.

Masa itu juga, saya telah membangkitkan bahawa seawal pada 16 Januari 1999, seorang virologist Malaysia, Jane Cardoza dari UNIMAS, Sarawak telah membangkitkan amaran bahawa mungkin bukannya virus JE yang menjejaskan kehidupan dan industri ini tetapi sejenis virus pembunuh yang lain. Sekarang saya ingin mengkaji semua apa yang saya katakan di Parlimen pada masa itu dan umumkan bahawa kesemua 85 kematian di Negeri Sembilan, 8 orang di Bukit Pelandok dan 5 orang di Sikamat, di Negeri Sembilan sebenarnya boleh dielakkan dan tidak harus berlaku dan kemusnahan industri penternakan babi dan daging babi bernilai RM2.5 bilion akan dapat diselamatkan sekiranya Kementerian Kesihatan menerima amaran dalam bulan November dan cuba mencari virus pembunuh yang satu lagi.

Keseriusan kelalaian kementerian ini telah diselarkan sekali lagi menerusi satu artikel mengenai malapetaka virul Encephalitis di Malaysia. Dalam Laporan Sains keluaran 16 April 1999, Jilid 284 satu penerbitan American Association for the Advancement of Science bertajuk “New virus fingered in Malaysian epidemic” oleh Martin Enserink, melaporkan bahawa penemuan virus pembunuh baru di Malaysia, artikelnya berkata bahawa pihak berkuasa kesihatan Malaysia sangka bahawa mereka sedang berurusan dengan wabak JE yang nampaknya kesan-kesan serupa. Ia melaporkan bahawa CDC Amerika Syarikat telah menyatakan bahawa virus Nipah yang sebenarnya merupakan punca utama dan virus JE hanya memainkan dengan izin, at best a marginal role in the continuing tragedy, dengan izin, atikel ini yang tersebut

“As for a link with JE, most researchers now think that a few cases of JE may have occurred simultaneously, when the outbreak began but that JE didn’t cause the epidemic. The presence of antibodies in some patients, they say, is not surprising given JE’s prevalence in Malaysia and because many people--especially pig industry workers--may have been expose to JE without getting sick . I don’t think JE has been involved in any significant way in this current

epidemic,” says Mahy [director of CDC’s division of viral and rickettsial diseases].

“But Malaysia health authorities remain convinced that JE is involved. Lam Sai Kit, head of the University of Malaya department of medical microbiology says, he alerted the ministry immediately after the CDC informed him on 18 March about the new virus. But 5 days later, a press release by the ministry’s director-general summed up the arguments behind the initial diagnosis and repeated that “the present outbreak is confirmed as JE.” The release briefly mentioned the discovery of the Hendra-like virus but said “we are not sure if the virus is a pathogen.”

“This week, Mohamad Tah Aris, director of the Disease Control Division of the Malaysian Ministry of Health, said that “Currently the [Nipah] outbreak is more prominent,” but insists there is a dual epidemic and that measures to prevent the spread of JE need to remain in place. He says there wasn’t enough proof on 18 March to say the new virus had caused the epidemic.

“Some Malaysian scientists say they are not surprised at the government’s rigidity. Jane Cardosa, a virologist at the Institute for Health and Community Medicine at the University Malaysia, UNIMAS in Sarawak says, she called the Health Ministry in November and again in January, urging officials to look for alternative infectious agents. She also expressed her doubts in January message to ProMED, an electronic forum for emerging-disease researchers. The government’s response, she says, was an e-mail reprimanding her for questioning the official theory. “The ministry made an early presumptive diagnosis, and they had difficulty admitting it was a mistake,” she says. When costly fogging and vaccination campaigns failed to halt the disease, she adds, “it became even more difficult to admit there was an error.” Lam too says it was quite obvious to us right from the beginning that not all the cases were due to JE.” But not being involved in the official investigation, he didn’t look for other possible culprits.

David Quek, editor of the journal of the Malaysian Medical Association says the episode remind him of the heart infection outbreak in Sarawak 1997, in which more than 20 children died. Help authorities blamed that epidemic on Coxackie virus--and kept doing so long after scientists had ruled it out as the culprit. This time, says Quek, "we hope the authorities can be more enlightened. Sometimes it is all right to admit an error."

Tuan Yang di-Pertua, dengan laporan ini dan pembongkaran bahawa dalam November dahulu, Kementerian Kesihatan telah pun diberitahu supaya mencari virus pembunuh yang lain selain dari virus JE, maka adalah jelas bahawa kesemua kematian di Negeri Sembilan akan dapat dielakkan sekiranya amaran ini diberi perhatian memandangkan kes virus Encephalitis di Bukit Pelandok hanya muncul dalam minggu keempat bulan Februari tahun ini dan kes pertama di Sikamat, Negeri Sembilan pula dilaporkan hanya pada awal Januari. Selepas Yang Berhormat Menteri salah diagnosis dan salah urus epidemic virus Cocksackie B di Sarawak yang membunuh 41 orang dan bukan 20 orang sebagaimana yang dikatakan oleh David Quek dalam artikel sains, adalah amat tragik bahawa berlaku satu lagi salah diagnosis dan salah urus dalam satu lagi bencana wabak viral yang meragut lebih 100 nyawa dan keruntuhan industri bernilai RM2.5 bilion. Adalah sungguh tidak memuaskan dan memalukan bahawa rakyat Malaysia perlu bergantung kepada sumber-sumber asing untuk mendapatkan maklumat mengenai apa yang berlaku di dalam negara kita sendiri termasuklah maklumat mengenai bencana viral yang serius ini. Sebagai contoh pada 21 April 1999, Regional Officer, melalui World Health Organisation (WHO) untuk rantau Pasifik Barat di Manila telah mengemukakan statistik berikut mengenai wabak Encephalitis viral di Malaysia dengan izin.

"Since the beginning of the outbreak in October 1998 until 19 April 1999, there have been a total of 256 cases 98 deaths of the deaths for which tests have been completed, 40 were due to Nipah virus, 8 to Japanese Encephalitis and 17 had a dual infection of JE and Nipah virus."

Sehingga kini Yang Berhormat Menteri telah enggan mengakui bahawa JE sebenarnya masalah marginal dalam wabak viral yang membunuh lebih 100 orang kali ini dan punca utama sebenarnya virus Nipah. Saya menasihatkan supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan membetulkan kesilapan dan kecuiaan kementeriannya yang menyebabkan wabak viral merebak dari Perak tahun lepas yang masa itu telah meragut nyawa 15 orang terkeluar daripada kawalan sehingga lebih 100 nyawa terkorban dan industri bernilai RM2.5 bilion runtuh.

Sebagai langkah pertama, Kabinet harus meningkatkan pampasan RM50 menjadi RM200 untuk setiap ekor babi yang dimusnahkan. Kerajaan harus faham dan bersimpati dengan para penternak babi yang tidak puas hati dengan bantuan kewangan untuk memusnahkan penternakan mereka khasnya jelas bahawa mereka merupakan mangsa kecuiaan dan ketidakupayaan kerajaan yang enggan mendengar amaran yang telah diutarakan November tahun lepas bahawa bukannya virus JE yang menjadi virus pembunuh. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

12.10 tgh.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah RM5.7 bilion yang diperuntukan untuk perbekalan tambahan 1998 dan 1999, saya dapati sebanyak RM1.250 bilion atau 20% daripada jumlah itu adalah bagi tujuan membiayai ekuiti kerajaan dalam pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Ini memberi implikasi kepada saya bahawa kerajaan memandang penting ke atas sektor perbankan dan kewangan dan hasrat kerajaan adalah supaya sektor ini stabil, teguh dan kukuh untuk kepentingan negara ini. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut malahan kita ketahui bahawa peranan kewangan begitu penting dalam memastikan kemajuan sesuatu negara. Kalau kita lihat dari segi negara-negara di dunia terbahagi kepada empat kategori:

- (i) negara mundur;
- (ii) negara membangun yang prestasi ekonomi yang agak sederhana seperti negara kita;

- (iii) negara membangun yang berprestasi tinggi seperti Singapura dan Taiwan; dan
- (iv) negara maju.

Kita dapati dalam sejarah pembangunan ekonomi dunia bahawa kedudukan kategori negara berpindah daripada negara yang pertama, kedua, ketiga dan akhirnya menjadi negara maju dengan adanya faktor kewangan yang begitu kukuh dan tentunya faktor kewangan yang kukuh ini dapat dilaksanakan sekiranya sektor perbankan dan kewangan sesuatu negara itu kukuh. Pertama, dari segi menyediakan dana yang berterusan untuk kegunaan sektor awam dan swasta. Dan dalam konteks negara kita ia mempunyai peranan yang lebih daripada sektor perbankan di negara lain kerana kita mempunyai dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru yang memberi kepentingan dan prioriti kepada satu-satu kaum supaya kita dapat mewujudkan keseimbangan dari segi pembangunan ekonomi negara kita dari sudut perkauman, maka sektor perbankan memainkan peranan penting daripada sudut itu.

Di samping itu, kita juga harus melihat sektor perbankan dan kewangan daripada sudut masa hadapan. Kita tahu bahawa pada tahun 2005 kita akan melaksanakan dasar liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan di mana bank-bank luar akan masuk ke negara kita dan sekiranya bank kita tidak kukuh, pelabur-pelabur luar ini akan beli bank kita dan ini tentunya akan merosakkan perancangan kita terutama untuk menaikkan taraf golongan yang sederhana ataupun bawahan di dalam negara kita. Bermakna, dalam kita melihat pembangunan sektor perbankan dan kewangan pada masa akan datang benchmark sekarang lebih tinggi daripada yang ada sekarang. Oleh yang demikian, saya ingin menyentuh beberapa isu semasa yang berkaitan dengan sektor perbankan.

Pertama, sekarang kita melaksanakan penggabungan bank-bank supaya bank kita menjadi saiz yang besar dan mempunyai kapasiti yang besar supaya kita dapat bersedia dan bersaing dengan bank-bank daripada luar. Saya memang bersetuju dengan langkah ini, dan kalau kita lihat trend dunia sekarang Citicorp bergabung dengan Travellers Group untuk menjadi bank pertama terbesar di

dunia dan Chase Manhattan Bank bergabung dengan Chemicals Bank untuk mendapat tempat kedua, J.P. Morgan yang tidak bergabung ia turun ke tempat ketiga. Tetapi dalam saya melihat isu penggabungan ini, saya juga ingin membangkitkan tentang sama ada penggabungan ini semata-mata sesuai atau tidak dengan iklim negara kita. Kalau kita lihat Citicorp dan Chase Manhattan Bank, mereka bukan sahaja besar dari segi saiz bank tersebut tetapi dari segi kualiti pengurusan adalah antara yang terbaik sekali di dunia. Bermakna, mereka dapat mencapai kedudukan pertama dalam sektor perbankan di dunia kerana saiz kapasiti modal yang besar di samping kualiti pengurusan yang begitu tinggi. Jikalau kita menggunakan sistem ini di negara kita semata-mata kita menekankan kepada penggabungan antara CAHB dan BBMB umpamanya, kita akan melihat dari segi saiz, modal kita besar (bigger capital base) sumber pembiayaan yang lebih banyak, aset yang lebih besar, tetapi masalah negara kita berbanding dengan bank-bank antarabangsa yang saya sebut tadi kita mempunyai deficiency dari segi kualiti pengurusan.

Saya ingin mencadangkan, pandangan saya mungkin tidak dipersetujui oleh kementerian, tetapi saya melihat dari segi sektor perbankan dunia sekarang ini. Di Eropah Barat, kita dapati di negara-negara tersebut mempromosi sistem universal banking dan saya difahamkan di Singapura ada bank-bank perdagangan yang mula melancarkan universal banking. Universal banking bermaksud kalau dalam sektor perbankan dan kewangan, sekarang ada beberapa perkhidmatan, perkhidmatan bank perdagangan, bank saudagar, discount house, insurans dan syarikat kewangan. Kita ada lima jenis perkhidmatan dalam sektor perbankan dan kewangan. Di bawah sistem conventional, tiap-tiap perkhidmatan ini dijalankan oleh satu entiti - kita ada bank perdagangan, bank saudagar, syarikat insurans, syarikat kewangan dan discount house. Di bawah sistem universal banking ini digabungkan sekali di bawah satu entiti.

Pada masa lalu, sistem ini tidak boleh dilaksanakan kerana pada masa itu kita berpegang kepada sistem co-business, bermakna satu entiti mesti melaksanakan satu business misalnya bank-bank perdagangan, bank-bank saudagar dan kemudian syarikat-syarikat kewangan. Saya berpendapat bahawa pada masa lalu kita tidak boleh

melaksanakan universal banking kerana sistem menjalankan kerja itu tidak begitu cekap, umpamanya kalau kita hendak melakukan satu unjuran selama 10 tahun, kita menggunakan calculator, kita terpaksa membuat calculation item by item sampai 10 tahun. Ini akan memakan masa dalam tiga hari untuk siap. Kalau kita dapat siap dalam tiga hari pegawai-pegawai yang lain akan memuji kita, dan di dalam sektor perbankan, kadangkala kita kena buat sensitiviti analisis untuk kita mengkaji jika terdapat kenaikan harga ataupun kenaikan kos bagaimanakah risiko yang akan dihadapi oleh bank yang memberi pinjaman. Oleh itu kita perlu melakukan tiga atau empat set sensitiviti analisis. Kadang-kadang memakan masa sampai dua minggu untuk menyelesaikan masalah tersebut. Dengan adanya penggunaan IT sekarang, kita ada banyak program, buat financial projection malahan kita hendak buat credit analysis feasibility study dan sebagainya, satu-satu kerja yang memakan masa dua minggu sekarang sudah boleh di buat dalam masa setengah jam.

Jadi, saya ingin mencadangkan ataupun saya ingin memberi pandangan kepada kerajaan, selain daripada kita menggabungkan antara bank perdagangan dengan bank perdagangan, tidakkah boleh kita gabung pula antara bank perdagangan dengan bank saudagar kerana saya lihat walaupun ada perbezaan di antara bank saudagar dengan bank perdagangan tetapi terdapat pertindihan dari segi tugas dan tanggungjawab, yang berbeza dari segi bank saudagar adalah mereka menjalankan corporate banking. Bermakna, mengurus:

- (i) syndicated loans;
- (ii) corporate finance - membuat feasibility study, business plan, merges, acquisition dan sebagainya; dan
- (iii) memberikan pinjaman dalam short-term loans seperti trade bills, bankers acceptance dan promissory notes.

Ini sahaja yang berbeza, tetapi kalau digabungkan bermakna bahawa bank saudagar dan bank perdagangan di dalam satu organisasi, saya berpendapat dari segi pertindihan, ini akan dapat dihapuskan dan kita mendapat sistem perbankan yang lebih efisien dan malahan kalau kita lihat dari segi mutu profesionalisme kerja, dari segi

kualiti pengurusan, pegawai-pegawai di bank saudagar adalah lebih tinggi mutunya daripada pegawai-pegawai di bank perdagangan.

Pegawai-pegawai di bank saudagar lebih berkebolehan dari segi mereka mengurus pinjaman-pinjaman ataupun kerja-kerja corporate finance daripada sektor korporat. Oleh kerana perbankan adalah antara lain bertujuan untuk facilitate pembangunan sektor korporat, maka bank saudagar lebih bersedia untuk memainkan peranan tersebut.

Jadi, saya berpendapat jika ini dapat digabungkan kita dapat mewujudkan sistem perbankan yang lebih efisien. Sekiranya kementerian tidak bersetuju saya berharap dapat memberi justifikasi, kita tidak boleh menolak pandangan semata-mata kerana ia satu pandangan yang berlainan, tetapi seharusnya kita memberi pandangan-pandangan mengapa kita harus menolak cadangan tersebut.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang krisis perbankan. Tadi, saya menyatakan saya bersetuju Danaharta ditubuhkan, kita dapati kerajaan telah menubuhkan Danaharta, Danamodal dan CDRC. Ini adalah usaha-usaha kerajaan untuk memperkukuhkan semula sektor perbankan dan sektor kewangan menggunakan sistem luaran, maksud saya sistem yang luar daripada bank, kerajaan menubuhkan badan-badan ini untuk menyuntik modal, untuk menyusun balik hutang lapuk, untuk membeli hutang lapuk. Ini adalah institusi-institusi yang ditubuhkan di luar bank tersebut, tetapi adakah masalah krisis kewangan berpunca daripada luar.

Saya bersetuju dengan pandangan bahawa sedikit sebanyak krisis ini berlaku kerana kejatuhan nilai mata wang Ringgit. Kemudian dia ada systemic effect, kejatuhan mata wang mengakibatkan pengaliran keluar modal asing daripada Bursa Saham, kemudian harga saham menurun dengan begitu hebat sekali sehingga capitalisation sector KLSE begitu rendah dan syarikat menghadapi masalah untuk memenuhi tuntutan margin kerana saham disandarkan kepada bank. Tetapi saya lihat di sini, kalau itulah masalahnya, saya tidak nampak ia menjadi masalah yang besar. Ia mungkin sebahagian daripada akibat mengapa sektor perbankan dan kewangan jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh, katalah syarikat tidak cukup margin kerana collateral turun daripada 1.4 kali mungkin kepada 0.8 kali ataupun 0.6 kali, tetapi saya tidak percaya bank akan mengambil tindakan jikalau syarikat yang beroperasi merupakan syarikat yang viable, bank boleh memindah daripada collateral saham kepada collateral jenis lain terutama jika syarikat-syarikat itu maju, syarikat-syarikat yang mengeluarkan barangan yang dikehendaki oleh negara kita dan juga luar negara kita, ia mempunyai aset yang kukuh, kewangan yang baik, bank boleh berpindah kepada first of floating charge ke atas aset-aset syarikat ataupun shareholders guarantee, dalam keadaan itu saya percaya bank tidak akan mendesak untuk mematuhi margin daripada share yang telah dicaj kepada bank.

Dalam analisis saya, saya dapati bahawa masalah krisis kewangan, krisis sektor perbankan ini berpunca daripada tiga faktor.

Yang pertama, dari sebab bank memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat yang meminjam tidak mengikut had pinjaman, ia 'top up' pinjaman sampai jadi high gearing dan high leverage yang begitu tinggi. Jadi, oleh yang demikian, bank telah meletakkan diri dalam risiko yang begitu tinggi. Itu yang pertama.

Kedua, saya lihat bank menghadapi masalah sebab bank membiayai share financing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lagi semasa saya berkhidmat di bank pada tahun 1980-an, Bank Negara tidak membenarkan kita membiayai share financing, tidak dibenarkan, tetapi saya tidak tahu masa bila pertukaran ini berlaku kerana share financing ini begitu berisiko tinggi dan akibat share financing ini berlaku keadaan yang tidak efisien dalam ekonomi negara kita. Saya ada sebut perkara ini pada tahun 1996 apabila saya menyatakan terdapat trend yang merbahaya di mana bank kita terlibat dalam share financing kerana pinjaman dikeluarkan dengan begitu banyak tetapi ia tidak mengurus kepada pertumbuhan ekonomi sebenar (real economy). Kita dapati dalam corporate game ini, corporate players, ia akan beli syarikat kemudian ia akan letak aset tertentu menggunakan valuers, ia tingkatkan network sehingga syarikat

menjadi begitu kukuh dari segi on papers, kemudian ia akan jual kepada pihak lain, orang ini akan beli dan jual pula kepada pihak lain.

Jadi, jumlah pinjaman yang dikeluarkan begitu banyak, saya tidak ingat berapa peratus, katalah 20% dari seluruh capitalisation bank kita, bermakna 20% ini digunakan secara yang tidak productive dan meletakkan bank kepada risiko yang tinggi terutama jika harga saham jatuh.

Ketiga, saya dapati kita banyak mengeluarkan pinjaman dalam bentuk property financing, kita tahu di dalam banyak dokumen, majalah dan sebagainya menyatakan bahawa kita sudah over surplus dari segi bekalan rumah, bangunan dan sebagainya.

Jadi, bermakna bahawa krisis perbankan dan kewangan ini berpunca daripada dalaman, sebahagian besarnya daripada dalaman, mungkin luaran ada tetapi sebahagian besar dalaman.

Jadi, saya berpendapat kita mesti melakukan pembedahan dalaman, kita harus melihat bank kita daripada dalam. Selain dari segi versi saya ialah apa yang terjadi sebenarnya, saya dapati begini, sektor perbankan ini adalah sektor yang dipanggil sebagai sektor profesional. Tetapi kita mempunyai amatur yang menjalankan, itu sebab kita lihat masalah fraud berlaku.

Saya kata 'fraud' sebabnya kalau kita 'top up' dari segi pinjaman, sampai pinjaman melebihi daripada had yang ditetapkan oleh pihak Bank Negara, ini adalah fraud bermakna kita memberi pinjaman bukan kepada prinsip 'know-how' tetapi kepada prinsip 'know-who', ini yang saya dapat lihat.

Saya beberapa kali menyentuh perkara ini, kita mesti mengambil tindakan supaya kita jangan jadikan ia sebagai kesan negatif yang akan akhirnya melibatkan kepada budaya negara kita yang tidak cemerlang dan efisien, malah ada beberapa rakan berkata fasal apa saya begitu pro mahkamah dan saya berterima kasih kepada kerajaan kerana ada tindakan diambil terhadap Sime Bank, ada sebuah syarikat tetapi saya percaya syarikat tersebut bukan syarikat yang besar, ada lagi syarikat-syarikat yang besar yang 'top up' pinjaman ini yang above the limit. Tetapi kita harus bersabar dengan kerajaan kerana di dalam hendak menentukan sama ada berlaku atau tidak

jenayah kewangan ini, ia mengambil masa kerana kita perlu expertise untuk identify masalah dan kemudian kita boleh bawa ke mahkamah.

Saya berterima kasih kepada kerajaan, tindakan ini harus kita lakukan kerana undang-undang bertujuan untuk kita mengharmonikan semua faktor dalam negara kita supaya kita dapat mencapai kecemerlangan. Kalau ada deviance dalam negara kita, tindakan mahkamah perlu diambil untuk menjaga negara kita.

Di samping itu, ini akan saya sentuh semasa saya meneliti bank dari segi struktur dalaman. Kemudian saya dapati bahawa sektor perbankan kita terikut-ikut dengan perkembangan sektor korporat, sebagaimana yang saya katakan tadi corporate game, A beli B kemudian dia pun terikut, dia pergi biayai. Kita perlu balik kepada basic, dalam sektor perbankan mana sistem sekali pun baik ia City Bank, City Corp ataupun Chase Manhattan Bank, bank-bank ini cara pengurusannya adalah cara conservative banking, ia bukan cara yang terikut-ikut dengan sistem, oleh kerana ada corporate game, kita mesti campur. Bank-bank ini tidak, ia pergi balik kepada sistem conservative banking, pengurusan cara konservatif.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya ingin sentuh perkara ini lebih sedikit, sekarang cuba kita bayangkan sebuah bank perdagangan, bank perdagangan ia ada beberapa department, ia ada customer's services department, credit and marketing department, corporate finance, ada bills departments, legal department, foreign exchange, audit dan HRD. Lebih kurang ada lapan department.

Cuba kita kaji manakah department yang tidak kukuh di dalam sistem bank kita, kualiti pengurusannya yang tidak baik, saya boleh namakan ada empat department:

- (i) credit and marketing;
- (ii) corporate finance;
- (iii) audit; dan
- (iv) HRD.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat dari segi credit and marketing. Saya dapati ini yang menjadi critical difference antara bank kita dengan bank antarabangsa.

Saya mengambil masa untuk saya pergi melawat balik kawan-kawan saya dan saya kaji balik credit papers mereka.

Bila kita bercakap tentang soal bank perdagangan, 70% daripada aset bank perdagangan adalah dalam bentuk pinjaman, yang kita selalu dengar pengurusan risiko (risk management), sebenarnya pengurusan pinjaman kerana pinjaman ini berisiko.

Asas pertama kita hendak tahu sama ada bank terdedah kepada risiko yang tinggi atau tidak adalah melalui credit paper, ini yang paling basic sekali, kalau ini tidak baik, maka kita akan berakhir dengan memberi pinjaman yang tidak baik.

Saya ingin sentuh di sini, saya berharap Bank Negara mengambil tindakan yang serius dalam soal ini. Dunia sekarang orang sudah membawa kepada konsep 'laser focus', yang begitu tajam fokusnya, precision, kita tidak boleh lagi generalise macam Ketua Pembangkang generalise sahaja, masalah ekonomi tidak boleh generalise, kalau kita generalise masalah ekonomi kita tidak dapat ubat yang baik.

Jadi, saya berharap Bank Negara pergi balik, lihat macam mana credit papers bank-bank perdagangan, apa yang terkandung dalam credit papers:

- (i) amount of loan;
- (ii) purpose of loan;
- (iii) propose terms and conditions;
- (iv) company's background;
- (v) financial analysis;
- (vi) financial projection;
- (vii) collateral analysis; dan
- (viii) margin analysis, berapa keuntungan yang akan diperolehi; dan
- (ix) kesimpulan justifikasi mengapa pinjaman hendak diberi kepada syarikat-syarikat tersebut, apakah asas-asasnya.

Kita banding pula dengan bank-bank antarabangsa. Bank antarabangsa semuanya ada, yang saya sebutkan tadi lapan perkara ini ada, tetapi ada pertambahan tiga perkara yang tidak ada dalam credit paper bank-bank kita.

Pertama, credit risk analysis, ini yang saya katakan pengurusan risiko. Kita ambil contoh, overdraft facility bila dia beri, overdraft facility adalah untuk membiayai

pinjaman jangka pendek, kalau dalam sistem bank antarabangsa dipanggil sebagai working capital financing.

Dalam credit risk analysis, ia akan membuat analysis dia kata business cycle, pertama daripada raw material dia bergerak kepada work in progress, maknanya memproses raw material tadi. Kemudian ia beri finish good, daripada finish good ia pergi inventory, daripada inventory ia pergi accounts receivable, selepas kita jual inventory tadi, accounts receivable, daripada accounts receivable ia pergi cash, kemudian ia pergi balik inventory.

Bank akan mengkaji secara detail cycle ini, berapa lama cycle ini akan complete, kalau cycle ini ada disruption bermakna bank akan terdedah kepada risiko tidak mendapat pembayaran. Bermakna dalam ia beri overdraft RM1 juta, yang patut dibayar balik dalam tempoh 90 hari, kalau ada disruption di dalam ini, ia akan menghadapi kesukaran.

Jadi, ini dilakukan pengurusan risiko. Kemudian ia buat pula business risk analysis, ia akan mengkaji secara detail tentang kualiti pengurusan (management risk), inventory risk, kerana inventory kita ada yang lapuk dan yang baru, kalau bank tempatan tidak mengkaji inventornya banyak dari segi floating charge begitu tinggi tetapi kualitinya tidak tinggi kerana inventori yang baru sedikit, inventori yang dikata sebagai obsolete banyak yang tidak dijual.

Kemudian technological risk, syarikat-syarikat yang membuat kasut yang menggunakan teknologi lama tidak akan dapat bersaing dengan syarikat yang membuat kasut yang menggunakan teknologi yang baru. Kemudian marketing risk, ini akan diberi satu analysis yang cukup dalam kerana penentuan sama ada syarikat akan berjaya atau tidak bergantung kepada marketing risk.

Yang ketiga, mereka akan melakukan financial risk.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita banding financial analysis bank tempatan dengan bank perdagangan antarabangsa, kita nampak perbezaan yang cukup ketara. Kita tidak

nampak keindahan dalam financial analysis bank-bank tempatan, mereka akan letak syarikat mendapat keuntungan sebanyak ini sebab environment ekonomi yang baik, itu sahaja.

Dalam balance sheet analysis, ia akan letak total assets bertambah daripada ini kepada ini, kemudian debtors daripada ini kepada ini, kemudian dari segi stok daripada ini kepada ini, kemudian sumber struktur modalnya macam mana untuk membiayai aset tadi – itu sahaja.

Bank perdagangan antarabangsa, ia berbeza, ia akan buat performance ratios, dari segi sales tadi macam mana sales pada tahun ini dari segi efficiency pertumbuhannya berbanding dengan tahun lalu berasaskan kepada cost of sales dan total assets, adakah total assets yang bertambah pada tahun ini dapat menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi. Ia begitu indah, kita dapat kaji, tahun ini dapat pertumbuhan sales dan juga pendapatan yang tinggi, tetapi kalau kita bandingkan pula dengan total assets yang bertambah lebih tinggi, kita dapati efisiensinya mungkin menurun.

Jadi, ini dilakukan dalam analisis tersebut. Kemudian ia ada financial ratios termasuk buat edging schedule kalau debtors berapa bulan tidak berbayar dan semuanya dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi oleh yang demikian, saya harap pihak Bank Negara secara serius melihat balik kepada credit papers ini.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Buntar.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh sahabat saya dari Tambun mengenai dengan syarat-syarat pinjaman ini. Jadi, kalaulah dari pemerhatian Ahli Yang Berhormat, kalaulah bank-bank tempatan mematuhi semua check list yang diamalkan dalam bank-bank antarabangsa, kalau bank-bank tempatan mengikut amalan yang

dibuat oleh bank antarabangsa di negara ini, pada pemerhatian Ahli Yang Berhormat berapa peratuskah daripada syarikat-syarikat tempatan yang betul-betul layak mendapat kemudahan kredit ini secara rambang? Terima kasih.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tidak ada maklumat Tuan Yang di-Pertua, tentang berapa peratus atau tidak kerana ia bergantung kepada kualiti syarikat-syarikat yang ada dalam sektor korporat kita. Saya tidak ada maklumat dan saya percaya kerajaan juga tidak ada maklumat saya rasa. Itu sebab dalam ucapan saya yang lalu, saya kata sudah tiba masa dalam membuat perancangan kita mesti ada detail maklumat, baru kita tahu sesuatu dasar yang kita laksanakan, bagaimanakah kesan dan impaknya kepada sektor yang hendak kita bantu tersebut. Kalau tidak ada maklumat, seolah-olah kita jalan dalam gelap dan kita terjatuh sana, jatuh sini.

Jadi saya minta maaf kepada Yang Berhormat Parit Buntar kerana bukan dengan kedudukan saya boleh memberitahu kerana saya tidak ada maklumat. Kalau saya ada maklumat offhand saya boleh berikan.

Kedua, saya ingin sentuh tentang corporate finance tadi. Saya mengatakan tentang gabungan tadi dan ini juga ada kaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Saya lihat jikalau kita hendak memastikan atau menentukan peranan bank terbesar di dalam menentukan environment sektor korporat yang baik, sektor ini mesti berperanan begitu aktif. Saya dapati di dalam profit and loss bank perdagangan, operating income ataupun income dari banking aset lebih kurang sembilan puluh peratus, hampir kepada satu ratus peratus. Fee base income yang corporate finance tadi begitu nominal. Ini berbeza dengan bank-bank di negara-negara maju. Fee base begitu besar tetapi ia tidak mungkin akan mengatasi operating base income kerana operating base income berdasarkan pinjaman banking aset yang begitu besar. Fee base income ini sekurang-kurangnya 20% atau 30% daripada total income bank. Bermakna jika fee base income kecil, something is wrong with the

banking sector. Jadi, dengan itu sektor korporat tidak dapat manfaat sepenuhnya daripada sektor perbankan dan kewangan.

Jadi saya berpendapat bahawa perkara ini harus ditekankan dari segi corporate finance memainkan peranan dari segi business planning, financial planning study dan saya percaya jika bank saudagar atau merchant bank tadi dipindahkan, disatukan, sektor ini akan menjadi lebih kukuh.

Ketiga, audit. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa orang audit di dalam bank kita terdiri daripada orang-orang sakit. Sebab saya kata begitu, auditlah yang paling penting sebagai early warning system kepada apa yang akan berlaku masa lalu. Saya pernah kerja audit selama satu tahun di Coopers & Lybrand kita buat auditing, bentangkan kepada syarikat-syarikat kita. Ini dia masalah-masalah, discrepancy yang berlaku ini. Kalau kita tidak membuat sistem yang berbeza ini akan terjadi.

Jadi masalah di bank perdagangan kita bukan berlaku pada tahun 1999, ia bermula pada tahun-tahun yang kebelakangan. Kalau Audit Department kita bagus, saya percaya mereka bagus tetapi entah macam mana ia jadi sakitkah, saya percaya ia telah kesan masalah ini. Mungkin reportnya pergi ke management dan management tidak buat apa-apa.

Jadi Early Warning System ini begitu penting. Dia boleh kaji kalau loan yang over limit yang tidak ada evaluation yang betul, yang collateral tidak mencukupi, Audit Department ini boleh. Saya dapati dalam negara kita kadang-kadang Audit Department tidak diberi sebarang kepentingan, kakitangan tidak cukup. Bank Bumiputra umpamanya ada cawangan di luar, di dalam negara kita ada cawangan, pegawai-pegawai dalam audit dalaman tidak mencukupi, jadi tidak menjalankan tugas dengan begitu memuaskan.

Satu lagi HRD tadi, ini yang saya nampak seperti mana yang saya kata, manusia sudah begitu specialised, umpama 'laser light focus' begitu fokus kepada kerja begitu tepat sekali.

Dalam kajian saya ke atas 10 bank perdagangan terkemuka di dunia, ia bukan sahaja mempunyai kekuatan dari segi kualiti pengurusan tetapi dari segi

innovativeness. Saya ambil contoh di Amerika Syarikat. Bila kita memperkenalkan Bank Islam pada 1995, instruments kewangannya begitu sahaja tidak ada perbezaan.

Di Amerika Syarikat ia perkenalkan lebih lewat daripada kita, ia banyak instrument-instrument kewangan. Yang mereka perlu tahu adalah prinsip-prinsip perbankan Islam, cukup sudah. Berdasarkan itu ia boleh mereka-cipta banyak instruments kewangan. Jadi, di sini kita dapati kita begitu slow kerana kita tidak ada dari segi quality management juga innovativeness.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kita mesti mengubah attitude bankers kita.

Pertama sekali bank mesti belanja besar dari segi HRD. Saya nampak perbelanjaan bank untuk HRD begitu kecil.

Kedua, sektor perbankan dan kewangan begitu penting kenapa tidak kita hantar mereka berkursus ke luar, pergi New York kita minta tolong Chase Manhattan Bank, City Corp.

Tuan Yang di-Pertua, saya semasa di Chase Manhattan Bank, ada beberapa orang daripada bank tempatan pergi kursus di Asia Credit Training Centre dan mereka pulang begitu baik pasal sistem latihannya berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh, kalau kita buat consolidation statement kita berilah hendak buat consolidation statement kita ambil 10 syarikat. Saya ingat setahun belum tentu siap kecuali orang itu ada expertise dalam accounting. Tetapi di bawah sistem latihan yang mereka beri dalam masa satu hari boleh siap pasal American system ini berbeza. Dia ada step by step. Malahan saya lihat semasa hendak pilih calon untuk pilihan raya, Amerika hendak pilih calon Republican dan Democrats, ia ada manual. Step one, identify orang itu macam mana orangnya - step two, step three, step four and step five, ia begitu. Jadi saya tidak percaya kita akan dapat melahirkan banker yang baik kalau dalam environment kita yang sama-sama tidak matured tidak mungkin kita dapat lahirkan. Kalau kita lihat dari segi industri, kewangan dan perbankan yang terbaik di Amerika Syarikat kita kena hantar. Hantarlah bank manakah, setahun 10 orang, tidak mahal. Untuk training kemungkinan ia akan

beri percuma. Semasa saya dahulu di sana ia beri percuma, hanya membiayai makan dan tempat tinggal sahaja. Mungkin dalam masa 6 bulan sudah cukup berapa ribu, dalam RM60 ribu seorang. Hendak bawa satu sistem yang terbaik dalam negara kita supaya jangan pada masa hadapan kita menghadapi masalah yang sama, tidak rugi perbelanjaan begitu untuk kita bawa sistem yang terbaik.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya sedikit kepada Ahli Yang Berhormat Tambun?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minta penjelasan. Saya dengar macam bunyi banyak sistem daripada Amerika ini tetapi saya lihat sistem daripada Amerika macam IMF telah gagal membaiki sistem ekonomi di Indonesia, Filipina, Thailand dan Korea Selatan sedangkan sistem kita telah berjaya dan berkesan.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bercakap tentang bank perdagangan. Itu yang saya cakapkan, saya bukan cerita tentang IMF. IMF ini badan lain, ia bukan bank perdagangan. Saya ingin minta maaf.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tetapi IMF itu dia tiru cara Amerikalah itu, pasal itu dia gagal. Nampak kita lebih baik.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ingat dia lain. Ia ada perbezaan antara bank perdagangan, bank saudagar, syarikat kewangan, bank pembangunan dan juga Bank Negara - yang itu yang salah adil itu. Dia keluar dia kata ada simpanan dalam Bank Negara pada hal Bank Negara adalah bank pusat. Bank pusat macam Bank Negara Malaysia. Ia tidak menerima deposit daripada syarikat atau individu, apa Bank Israel, bukan? Jadi ia ada perbezaan. Yang saya cakap sekarang adalah bank perdagangan di negara kita. Jadi saya minta maaf, saya berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, ya. Tuaran bangun ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat Yang Berhormat dari Tambun. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tambun mengenai kewibawaan pegawai-pegawai bank kita. Memang kita semua sedar baru seminggu lalu pun ada orang yang baru dituduh di mahkamah kerana meluluskan pinjaman sehingga begitu banyak. Tetapi saya ingin penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat Tambun ialah lebih kurang seminggu atau dua minggu yang lalu saya ada bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan II mengenai kegagalan kerajaan mengawal prestasi Bank Bumiputra. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan II ialah tidak ada Kertas Putih akan dikeluarkan oleh kerana segala yang telah berlaku itu adalah berasaskan perhitungan programme management on a business transaction. Tetapi persoalan saya ialah kenapa sejak BMF lagi, kemudian Petronas menyuntik wang dan kerajaan lagi menyuntik wang, kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan II itu benar dalam jawapannya adakah ini benar-benar membayangkan bahawa bukan sahaja credibility pegawai bank di negara kita ini amat meragukan tetapi 'the judgement in giving loan' dengan izin, adalah very-very poor indeed.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini perlu ada satu mekanisme untuk mengawal supaya business transaction itu haruslah prudent dan mempunyai asas-asas kukuh sebelum pinjaman-pinjaman besar diberikan terutama bank-bank kerajaan yang mempunyai kepentingan seperti Bank Bumiputra. Terima kasih.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak buat sedikit correction, ya. IMF bukan bank pembangunan, ia serupa dengan Central Bank di peringkat dunia. Ia berbeza, jadi saya minta maaf, ada sedikit kekeliruan daripada makluman.

Saya ingat Yang Berhormat Tuaran sudah ketinggalan masa, Yang Berhormat Tuaran. Perkara ini sudah saya sentuh awal tadi. Mungkin Yang Berhormat Tuaran masuk lewat, saya maafkan. Saya ingat Yang Berhormat Tuaran boleh baca *Hansard*

nanti untuk mengetahui pendirian saya. Biar saya terus kepada beberapa isu yang saya hendak bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berpindah kepada isu seterusnya iaitu isu pricing ini, bank pricing. Saya dapati terdapat dua extreme di sini apabila ekonomi kita agak pulih sedikit. Kita dapati terdapat penurunan interest rate kepada pendeposit sekarang dalam 4%. Kalau dalam sistem perbankan mungkin pelanggan boleh dapat 5% atau 6% berbanding dahulu 12%, 13%, tetapi tidak mungkin kita dapat kedudukan yang sama seperti dahulu. Tetapi sekarang sudah 4%, 2%.

Kemudian dari satu extreme pula, peminjam walaupun telah diturunkan pricing 'cost of borrowing', kos pinjaman kepada peminjam tetapi tidak juga begitu rendah. Jadi kita ada satu bank meminjam daripada depositors murah kemudian diberi pinjam mahal. Jadi adakah ini cara yang kita mahu bank kita bertindak?

Tuan Yang di-Pertua, dari segi depositor saya dapati mereka begitu taat kepada bank. Dalam keadaan mendengar bank sudah menghadapi krisis, mereka tidak mengeluarkan deposit yang biasa dipanggil sebagai 'bank run off'. Ini tidak berlaku. Kalau di Singapura, Taiwan ataupun Hong Kong, Jepun, dan negara-negara lain sudah pun berlaku. Tetapi depositors kita begitu taat dan setia kepada bank. Adakah kesetiaan itu mesti dibayar dengan kos yang begitu rendah sekarang? Pendeposit beritahu saya simpan RM4 - 4%, dia kata. Seperti mana saya katakan tadi di satu pihak kita beri pinjaman yang agak tinggi.

Saya hendak sentuh perkara ini dengan melihat kepada struktur kos bank. Mungkin saya ada tersilap sedikit dari segi terminologi saya. Pertama sekali, struktur kos ia bermula dengan cost of fund, ini bank pinjam daripada pendeposit ataupun pinjam daripada money market, itu satu. Sekarang kita kata dalam 4%. Kemudian ia ada effective cost of fund. Effective cost of fund ini terdiri daripada cost of fund tadi dicampur dengan kos operasi bank. Kemudian kita ada base landing rate, ini ditetapkan oleh Bank Negara berasaskan kepada beberapa bank besar dan kemudian kita ada cost of borrowing. Cost of borrowing ini kita beri kepada peminjam kita ataupun pelanggan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati dari segi struktur kos yang empat itu tadi, cost of fund 4%, kemudian effective cost of fund sampai 5.56% diambil kira operating cost. Kemudian BLR sekarang saya ingat 7.5%. Ia ada perbezaan ini daripada 6%, 5.56% ada lagi perbezaan BLR 7.5%. Kemudian cost of borrowing, ini BLR dicampur dengan margin bank, ada yang ambil 5%, 6%, 7% berdasarkan kepada risiko syarikat. Bermakna kalau, katalah peminjam dapat BLR, 7.5% campur 5% jadi 12.5%, daripada cost of fund tadi 4.5%, effective cost of fund 5.5%. Kos sebenar kepada bank adalah effective cost of fund. Daripada 5.5% ataupun 6%, ia beri pinjam 12.5% sudah ada margin keuntungan 7.5%. Saya menganggap ini cukup tinggi. Jadi saya berpendapat bank mesti memainkan peranan dalam keadaan ini. Kerugian bank bukan disebabkan oleh orang lain, disebabkan oleh ketidakmampuan bank untuk mengurus risiko.

Dari segi operating profit, saya dapati banyak bank mendapat operating profit yang tinggi tetapi menghadapi kerugian akhirnya oleh kerana right-off dari segi aset yang begitu tinggi. Jadi masalahnya adalah masalah bank bukan masalah environment ataupun orang luar. Jadi bank mesti berperanan untuk membantu dengan cara, saya berpendapat di'balance'kan dan mungkin beri lebih sedikit kepada depositors dan kemudian turun sedikit bermakna balancing ini boleh dilakukan dalam margin 7.5% keuntungan yang bank buat tadi.

Akhir sekali, saya hendak sentuh tentang pinjaman bank kepada industri kecil ataupun small businessman. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, pertama sekali saya mengharapkan kepada Kementerian Kewangan di dalam perancangan untuk membantu industri kecil atau peniaga kecil, asas pertama mesti ada data dan statistik. Jangan disebabkan keadaan pegawai malas, tidak apa, tidak kisah, perkara yang penting ini kita tinggalkan dan saya juga percaya tidak ada satu department pun di dalam kerajaan ataupun seorang individu yang ditugaskan untuk mengumpul maklumat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi macam kita berjalan dalam gelap. Kalau kita ada data statistik kita tahu berapa ramai peniaga kita, ke arah mana mereka boleh pergi dengan bantuan-bantuan yang kita berikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil anggapan begini, kalau kita hendak mencipta sektor ekonomi, sektor perdagangan, sektor perniagaan dan sektor korporat yang berjaya kita mesti wujudkan budaya niaga yang kukuh. Budaya niaga yang kukuh ini akan dapat dilaksanakan dalam satu tempoh waktu yang panjang bermula daripada perniagaan yang kecil, kemudian naik kepada tingkat kedua, tingkat ketiga, tingkat keempat dan seterusnya baru menjadi peniaga yang besar. Itu perkara yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pukul satu, Yang Berhormat. Hendak sambung petanglah, ya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Tambun diminta sambung.

2.30 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya menyatakan saya akan menyentuh perkara akhir iaitu pembiayaan ataupun pinjaman kepada industri kecil ataupun peniaga kecil dan tadi saya meminta supaya, pertama sekali kita mesti mempunyai data dan statistik yang mencukupi. Kedua, saya berpendapat mana-mana sistem pinjaman kepada peniaga industri kecil ataupun peniaga kecil mesti dilaksanakan secara efisien. Ia akan memenuhi tiga matlamat. Pertama, mesti sampai kepada sasaran. Kedua, sasaran

mestilah sasaran yang berpotensi dan ketiga, dana yang disediakan untuk pinjaman tersebut mesti berkembang.

Saya dapati di bawah sistem sekarang, sama ada yang dikendalikan melalui kementerian ataupun bank-bank perdagangan, ketiga-tiga matlamat ini tidak tercapai secara sempurna. Umpamanya, kita dapati bahawa pinjaman tidak sampai kepada sasaran yang sebenarnya. Dalam tinjauan saya kepada beberapa bank perdagangan, saya dapati bahawa ada di kalangan mereka yang mendapat pinjaman tersebut adalah terdiri daripada peniaga *ad hoc*, orang yang mempunyai personaliti daripada bidang-bidang tertentu yang tidak bergiat dalam bidang perniagaan kerana mereka tahu bagaimana bank memberi pinjaman dengan menyediakan kertas kerja yang nampak impresif, maka mereka mendapat pinjaman tersebut dan akhirnya pinjaman tersebut tidak digunakan dengan baik.

Dari segi dana yang ada saya dapati ia tidak berkembang dari tahun ke tahun. Ada yang menghadapi masalah NPL yang begitu banyak terutama yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan. Saya berpendapat bahawa kita mesti mewujudkan sistem yang berlainan. Kita ada dua kekuatan sekarang. Pertama, saya dapati dana yang dikendalikan oleh agensi kementerian baik Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan lain-lain agensi, terdapat 32 buah tabung atau dana. Dari segi jumlah sepenuhnya tidak saya kira tetapi saya rasa lebih daripada RM1 bilion yang terlibat – bermakna dana sudah ada. Kekuatan yang kedua, sekarang ini kita dapati akibat daripada krisis yang dihadapi oleh sektor perbankan dan kewangan di samping berlaku penggabungan bank-bank, kita dapati ramai pegawai dan pekerja bank yang diberhentikan, sebahagian besar daripada mereka adalah secara pilihan. Saya dapati bahawa pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja ini telah dilatih dalam sektor perbankan dan kewangan dan jika mereka ini dibiarkan dan tidak digunakan balik akan menjadi kerugian besar.

Saya bersetuju apabila kerajaan menggabung CAHB dengan BBMB mewujudkan bank muamalat, bermakna pegawai dan kakitangan yang tidak dapat diserap ke dalam Bank Bumiputra Commerce Bhd. akan dihantar ke bank muamalat tetapi terdapat ramai pegawai dan pekerja bank ini yang telah berhenti. Mereka mendapat duit daripada bank mengikut pangkat mereka dan berapa lama bekerja di

bank dan sebahagian besar daripada mereka cuba untuk menceburi bidang perniagaan dan saya tahu ramai juga yang gagal. Dari segi kepakaran individu-individu ini saya percaya harus digunakan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat, daripada kita mempunyai 30 buah dana, mengapa tidak kita cantumkan dana ini? Kita jadikan sebuah bank untuk peniaga kecil, seperti di Bangladesh ada bank untuk small industries yang berjaya. Saya rasa ini sebahagian daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar. Beliau bimbang jika kualiti perbankan ini ditingkatkan, peniaga-peniaga yang tidak sampai kepada standard dapat memperolehi pinjaman daripada bank perdagangan, tidak akan ada tempat untuk mendapat pembiayaan. Jadi, saya berpendapat kita wujudkan bank untuk peniaga-peniaga kecil di samping modal-modal lain, venture capital untuk golongan-golongan ini, golongan yang baru, kita mesti wujudkan sistem-sistem yang berlainan daripada bank perdagangan dan kita boleh mengadakan sistem yang mungkin lebih longgar lagi daripada bank perdagangan.

Saya memberi pandangan ini kerana saya lihat, pertama sekali saya berpegang kepada pemikiran bahawa apa yang saya katakan tadi, kita mesti wujudkan budaya niaga bukannya peniaga, bermakna budaya niaga mesti diwujudkan dalam peniaga. Tidak ada satu sistem dalam dunia yang melahirkan peniaga secara instant jadi millionaire dan dia bertahan lama. Mungkin ada individu-individu tertentu tetapi ini exception to the rule. Secara umumnya ia mesti daripada satu tingkat kepada satu tingkat di mana saya nyatakan dahulu dalam kes Boon Siew. Dia bermula dengan repair basikal kemudian ejen jual basikal, motosikal, pergi kepada kereta kemudian pergi kepada bidang lain.

Begitu juga dengan Lion Group. Saya ingat pada tahun 1977, bermula dengan Lion Pek Kiang – buat dawai-dawai, wire rod dengan modal ikuiti sebanyak RM750 ribu tetapi kemudian Lion Trading, Lion Metal Industries dan menjadi satu konglomerat yang terbesar. Kalau kita pergi ke Beijing, ada satu supermarket di tengah-tengah Beijing, supermarket yang boleh dikatakan antara terbesar di Beijing sekarang ini yang dimiliki oleh Lion Group. Jadi, ia daripada satu peringkat kepada satu peringkat, malahan peningkatan ini tercapai dalam satu generasi. Pada masa William Cheng masih lagi ada dalam tempoh 20 tahun lebih, daripada satu factory

yang kecil, William Cheng pada masa itu memakai singlet tidak ada tangan, di dalam factory cakap bahasa Inggeris pun tidak tahu, gunakan Yeap sebagai akauntan beliau yang lebih banyak menjalankan kerjanya, dalam tempoh 20 tahun sampai di Beijing ada satu supermarket yang besar.

Jadi, berbalik kepada pendapat saya bahawa aset masa depan kita ialah peniaga kecil yang kita perlu develop dan peniaga kecil ini cukup ramai. Dalam satu kawasan perumahan di tempat saya ada lebih kurang 4,000 rumah, ada sekurang-kurangnya 70 peniaga kecil yang cukup berjaya dan peniaga kecil yang berjaya ini budayanya tentu berbeza dengan yang *ad hoc* yang saya kata tadi. Peniaga *ad hoc* ini dia orang pandai, kadang-kadang dia jadi kerani pejabat kerajaan atau guru-guru – dia pandai membuat kertas kerja, dia pakai neck-tie pergi berjumpa pengurus bank. Pengurus bank nampak kertas kerja impresif kerana mentality bank senang sahaja. Banyak kali saya test mereka – kalau cash flownya nampak cantik, makna senang dapat loan kerana seperti mana saya katakan tadi, pegawai-pegawai kadang-kadang dia bukan profesional, they are basically amateur, jadi bila dia dapat laporan daripada pemohon sepatutnya dia buat verification. Dia sendiri buat cash flow itu balik, berapa harganya dan sebagainya tetapi tidak kepada banker kita, apa yang diperolehi daripada pemohon itulah digunakan dan lagi tinggi kita letak projection kita, lagi besar peluang untuk memperolehi pinjaman.

Jadi, budaya peniaga kecil yang saya lihat, mereka ini orang yang tidak ada ilmu persekolahan yang tinggi. Macam William Cheng, sekarang mungkinlah beliau sudah bijak tetapi masa mula saya bertemu beliau pada tahun 1977, beliau tidak tahu berbahasa Melayu, tidak tahu berbahasa Inggeris, dia berbahasa Cina dan bukan orang yang dinamik. Jadi, peniaga kecil ini terdiri daripada orang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan walau dia buat kimpalan atau repair kereta dan sebagainya. Oleh kerana mereka peniaga kecil, pendapatannya dalam lingkungan RM2,000 ke RM3,000 satu bulan, dia akan bekerja satu hari sepuluh hingga duabelas jam, dia tidak ada masa untuk pergi jumpa pegawai bank, dia tidak ada masa hendak dengar syarahan daripada bank-bank mengenai pelbagai jenis loans. Macam ada orang kata Bank Pertanian memberi syarahan kemudian maklumat tidak betul, malah bank-bank memberi syarahan pun

maklumat tidak betul. Dia kata isi borang ini kalau ada kedai, ada syarikat boleh diberi loan dan akhirnya syarikat itu tidak dapat loan kerana maklumat tidak betul. Seolah-olah pinjaman diberi berasaskan kepada dua justifikasi, padahal justifikasi lebih daripada itu. Jadi, akhirnya orang merasa begitu kecewa.

Jadi, saya lihat bahawa tadi saya kata, pertama budaya ini berperingkat-peringkat. Titik-tolak daripada perbincangan saya, pemikiran saya, yang kedua kita mesti ada orang yang specialize. Seperti mana saya kata di Bangladesh, mungkin ekonominya rendah, ia tertumpu kepada peniaga kecil dan industri kecil, ia specialize, dia yang tahu wujud 70 orang macam yang saya kata tadi, mereka yang pergi mencari orang.

Saya ambil di sini satu sistem, Tuan Yang di-Pertua, macam mana peniaga kecil kita survive sekarang kalau mereka tidak ada modal. Modal memang tidak cukup. Itulah yang saya katakan, kalau bank beri RM10,000 atau RM20,000 mereka boleh beli jentera baru yang automatik, perniagaan akan menjadi lebih baik. Kalau mereka tidak mempunyai modal untuk modal pusingan mereka pergi ke mana? Mereka akan pergi kepada ceti dan kalau pinjam ceti satu tahun sekurang-kurangnya 150% faedahnya tetapi dengan sistem ini juga peniaga kecil ini dapat survive. Jadi, bermakna peniaga kecil ini mempunyai daya maju yang tinggi. Jadi, aset besar, cuba kita bayanglah.

Saya membuat satu andaian sahaja, bukan berasaskan kepada statistik yang saya perolehi. Saya buat andaian, kalau satu kawasan perumahan ada 70 peniaga kecil, dalam satu negara ada berapa peniaga kecil. Katalah ada dalam 100,000 yang berjaya dan kalau kita tolong 100,000 peniaga kecil yang berjaya ini dengan memberi pinjaman kepada mereka, mereka lebih maju lagi, mungkin dalam satu generasi daripada peniaga kecil dia menjadi peniaga menengah yang besar sedikit dan bila tiba masa 20 tahun kemudian dia akan menjadi peniaga besar ataupun industri besar, jadi kita nampak base kita begitu kuat. Sekarang yang terjadi, base kita tidak kukuh, kita ada giant company, kemudian kita ada hollow di tengah-tengah – yang pertengahan ini kurang, yang kecil ini kita jadi macam pokok, ia tidak kukuh. Sepatutnya base yang kecil mesti besar.

Saya baca Morten Frost, dia kata mengapa badminton Malaysia tidak kuat, walaupun Denmark ada 5 juta orang penduduk, dia kata kerana basenya banyak, kelabnya dan pemain-pemainnya banyak. Kita tidak ada kelab, jadi basenya menjadi kecil. Dalam satu sistem ekonomi, kalau base kecil, peniaga kecil itu banyak tetapi tidak kukuh, jadi struktur ekonomi itu tidak kukuh.

Jadi, saya berpendapat kita perlu fikirkan, kita tubuh satu bank untuk peniaga kecil kerana saya hendak menyatakan bahawa antara matlamat kita dalam memberi pinjaman kepada peniaga kecil adalah untuk mencapai matlamat ataupun objektif sosial. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit perkara ini. Sampai bila kita hendak memenuhi syarat ini, bila hendak tercapai? Pada saya segala perancangan, pelaksanaan dan usaha untuk social objective ini terutama melahirkan peniaga mesti bersandarkan sistem yang saya sendiri panggil sebagai sistem Midas touch ini – sentuh dia berjaya. Kalau kita tunggu sampai bila, apabila buka sahaja pintu kita kepada sistem liberalisasi perdagangan dan pelaburan seperti mana saya sering katakan, bila global kapitalis ambil alih, peniaga kecil ini tidak akan ada tempat kecuali kalau mereka berkualiti yang selaras dengan mainstream pada masa itu.

Orang tidak akan beri pinjaman kerana ia kecil, kita beri pinjaman kerana ia kecil kerana masa ini masa kita memerintah, ekonominya kita pegang. Kerajaan mempunyai kuasa, kerajaan boleh membetulkan sistem ini tetapi sampai bila? Kita akan masuk ke abad ke-21 100 tahun lagi. Liberalisasi akan bermula pada tahun 2005, AFTA pada tahun 2002, bermakna competitionnya akan menjadi pesat dan cuba kita bayangkan kalau kita gagal pada tahun 2002 atau 2005 untuk menaikkan taraf peniaga kecil kita. Pada tahun 2020 apabila syarikat-syarikat kita dikuasai oleh orang-orang lain, bank-bank kita dikuasai oleh orang-orang lain di mana peniaga kecil ini akan berada? Saya percaya krisis pada masa itu lebih hebat lagi dari segi saiznya daripada krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang kerana ini ada ‘misplace of’ penduduk kita.

Di bawah sistem ini saya kait balik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar tadi, kita mesti ada penekanan kepada aktiviti khidmat nasihat. Kita tidak boleh biarkan orang yang boleh berjaya tetapi tidak begitu pandai lagi dan kita biarkan – mesti menekankan kepada program khidmat nasihat. Jadi,

dengan kita menggabungkan seluruh 32 dana di bawah satu badan kita sudah ada specialization kemudian banyak input yang diperlukan oleh peniaga kecil ini boleh dilakukan oleh badan yang digabungkan menjadi satu badan ini dari segi lesen, dari segi hendakkan tempat berniaga dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, approach kita untuk membantu peniaga kecil ini mesti berbeza daripada approach kita sekarang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teluk Intan.

2.50 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan mengenai perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah satu hari yang sangat mustahak di dunia, dengan izin, today is the World Press Freedom Day pada 3 Mei 1999. Hari ini juga lebih kurang 250 penulis-penulis iaitu journalist telah menyerahkan satu memorandum kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hari ini. Di antara perkara yang mereka mengatakan bahawa satu perkara yang mustahak yang perlu diambil kira oleh satu sistem demokrasi adalah bahawa dengan segera memansuhkan semua klausa-klausa dan Akta Mesin Cetak yang terdapat di buku statute kita untuk lebih 40 tahun. Mereka menyatakan pandangan mereka iaitu dengan izin, saya baca, Tuan Yang di-Pertua, *“There is a growing feeling among the public that the local media cannot be trusted and it is controlled by the government. The Printing Presses and Publications Act only reinforces this impression”*.

Selanjutnya memorandum ini telah diserahkan kepada Yang Amat Berhormat di Parlimen hari ini dan saya harap kesedaran yang baru akan diterima oleh kerajaan bahawa masa sudah pun tiba bahawa pembaharuan perlu dibuat supaya kita mengadakan satu press freedom yang maknanya penuh supaya surat khabar yang ada di negara ini tidak terikat dengan apa....

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Yan.

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, thambi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan pakai gelaran yang

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, 'thambi' itu adik.

Tuan M. Kulasegaran: Saya tidak beri. Dia tidak tanya dengan baik. Duduk, duduk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Adik dengan abang, takkan tak boleh.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teruskan kalau tidak beri laluan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas supaya akta ini dimansuhkan dengan segera. Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kofi Annan iaitu Secretary General of United Nations, Federico Mayor, Director-General of UNESCO dan Mary Robinson, United Nations High Commissioner for Human Rights telah mengeluarkan satu press statement di antaranya dengan izin, saya baca apa yang terkandung di press statement tersebut *“Press freedom is a cornerstone of human rights and a guarantee of other freedoms. It encourages transparency and good governance; it ensures that, over and above the mere rule of law, society enjoys the rule of true justice. There are, however, those who were still question the value of freedom speech to their societies, those who argue that it threatens stability and endangers progress; those who still consider freedom of speech an imposition from abroad and not the indigenous expression of every people’s demand for freedom.*

This argument is never made by the people, but by the governments; never by the powerless but by the powerful; never by the voiceless but by those whose voices are the only one allowed to be heard. Let us put this argument, once and for all, to the only test that matters; the choice of every people to know more or know less, to be heard or be silenced, to stand up or to kneel down.

Freedom of speech is a right to be fought for, not a blessing to be wished for. But it is more than that it is a bridge of understanding and knowledge. It is

essential for that exchange of ideas between nations and cultures which is a condition for true understanding and lasting cooperation’.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meneliti apa yang terkandung di sini akan menunjukkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Saya belum habis lagi, sekejap lagi, boleh, boleh?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay.

Tuan M. Kulasegaran: Dengan izin saya baca lagi yang terkandung di press statement, *‘Our daily diet of accurate information, whether carried by satellite or ocean cable, still depends on the daily exercise of courage and integrity by journalists, on the tenacity of editorial teams, on the commitment of independent media to carry high the principles of a profession under permanent pressure. On this World Press Freedom Day, we salute their courage and their commitment to the universal pursuit of truth and knowledge’.*

Tuan Yang di-Pertua, hari ini bila journalists kita menyerahkan memorandum tersebut, saya tertarik kepada apa yang tertulis dalam memorandum tersebut. Di antaranya Tuan Yang di-Pertua, dikatakan lebih kurang 580 journalist telah menandatangani memorandum tersebut dan menyokong bahawa akta tersebut patut dimansuhkan dengan segera.

Pendapat ini adalah pendapat ramai di antara rakyat Malaysia ini bukan sahaja dari pembangkang dan kita tidak boleh lupa Ahli Parlimen dari Kota Melaka dulu, Yang Berhormat Lim Guan Eng, beliau telahpun di ‘charge’, diseksa di bawah seksyen yang terkandung di bawah Akta Mesin Cetak di mana beliau telah menyuarakan beberapa hal dan membongkarkan cerita di mana seorang Ketua Menteri terlibat dengan seorang pemudi di bawah umur 16 tahun akan tetapi oleh kerana orang itu ada maha kuasa hingga hari ini beliau senang hati, tidak ada apa-apa masalah dan tidak ada apa-apa tindakan diambil terhadap beliau. Tetapi orang yang menyuarakan dan orang yang menyelamatkan maruah si pemudi itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Boleh, Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran: Biar saya habis, sedikit sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay.

Tuan M. Kulasegaran: Sabar, sabar, press freedom. Jadi, Ahli Parlimen itu sekarang telah dijatuhkan hukuman 18 bulan, dua kali ganda. Siapa juga yang menyuarakan perkara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Batang Lupar bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Sekejap, saya belum habis. Untuk siapa dia menyuarakan perkara ini. Ini adalah untuk rakyat tidak kira bangsa, tidak kira agama, tidak kira umur. Perkara macam ini perlu dibuat oleh semua ahli Parlimen, jangan kita menyuarakan hal-hal yang kena mengena dengan bangsa kita sendiri sahaja dan ini adalah satu-satu yang menunjukkan bahawa DAP di negara ini bukan sahaja menyuarakan, melawan untuk satu bangsa tetapi untuk semua bangsa. Perkara ini perlu diambil kira kerana masyarakat yang progresif hanya boleh terjadi jika orang-orang seperti Ahli Parlimen, Lim Guan Eng yang berani dan hingga sekarang telah diseksa, dihantar ke penjara untuk

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat kita ini mempertikaikan hukuman mahkamah, sedangkan Yang Berhormat sendiri seorang peguam dan Yang Berhormat faham bahawa undang-undang yang dibuat di Malaysia ini dibuat di Dewan yang mulia ini. Maknanya rakyat yang membuat undang-undang dan para-para hakim hanya menjalankan undang-undang tersebut. Jadi, kalau Yang Berhormat sebagai seorang peguam mempertikaikan keputusan mahkamah, saya kira ini tidak profesional sebagai seorang peguam.

Yang keduanya, saya hendak penjelasan dari Yang Berhormat, apakah jenis kebebasan bersuara di Malaysia Yang Berhormat perlukan; dan yang keduanya, apakah kebebasan penulisan akhbar Yang Berhormat perlukan. Kita dapat lihat akhbar-akhbar

di Malaysia ini begitu luas terbuka, mereka boleh komen sama ada mengkritik kerajaan atau tidak, contohnya akhbar *Harakah*, yang ini Yang Berhormat boleh beli *Harakah*, Yang Berhormat boleh tengok, walaupun Yang Berhormat bukan ahli, Yang Berhormat boleh beli walaupun benda itu khas untuk ahli tetapi kerajaan tidak mengharamkan itu, walaupun ahli PAS tidak sampai 100,000 orang tetapi dia boleh cetak sampai ratus ribu punya naskah.

Jadi, Yang Berhormat boleh lihat sendiri sama ada kerajaan membanteras pembebasan penulisan bersuara. Bersuara Yang Berhormat pun tahu, parti-parti pembangkang you can have assembly anywhere you like, belah-belah malam dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun

Seorang Ahli: Jangan berucap.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ceramah di merata kampung, hentam kerajaan, itu kebebasan. Jadi, Yang Berhormat dan juga badan-badan luar negara ini, yang orang Putih/Mat Saleh ini dia hendak apa, what type of freedom do you want now, please. Penjelasan Yang Berhormat, mencarut pun bolehkah Yang Berhormat, you want to that extend, sampai tok guru pun mencarut. Ini sudah celaru, saya ingat tok guru pun hendak kata mereng tidaklah tetapi tidak betullah.

Tuan M. Kulasegaran: Tunggu giliran untuk ucapan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak pandangan saya? What type of freedom that you require in Malaysia now? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran: Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan, saya rasa beliau tidak nampak memorandum dan tidak tahu apa yang terkandung dalam ini kerana pagi ini beliau tidak ada di sini, nombor satu. Nombor dua....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, Yang Berhormat jawab penjelasan saya, saya tidak mahu yang itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sekarang ini dia yang berucap. Jadi, sama ada dia hendak jawab atau tidak, itu terserah kepada dia.

Tuan M. Kulasegaran: Memorandum ini akan menunjukkan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tadi, dia cakap pasal kebebasan, ini saya tidak ada kebebasan, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tadi Yang Berhormat telah soal, cukup jelas.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, memorandum ini terkandung lebih kurang tiga muka dan jika seseorang membaca ini, ia akan faham apa itu press freedom. Kita boleh kata di negara ini kita ada press freedom tetapi press freedom in name only, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Timbalan Menteri bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya hendak tanya sedikit sahaja. Dulu saya tengok akhbar *Roket*, Tuan Yang di-Pertua, dibenarkan dicetak. Saya hendak tanya apa sudah jadi, kita bebaskan. Saya dengar khabar dia tulis banyak fitnah tetapi tidak laku, DAP pun tidak hendak baca. Sampai sekarang akhbar itupun tidak ditulis, jadi kita ada press freedom, akhbar *Roket* beri kebenaran tulis pun tak tulis sampai tidak laku, kerana asyik fitnah sahaja. Apa hendak cerita hari ini. Tolong jawab mana pergi akhbar *Roket*.

Tuan M. Kulasegaran: Yang ini, Timbalan Menteri sengaja hendak cari pasal. Dia ini belum layak hendak jadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, dia tidak tahu, kita ini number one producer of record, opposition news dalam negara ini, selain dari *Harakah* dan sebagainya. Sila duduk.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tidak dengar berita pun *Roket*, dengar khabar sudah terkubur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia belum beri jalan lagi. Ya, Batang Lumar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat, peluang cakap sedikit ya. Hendak tanya pendapat Yang Berhormat, saya tertarik dan berminat dengan apa Yang Berhormat baca dalam surat tadi, daripada United Nations

dan sebagainya. Saya anggap ini sebagai satu Western freedom, kalau kita lihat Yang Berhormat, daripada Plato dulu pun kata freedom juga, Western wisdom tetapi kalau kita lihat pada zaman dia, ramai juga orang jadi 'ulun' dan sebagainya, ditindas dan sebagainya, zaman dia. Masa Jefferson jadi Presiden Amerika, 'ulun' pun masih diiktiraf dan Jefferson sendiri tidak menerima abolitionism. Jadi, hamba abdi ini masih diterima.

Jadi, sekarang Yang Berhormat baca pada zaman 90-an ini, hampir millennium ke 2,000. Jadi, wisdom Western juga Yang Berhormat baca, tetapi saya pandang yang daripada dulu pun wisdom ini gergaji dua mata, Yang Berhormat, dia cakap tidak serupa bikin, negara dia berlainan. Jadi, Yang Berhormat terikut-ikut dengan cerita dia ini, tidak pandang apa yang berlaku di negara mereka. Yang Berhormat terikut-ikut, suruh kita ikut pula. Kalau Yang Berhormat lihat di dalam masa sekarang. *[Disampuk]*. Tunggu, sampai saya tanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sampai soalan, sedikit sahaja. Bila kita lihat dalam Internet di Amerika dan di mana, tidak ada orang maki hamun orang lain tetapi di Internet kita ada banyak maki hamun dan sebagainya. Persoalan saya Yang Berhormat, adakah kita sudah bersedia menerima freedom Yang Berhormat hendak freeze itu dalam keadaan masyarakat kita, zaman jahilliah sebelum Nabi Muhammad pun freedom juga Yang Berhormat. Anarchy pun freedom tetapi undang-undang kena buat, ada batasan dan had tertentu kita hendak buat supaya kerajaan boleh mentadbir, jangan Yang Berhormat hasut sana, sini, gaduh, jadi tahun 1969, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok memorandum tersebut, saya petik sedikit dalam bahasa Inggeris, saya baca dan ini akan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh kawan saya, *'Furthermore, the government should recognized the need for the mainstream press to have the same freedom as the Internet, so that the press can fully contribute toward the*

country's objective or becoming a regional information center', tidak perlulah dalam negara ini kita mengadakan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan....

Tuan M. Kulasegaran: Tak perlu, cukup, cukup.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak tanya dalam DAP ada freedom tidak? Cakap kepada press kena pecat, ada freedom tidak dalam DAP? Is there any freedom in DAP, kalau hendak bercakap kepada press pun kena pecat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran: Dia hendak cari pasal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat berdua takkan tidak tahu peraturan mesyuarat, kalau satu pihak tidak beri jalan, saya rasa pihak yang lain ini jangan mencelah dengan sesuka hati. Yang Berhormat, biasanya kalau saya sudah beri isyarat ada orang yang bangun, Yang Berhormat kena jawab sama ada hendak beri jalan ataupun tidak dan bukannya samar-samar jawapan, sama ada hendak beri atau tidak, itu kena cakap secara tegas.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Mentakab bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, DAP selalu kata mereka memperjuangkan untuk hak asasi dan hak manusia. Baru-baru ini parti DAP telah berpakat dengan parti pembangkang, menghalang bekas ahli DAP untuk menyertai parti lain. Tidakkah ini merupakan satu amalan yang langsung mencabul kebebasan dan hak asasi seseorang rakyat menyertai mana-mana parti? Tidakkah ini merupakan 'double standard' dan cakap yang tidak serupa bikin, sebenarnya ia merupakan satu 'hypocrisy' apa yang diperjuangkan oleh DAP. Saya minta penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran: Saya tidak perlu jawab. Ini tidak ada kena mengenai dengan isu yang saya bangkitkan mengenai freedom of press dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Mentakab bangun lagi.

Tuan M. Kulasegaran: Saya tidak beri laluan. Dia ada masa untuk berucap nanti. Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor-faktor yang perlu kerajaan fikir adalah bukan sahaja kita menulis di Federal Constitution bahawa kita ada freedom of expression and movement tetapi akta-akta yang lain seperti Freedom of Information Act yang sudah dilaksanakan di Thailand, Singapura dan lain-lain negara. Apakah sebab Freedom of Information Akta tersebut tidak dibawa ke negara ini? Kerana kita ada unsur-unsur di mana ia akan memastikan, guarantee bahawa seseorang itu boleh menyuarkan batas-batas yang tertentu supaya kita mengadakan satu sistem yang lebih 'open' tetapi kita ada banyak akta yang terlampau macam Official Secret Act, the Printing Presses and Publications Act dan lain-lain akta di mana freedom of movement and freedom of speech, dengan izin, tidak dibenarkan kepada rakyat Malaysia.

Kita tengok di Parlimen ini kerap kali perkara ini dibangkitkan bahawa kita perlukan live telecast di Parlimen. Kerap kali Tuan Yang di-Pertua, kita nampak menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen bila soalan ditanya mereka mengambil masa untuk menjawab, sudahlah masa, nombor dua, memberi jawapan-jawapan yang tidak kena mengena dengan faktor-faktor yang kita bangkitkan dan kerap kali kita perlu bangun memberitahu soalan yang kita tanya, mereka tidak menjawab.

Kalau kita tengok di Kanada baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, setiap soalan ditanya, menteri atau timbalan menteri, setiausaha Parlimen hanya diberi tiga minit untuk menjawab. Kalau dalam masa tiga minit tidak menjawab maka beliau tidak lagi berhak menjawab dan yang membuka soalan itu dibenarkan mengkritik pihak yang telah menjawab itu. Ini akan mengadakan satu balance dan order kepada soalan yang ditanya dan soalan yang dijawab.

Saya bangkitkan perkara ini kerana Setiausaha Parlimen yang akan menjawab hari ini. Tahun dahulu Tuan Yang di-Pertua, pada 20 April 1998, kalau kita baca *Hansard*, saya telah membangkitkan satu perkara mengenai kuil-kuil India,

mengatakan di Malaysia kita ada lebih kurang 7,000 kuil-kuil yang ada di tanah kerajaan yang tidak dikawal selia oleh kerajaan dan kerap kali beberapa perkara yang tidak diinginkan telah terjadi di tempat-tempat kuil tersebut. Walaupun saya selalu hormat Setiausaha Parlimen yang akan jawab hari ini tetapi mungkin beliau telah terlupa menjawab mengenai perkara ini. Beliau telah memberi aku-janji di Parlimen pada 20 April 1998 bahawa kerajaan akan mengambil tindakan dan mengatakan bahawa ini yang dikatakan, saya bacakan apa yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua, *“pada pandangan saya, yang saya tahu ini tidak ada lagi social effect seperti yang dikatakan oleh saya...”* dan sebagainya. Selepas itu dia kata macam ini, *“Mengenai pertanyaan Yang Berhormat tentang kuil Hindu, kita mengatakan bahawa baru-baru ini Yang Berhormat pun mengatakan bahawa MIC telahpun cuba menyenaraikan kuil-kuil...”*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Tuan M. Kulasegaran: Saya tidak beri laluan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kuil ini kisah negeri, tidak payah bawa ke Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun atas peraturan mesyuarat mana?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ada peraturannya tetapi saya tidak ingat nombor. Hal-hal negeri ini bincang di Dewan Negeri, bukan bincang di Parlimen. Kuil ini hak kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak tegur dia ataupun mempertikaikan perkara ini, boleh bangkitkan peraturan mesyuarat.

Tuan M. Kulasegaran : Tidak ada peraturan mesyuarat. Tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua, ini yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen mengenai perkara agama ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, jadi kita akan cuba laissez dengan kerajaan negeri mengenai perkara ini tentang jangka masa tidak dapat ditentukan oleh kerana ini merupakan satu proses yang tedious, dengan izin.

Saya harap kali ini kerajaan akan memberitahu apakah tindakan dalam satu tahun ini, berapa forum yang telah diadakan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional mengenai untuk mencari jalan supaya mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi tahu Dewan yang mulia ini kita ada satu committee system in Parliament di beberapa negeri di British Commonwealth. Oleh kerana kerap kali Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen memberi assurance, dengan izin, kepada ahli-ahli Parlimen maka selepas itu assurance tidak menjadi nyata, tidak ada jawapan dan sebagainya. Dan di satu negara di India, dia ada satu committee tertentu kepada perkara ini, dinamakan Committee of Assurances. Saya harap satu committee seperti ini ditubuhkan di negara ini, supaya sesiapa sahaja memberi akujanji....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Saya tak beri laluan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: India punya cerita.....

Tuan M. Kulasegaran:sesiapa yang memberi akujanji akan menunaikan perkara itu supaya kita bukan main-main di Parlimen. Kita kata dan kita tak buat mengenai perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin bangkitkan mengenai press freedom, yang kena mengena dengan press freedom iaitu soalan-soalan mengenai CLOB, di mana baru-baru ini tengoklah cerita terbongkar mengenai CLOB di mana seorang yang dikatakan bernama Akhbar Khan, Akhbar Khan saya difahamkan adalah seorang pemunya butik di Singapura dan beliau telah diberi beberapa konsesi tertentu dan perkara ini telah diceritakan mula-mula lagi mengenai negara, cerita mengenai perkara sensitif telah dilaporkan di *The Asian Wall Street Journal* pada hari Jumaat dulu. Apakah sebab ia tidak dilaporkan di surat khabar kita, apakah sebab ia dielakkan dilaporkan di surat khabar kita? Where is the press freedom, kenapa ia terlambat dan diantaranya dikatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah meluluskan satu pakej kepada Akhbar Khan dan dengan satu discount yang terlampau banyak dikatakan, spekulasi di sana. Dan mengatakan tiga alternatif telah diberi dikatakan oleh *The Asian Wall Street Journal*.

(a) menjual CLOB share itu kepada Akhbar Khan dengan discount;

- (b) satu fund disediakan supaya Akhbar Khan dapat membelinya;
dan
- (c) saja melupakan perkara ini dan CLOB share, saham-saham CIOB dijual beberapa tahun kemudian.

Dalam perkara ini, beberapa perkara ditimbulkan. Tuan Yang di-Pertua, di antaranya, nombor satu, apakah sebab kita perlu menunggu mendapat berita sedemikian dari surat khabar luar negeri, kenapa perkara macam ini tidak dilaporkan dengan serta merta untuk warganegara Malaysia di negara ini sendiri, walaupun ini adalah satu perkara yang mustahak di negara kita.

Nombor dua, apakah akan jadi kepada Akhbar Khan bila dia membeli syer-syer itu dengan discount atau menyediakan satu close fund oleh beliau. Macamana kerajaan boleh mengelak conflict of interest seperti yang dikatakan oleh *The Asian Wall Street Journal* iaitu di mana dikatakan Menteri Kewangan dan Akhbar Khan adalah kawan karib, ada kena mengena, macam mana arms length dealing ada di dalam perkara ini.

Apakah yang telah dibuat oleh Securities Commission untuk mempertahankan syer-syer, pemunya-pemunya syer-syer minoriti dan kepentingan mereka dan macam mana kerajaan akan mengelak, dengan izin, long term negative impact on the investor sentiment. Kalau saham-saham ini hanya akan dibeli, beli sahaja dengan wang kenapa KWSP tidak diberi keutamaan untuk membelinya dengan discount, kenapa tidak ada open bidding mengenai syer-syer CLOB. Kalau semua syer atau saham CLOB adalah berkaitan dengan wang, kenapa satu investigasi tidak dilakukan supaya kita ada satu independent assessment untuk semua saham tersebut, dan apakah kualifikasi Akhbar Khan selain dari menjadi seorang kawan karib kepada Menteri Kewangan Pertama, apakah kelayakan beliau?

Pada pengetahuan dan apa yang saya tahu beliau adalah seorang pemunya butik dan siapakah dengan izin, who is the gold between Akhbar Khan dan Menteri Kewangan Pertama atau kerajaan. Siapakah banker-banker tersebut dan apakah kerajaan akan membuat selepas memberi discount dan sebagainya 10%, 20%, 30% dan mengenai take over dan regulatory trigger point. Ini akan menjadi masalah kepada minority interest, kita sudah ada masalah mengenai ini lebih kurang dua tahun dulu dimana beberapa syarikat minority interest telah di 'sacrifice'. Apakah Akhbar Khan ini seorang yang akan menjadi beneficiary yang utama selepas semua skim ini dilaksanakan atau adakah Akhbar Khan ini dengan izin, front kepada pihak-pihak yang ada maha kuasa di negara ini, yang menjadi menteri-menteri dan sebagainya. Bolehkah pihak-pihak yang berkenaan memberi keterangan atau memberi lebih cerita mengenai perkara ini supaya Akhbar Khan ini, apa sebab beliau diberi keutamaan membeli syer-syer CLOB berbanding dengan orang lain.

Adakah betul dikatakan bahawa bila Akhbar Khan membeli saham-saham ini dia akan mendapat wang lumayan dari penjualan saham-saham ini dengan discount dan ini akan digunakan oleh Barisan Nasional untuk pilihan raya akan datang, yang dikhabar-khabarkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah membangkitkan perkara di mana isu-isu gaji bulanan kepada pekerja-pekerja estet. Dikatakan kerajaan sedang meneliti proses ini. Saya harap kerajaan akan mengimplementasikan perkara ini walaupun kalau kita baca report the Seventh Malaysia Plan dikatakan pendapatan seorang di luar bandar dari masyarakat India adalah RM2,019.00 satu bulan - yang ini mustahil dipercayai. Dan saya harap cadangan yang dibuat oleh pihak-pihak yang datang dari

estet pada 19 haribulan ke Parlimen lebih dari satu ribu orang, saya harap kerajaan akan mengimplementasikan cadangan itu supaya gaji minimum sebanyak RM750.00 diberi kepada setiap pekerja di estet-estet. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

3.20 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil masa yang ringkas pada petang ini. Belanjawan tambahan lebih kurang RM5 bilion dikemukakan kepada kita untuk diluluskan pada hari ini, di antaranya termasuklah hal emolumen iaitu gaji dan sebagainya.

Yang ingin saya sentuh iaitu belanjawan ini tidak ada peruntukan untuk membina stok penimbal getah di mana kita tahu bahawa sekarang harga getah berada di paras yang cukup rendah. Orang luar bandar, Sik, Baling, Jeli, Gua Musang dan sebagainya sudah ada ura-ura mereka hendak berarak di jalan raya seperti tahun 1974 kerana harga getah sekarang sudah jatuh ke paras sampai ke lima puluh sen satu kilo, dan kalau hujan seminggu mereka tidak dapat menoreh getah. Sudah ada laporan baru-baru ini orang-orang kampung beritahu saya dan pihak kerajaan kena buat penyelidikan iaitu sudah ada orang masuk hospital kerana makan ubi bercampur dengan buah 'genoak' sebagai ganti nasi, pertama sekali di kawasan Baling dan Sik harga getah yang cukup rendah sekarang ini. Kemudian ada juga diberitakan di Sik pergaduhan di sebuah kedai di mana seorang bapa yang anak ramai pergi ke kedai membawa RM2.00 untuk minta beras dua cupak, sedangkan dua cupak beras harganya lebih kurang RM3.00, dia hendak juga dua cupak kerana anaknya ramai maka berlaku pertengkaran di sebuah kedai. Kerajaan sanggup memperuntukkan RM600 juta untuk membantu korporat-korporat tetapi tidak berusaha untuk membentuk satu tabung membantu orang-orang miskin yang begitu teruk sekarang ini. Jadi RM60 bilion

dibuat satu dana untuk menyelamatkan orang-orang seperti Tajuddin Ramli, orang seperti Amin Shah, orang seperti lain-lain itu tak apalah itu hak mereka dan mereka patut dibantu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[bangun]*.

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak sakit hati...

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya nak pendek hari ini sebab ada kerja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Kubang Kerian, saya nak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata kerajaan menubuh tabung atau Danaharta untuk menyelamatkan korporat. Adakah Yang Berhormat sedar kalau badan-badan korporat ini runtuh di bawah organisasi ini ada beribu-ribu mulut yang hendak makan, yang hendak kena bela anak dan isteri. Sama jugalah, saya memang bersimpati dengan masalah penoreh getah hari ini, dan insy-Allah kerajaan pun akan membantu tetapi tidak adil kalau kita kata kerajaan hanya menolong korporat tetapi kalau badan korporat ini roboh, jatuh bermaknanya ini beribu yang kerja cari makan akan hilang pekerjaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bersetuju tak?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya belum habis lagi ucap hal itu, saya kata mereka yang patut dibantu, dibantu. Cuma kalau kerajaan boleh ikhtiar tabung RM60 bilion membantu korporat kenapa kita tak ikhtiar juga untuk melihat rakyat ramai dan kita tidak mahu dibuat stok ini semata-mata untuk pilihan raya yang dekat ini. Jadi kelegaan barang kali berlaku dengan kenaikan harga nanti maka digunakan canang bahawa lihatlah

Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang baik dan sebagainya, tak apalah guna untuk kempen tetapi tak baik sampai mereka dah teruk sekarang ini. Jadi stok ini baru diura-ura hendak diumumkan sepatutnya sudah ada peruntukan tambahan di sini untuk membantu. Dan soal untuk membantu korporat saya kata tadi berpatutan dan dibuat secara betul itu tidaklah bermasalah tetapi yang kita tidak mahu kalau dibuat cara yang tidak betul. Jadi kita haraplah kerajaan membuat stok penimbal segera supaya kawasan pedalaman di Kelantan dan juga di Kedah, penoreh-penoreh getah kecil ini dapat menikmati hidup dalam keadaan yang cukup perit sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin minta penjelasan lagi hal Petronas nak beli Proton ini. Ini jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kewangan pada hari itu iaitu jangan bimbang katanya bila NAFTA dibuka nanti tahun 2003 pasaran kita akan lebih luas, sebab kita ada di kawasan ASEAN lebih kurang 400 juta penduduk. Tetapi kita kena ingat kereta-kereta yang dipasang di Thailand dan kereta yang dibuat di Indonesia terlalu murah pada tahun 2003 nanti, apabila antara ASEAN ini tidak dikenakan cukai

ataupun cukai import hanya 5%. Apakah
Petronas sekali lagi akan menanggung
penderitaan kerugian. Wang Petronas ini
adalah wang rakyat maka berbilion-bilion
wang Petronas nanti akan diumumkan bahawa
Proton rugi. Orang yang paling kuat
mengkritik Proton dulu ialah Yang Berhormat
dari Gua Musang semasa dia Presiden Parti
S46. Beliau mengatakan projek ini tidak
akan untung dalam jangka panjang kerana kita
akan hadapi persaingan daripada Jepun dan
Amerika Syarikat. Bahkan syarikat-syarikat
kereta Eropah pun menghadapi masalah bila
bersaing dengan Jepun, ini pandangan Gua
Musang dulunya tapi sekarang dia mendiamkan
dirilah. Dia mendiamkan diri terhadap
kritik-kritiknya terhadap Proton.

Lebih membimbangkan kita dengar khabar
Proton akan dilabur oleh Petronas sebanyak
RM25 bilion. Apakah tahun 2004, 2005, 2006
akan diumumkan dalam Parlimen bahawa Proton
rugi dan yang akan menanggung penderitaannya
ialah rakyat jelata. Kalau Proton itu
didapati akan rugi biarlah syarikat-syarikat
itu sekarang mengalami kerugian bukan yang
akan rugi nanti ialah Petronas sebab
Petronas ini selalu digunakan untuk
menyelamatkan satu keadaan sedangkan wang
Petronas itu wang negara yang patut
digunakan ke jalan-jalan yang lain untuk
membantu rakyat.

Kadang-kadang saya bersetuju dengan
Teluk Intan penjelasan yang diberi oleh
pihak Kementerian Kewangan bukan jawapan
Kementerian Kewangan tetapi jawapan
peribadi, jawapan seronok-seronok, kita

ingat jawapan itu tercatat hitam putih.
Kalau kita baca balik, kalau kita tak jadi
Ahli Parlimen, orang lain di waktu itu
mengatakan ini jawapan pada tahun 1999.
Jadi jawapan itu jawapan main-main bukan
jawapan dari kajian ekonomi. Kita ada UPE,
kita ada pegawai-pegawai belakang dan tanya
jawapan mereka yang betul, bagaimana keadaan
Petronas setelah membeli Proton nanti bila
NAFTA dibuka atau dilancar pada tahun 2003
nanti.

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya
saya ingin persoalkan penswastan ini iaitu
yang lain-lain ada merungut ada baik, buruk
tetapi rata-rata yang merungut yang tak
baiknya ialah soal teksi diberi kepada
syarikat-syarikat. Kita buat dialog sama
ada di Johor Bahru, di Kuala Lumpur atau di
Pulau Pinang. Mereka pemandu teksi amat
tidak senang, mereka terpaksa bekerja satu
hari dari 6.30 pagi hingga 5.00 petang hanya
baru dapat duit bayar kepada tauke RM50.00
kepada syarikat, selepas itu barulah mereka
cari makan peribadi. Pukul 5.30 hingga 8.00
malam ataupun hingga 10.00 malam mereka
menanggung penderitaan. Lebih baiklah teksi
ini dibuat dalam bentuk koperasi seperti
dulu tetapi sekarang diberi kepada syarikat-
syarikat, kepada kroni-kroni dan mereka ini
mengaut keuntungan, pemandu-pemandu teksi
mengeluh sepanjang masa

Mereka terpaksa bekerja sehingga enam belas jam untuk mencari pendapatan bayar kepada syarikat dan mencari pendapatan untuk mereka. Apa salahnya kaji semula masalah ini supaya pemandu teksi dapat mencari makan, dapat membina hidup dan syarikat-syarikat ini ambillah projek-projek yang lain, tak usahlah kita perah di atas penderitaan pemandu-pemandu teksi. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Gelang Patah.**3.30 ptg.**

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 1998 dan 1999. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh tentang perkara berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu fungsi utama pihak berkuasa tempatan ialah menjaga dan memelihara kebersihan serta keindahan kawasan yang tertakluk dalam bidang kuasa masing-masing. Antara tugas-tugas asal pihak berkuasa tempatan termasuklah menyelenggara perkhidmatan pemetungan pemotongan rumput, membersihkan tepi jalan sebagai sebahagian daripada dasar penswastaaan pihak kerajaan. Perkhidmatan pemetungan di seluruh negara ini telah diambil alih oleh Indah Water Konsortium. Tetapi perkhidmatan membersihkan jalan, memotong rumput di tepi jalan serta membersihkan longkang-longkang masih dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu pemotongan rumput tepi jalan serta pembersihan longkang dilakukan oleh kakitangan pihak berkuasa tempatan tetapi kini terdapat beberapa pihak berkuasa tempatan telah menswastakan kerja ini kepada kontraktor untuk melakukan kerja-kerja. Misalnya, kerja-kerja pemotongan rumput tepi jalan dan pembersihan longkang dalam kawasan Majlis Perbandaran Johor Bharu serta Majlis Daerah Johor Bharu Tengah kini telah dipertanggungjawabkan kepada Southern Waste Management Sdn. Bhd. Memang terdapat sebab-sebab atau pertimbangan tertentu yang mendorong pihak berkuasa tempatan mengupah kontraktor swasta untuk menjalankan kerja-kerja ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana kontraktor-kontraktor swasta ini dibayar menggunakan cukai pintu yang dipungut daripada rakyat jelata oleh pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang diupah dapat melakukan kerja-kerja ini dengan memuaskan. Dengan kata lain,

wang yang dipungut daripada orang ramai mesti dibelanjakan dengan bijak demi kebajikan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dukacitanya saya telah mendapati bahawa kontraktor swasta yang diberi kontrak untuk memotong rumput tepi jalan dalam daerah Johor Bharu Tengah tidak menjalankan kerja itu dengan sempurna. Terdapat kawasan-kawasan tertentu dalam Majlis Daerah Johor Bharu Tengah yang mempunyai rumput tepi jalan dengan ketinggian melebihi ketinggian seorang 'bai'. Lebih mendukacitakannya ialah saya telah mendapat aduan daripada penduduk di kelima-lima buah kampung baru dalam kawasan Majlis Daerah Johor Bharu Tengah bahawa mereka tidak pernah melihat sebarang pekerja daripada pihak kontraktor swasta datang membersihkan parit tepi jalan di kampung mereka sejak kontrak pembersihan diberikan kepada kontraktor iaitu Southern Waste Management Sdn. Bhd. sejak bulan November 1997. Saya telah membuat lawatan ke kampung-kampung tersebut dan mendapati apa yang diadukan itu memang benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong sepenuhnya kempen-kempen untuk mengingatkan orang ramai supaya tidak membuang sampah-sarap merata-rata. Ini termasuklah tidak membuang sampah ke dalam parit di tepi jalan atau longkang. Walau bagaimanapun, apabila pihak berkuasa tempatan telah memungut cukai pintu daripada orang ramai dan mengatakan bahawa wang ini akan digunakan untuk memotong rumput di tepi jalan, membersihkan parit tepi jalan dan membersihkan jalan-jalan, maka pihak berkuasa tempatan patut memastikan bahawa apa yang dijanjikan mesti dilaksanakan. Kelalaian pihak berkuasa tempatan dalam memastikan kerja-kerja penjagaan kebersihan tempatan dilakukan akan menimbulkan ketidakpuasan di kalangan rakyat jelata kerana kononnya cukai pintu yang mereka bayar telah diselewengkan. Pada masa yang sama orang ramai juga tidak akan mengambil berat tentang sebarang seruan pihak kerajaan agar kita bekerjasama menjaga kebersihan persekitaran dan kesihatan awam. Ini adalah kerana pihak berkuasa tempatan sendiri tidak mengambil kisah tentang kontraktor swasta yang

tidak menjalankan kerja-kerja memelihara kebersihan meskipun kontrak telah ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu Kempen Anti Nyamuk dan Kebersihan Kebangsaan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Salah satu langkah kritikal untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk ialah memendekkan rumput tepi jalan dan membersihkan parit tepi jalan dan longkang-longkang secara berkala. Oleh yang demikian, saya berharap pihak-pihak berkuasa tempatan di seluruh negara dapat memberi perhatian yang lebih terhadap kerja-kerja ini sama ada ia akan dilakukan oleh kakitangan sendiri mahupun diserahkan kepada kontraktor swasta.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak penduduk kampung kawasan Parlimen Gelang Patah, mengulangi permintaan untuk mewujudkan sebuah balai bomba di kawasan sekitar laluan kedua. Pada masa sekarang, sekiranya berlaku sebarang kebakaran di kawasan Gelang Patah, kereta pemadam api terpaksa dikejarkan daripada Balai Bomba di Jalan Tun Razak, Johor Bharu yang terletak lebih 30 kilometer dari Gelang Patah. Ketiadaan balai bomba dalam kawasan Gelang Patah adalah tidak sejajar dengan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang semakin cergas serta penempatan yang semakin banyak di kawasan tersebut. Pelabuhan baru di Tanjong Pelepas akan mula digunakan pada tahun depan. Ini akan mempergiatkan lagi aktiviti ekonomi di kawasan Gelang Patah. Di samping itu pembinaan Bandar Baru Nusa Jaya juga akan menarik kedatangan ramai penduduk berikutan peluang pekerjaan yang diwujudkan. Keselamatan nyawa serta harta benda mereka yang berniaga, bekerja atau tinggal di kawasan Gelang Patah mesti dipertahankan daripada ancaman kebakaran dengan membina sebuah balai bomba di kawasan yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya penyediaan kemudahan balai bomba adalah satu aspek penting dalam perancangan bandar dan wilayah. Lebih-lebih lagi jikalau kita bercita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Negara yang maju mestilah sebuah negara yang mana keselamatan nyawa serta harta benda penduduknya terjamin. Selain daripada pasukan polis serta perkhidmatan

perubatan, perkhidmatan bomba dan penyelamat juga merupakan satu faktor yang penting dalam mewujudkan satu persekitaran yang selamat untuk pekerjaan mahupun kediaman. Dalam soal ini saya berharap balai bomba dengan kelengkapan yang mencukupi dapat diwujudkan pada peringkat awal pembangunan di sesuatu kawasan bagi menangani sebarang krisis kebakaran mahupun malapetaka secara proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang ingin saya ulangi di Dewan yang mulia ini iaitu sehingga masa sekarang masih terdapat 70 pihak berkuasa tempatan di negara kita ini yang tidak menggunakan pindaan Seksyen 10(s) dalam Akta Kerajaan Tempatan iaitu Akta 171 yang mana pindaan itu telah dilaksanakan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1984 sehingga masa sekarang. 70 pihak berkuasa tempatan itu tidak meminda Undang-undang Kecil Perlesenan Trade Perniagaan Industri dan Profesion di pihak-pihak berkuasa tempatan itu dan ini telah tidak seimbang dengan arahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat menyeragamkan dasar dan undang-undang pihak-pihak berkuasa tempatan. Saya harap tindakan yang berkesan dapat dijalankan secepat mungkin supaya penguatkuasaan undang-undang akan dapat dijalankan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Menyentuh tentang usaha kita memulihkan keadaan ekonomi negara, saya berharap pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat melipatgandakan usaha menjelaskan kepada pelabur asing tentang keadaan sebenar ekonomi serta politik di negara kita. Ini memandangkan terdapat banyak khabar angin serta laporan tidak tepat disampaikan kepada pelabur di negara asing melalui media elektronik mahupun media cetak. Memang kita tidak dapat menghalang kesemua laporan sedemikian yang pada pendapat saya dibuat dengan motif untuk menjadikan negara kita kucar-kacir tetapi apa yang boleh kita lakukan ialah bekerja lebih keras untuk menerangkan keadaan sebenar di negara ini kepada dunia antarabangsa bagi memulihkan keyakinan mereka terhadap komitmen serta keikhlasan Malaysia untuk bekerjasama dengan para pelabur asing.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri harus melalui wakil-wakilnya di luar negara mengadakan lebih banyak pertemuan dengan para pelabur asing. Ketika negara kita semakin mengambil berat tentang ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan teknologi canggih, banyak peluang pelaburan yang menjanjikan pulangan yang lumayan akan diwujudkan. Tindakan keras Suruhanjaya Sekuriti terhadap mereka yang mencabul undang-undang sekuriti juga menghantar satu mesej jelas kepada dunia antarabangsa bahawa Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan satu persekitaran pelaburan seerta perdagangan yang telus dan adil untuk semua pihak.

Di samping itu, pihak IMF juga mengiktiraf bahawa Malaysia telah membuat banyak perubahan dan pembaharuan ke arah memantapkan lagi sistem ekonomi negara. Kesemua petanda positif ini yang menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sesuai untuk pelaburan harus diketengahkan kepada para pelabur asing supaya mereka dapat meneruskan pelaburan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mempertimbangkan untuk membenarkan lebih ramai warganegara asing memasuki Malaysia untuk tujuan lawatan tanpa perlu memohon visa terlebih dahulu seperti yang dilakukan oleh negara Thailand. Ini memandangkan pertumbuhan industri pelancong negara telah merosot dengan ketara sejak krisis ekonomi melanda negara-negara di rantau ini.

Di samping itu, krisis JE yang menjadi bahan liputan utama media di seluruh dunia juga telah mendatangkan kesan negatif terhadap industri pelancongan di negara ini. Kebakaran semula hutan di Indonesia baru-baru ini dijangka akan mengakibatkan keadaan berjerebu yang juga akan menjejaskan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, di celah-celah kejadian yang mengurangkan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan, mujurnya terdapat sebuah filem bertajuk *Entrapment* yang secara tidak langsung akan membantu mempromosikan Malaysia. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan kita sendiri juga harus mengambil inisiatif untuk memudahkan kedatangan para pelancong asing. Pada pendapat saya, memansuhkan peraturan yang mewajibkan permohonan visa untuk pelancong dari kebanyakan negara asing merupakan salah satu langkah yang boleh diambil. Justeru

itu saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat mempertimbangkan cadangan ini dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pendirian tegas pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa layanan yang setara akan diberikan kepada semua banduan dalam penjara tanpa mengira latar belakang masing-masing. Walau bagaimanapun, apabila kita memperkatakan tentang layanan yang setara ini mestilah layanan yang memuaskan - piawai yang ditetapkan dari segi kesihatan, kebersihan dan keselesaan dalam kurungan. Mereka yang dibebaskan daripada tahanan, pihak berkuasa telah banyak mendedahkan keadaan hidup yang terlalu sesak dan kotor ketika berada dalam penjara, lokap polis mahupun pusat serenti.

Sungguhpun layanan sedemikian tidak meninggalkan sebarang tanda yang boleh dilihat oleh orang ramai seperti mana tanda pukulan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, namun pihak kerajaan tetap harus mengambil berat tentang keadaan hidup mereka yang ditahan. Pada pendapat saya penjara mahupun pusat serenti merupakan tempat untuk mencorak semula tingkah laku serta personaliti seseorang supaya dapat kembali menjalani kehidupan bermasyarakat seperti orang biasa dan bukannya tempat untuk menyiksa mereka yang telah mengingkari undang-undang masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yan.

3.45ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hari ini ingin membangkitkan tentang kebebasan. Saya ingin memberi penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan, tetapi dia sudah keluar. Dalam hidup kita ini, walaupun ada kebebasan tetapi ia mesti ada had dan perenggannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam sendiri menyuruh manusia itu hidup secara sederhana. Begitu juga kebebasan. Contohnya, kalau kita beri kebebasan kepada anak

kita - kebebasan yang tidak ada had, maka mungkin anak itu suatu hari nanti akan menjadi anak yang tidak menyenangkan keluarganya ataupun menjadi sampah masyarakat. Ternyata kita lihat, banyak anak-anak muda kita terlibat dalam gejala sosial dan sebagainya adalah disebabkan mereka ini mendapat kebebasan, mungkin yang tidak terhad, kebebasan yang keterlaluan.

Begitu juga apabila kita bercakap tentang kebebasan akhbar, kebebasan bercakap dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak terutama sekali kepada parti pembangkang, apakah jenis kebebasan yang mereka perlukan di dalam negara kita ini. Kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua, kita hidup dalam sebuah negara yang majmuk yang terdiri daripada berbilang bangsa, kaum dan agama. Pecetusan ataupun pergaduhan begitu mudah sekali berlaku di dalam negara kita ini.

Jadi, kalau kita biarkan kebebasan berucap, ucapan yang sensitif yang menyentuh peribadi ataupun agama sesuatu bangsa ia mungkin akan merebak menjadi peristiwa yang tidak kita ingini. Peristiwa 13 Mei yang begitu tidak boleh kita lupa sehingga ke hari ini, mungkin anak-anak muda yang berarak di jalan raya, yang tunjukkan perasaan di jalanan ini adalah anak-anak yang lahir selepas peristiwa 13 Mei 1969. Bermakna mereka tidak melihat peristiwa ini. Mereka mungkin tidak membaca sejarah tentang peristiwa ini di mana nyawa yang tidak berdosa terkorban, bangunan terbakar, rakyat menderita. Sepatutnya mereka mengambil iktibar peristiwa-peristiwa di negara-negara asing di Kosovo, Bosnia, di Palestin, di Afganistan dan negara-negara yang menghadapi masalah, nyawa terkorban, ibu menanggung penderitaan dan sebagainya, ibu berpisah daripada anak, suami dengan isteri berpisah antara satu sama lain.

Jadi, kalau kita hendak kebebasan yang tidak ada had dalam negara kita ini, membiarkan siapa sahaja berucap tanpa had, tanpa sekatan dan satu hari berlaku peristiwa-peristiwa yang sedih ini, siapakah yang perlu dipertanggungjawabkan. Siapakah yang akan bertanggungjawab kalau bukan kerajaan. Pada masa itu dunia luar akan menunjuk jari menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia tidak berkemampuan untuk menjaga keamanan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kebebasan dalam negara ini ialah begitu luas sekali. Contohnya, berita-berita dalam akhbar-akhbar pembangkang tidak ada hadnya. Mereka boleh mengatakan fitnah sesuatu, nak kata apa, kata. Internet kita telah disalahgunakan, merosak fikiran anak-anak muda. Ada guru-guru di sekolah telah

memesongkan fikiran anak-anak kita di sekolah. Pensyarah-pensyarah yang sepatutnya menunaikan amanah dan tanggungjawab mereka sebagai pensyarah untuk memberi pendidikan kepada anak bangsa mereka ini, tetapi telah menyeleweng dan mengubahkan pemikiran mereka untuk berpolitik pada usia yang begitu muda, selain daripada menuntut pelajaran yang mereka perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi semua ini saya kira kebebasan yang keterlaluan yang telah diberikan oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, sila.

Tuan Amihanzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik hati dengan Yan mengenai dengan kebebasan yang melampau-lampau ini terutama dengan pensyarah-pensyarah dan sebagainya. Jadi apa komen Yang Berhormat mengenai dengan pensyarah yang menggunakan perkataan lucah, mencarut dan sebagainya. Adakah perkara macam ini sesuai dengan budaya kita di Malaysia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, inilah kebebasan. Kebebasan sehinggakan hari ini walaupun buku *the SHIT* yang ditulis oleh Sasterawan Negara, saya anggap dia tu bukan Sasterawan Negara tetapi '*the nation shit*'. Saya patut kata macam itu. Itu pun kerajaan tidak haram buku itu, kamu tulislah, kamu hendak tuliskan, hendak tulis, hendak kata apa, katalah. Ini adalah satu kebebasan yang kerajaan bagi kepada rakyat untuk memikirkan apakah jenis manusia yang kita anggap sebagai seorang penulis yang terbaik satu ketika dulu tetapi hari ini mengeluarkan perkataan-perkataan yang mencarut, perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya. Ini menunjukkan [*Y.B. dari Kepong menunjukkan sesuatu*] Apa ini Kepong? Yang Berhormat dari Kepong kacau saya Tuan Yang di-Pertua. Bangun, kalau hendak tanya, jangan buat tangan macam ini, tak bagus. Saya bukan puppet.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat imbas kembali dan fikir dengan masak-masak perkataan yang pernah Yang Berhormat sendiri gunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Perkataan-perkataan yang kurang

manis pun disebutkan terhadap bangsa yang lain dan bolehkan Yang Berhormat amalkan seperti yang disebutkanlah, buat seperti cakap serupa bikin.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Kepong. Manusia ini bukan maksum, Yang Berhormat tahu tidak apa maksum? Bermaknanya manusia mungkin melakukan kesilapan dan sebagainya. Saya tidak mengaku yang saya ini maksum, saya ini betul, saya ini manusia yang tidak melakukan kesilapan. Saya biasa di peringkat pertama, peringkat umur saya muda, saya mungkin mempunyai satu semangat yang agak kuat, keterlaluan dan mungkin disebabkan oleh provokasi daripada pembangkang yang menjatuhkan maruah kami sebagai pemimpin, kadang-kadang kita terlepas dan apabila terlepas kata kita terlepas cakap dan saya meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini. Inilah seorang pemimpin Tuan Yang di-Pertua. Pemimpin sanggup memohon maaf kalau dia melaku kesilapan kerana kita bukan maksum.

Ini Barisan Nasional, dia konsep macam itu, bukan macam PAS dan DAP. Bersuara di akhbar, pecat, mengkritik kepimpinan, pecat. Lama-lama semakin kurang ahli depa, tinggallah Setiausaha Agung. Ini Kepong pun, dia tunggu masa sahaja. Kalau satu hari dia mai kat kita, saya faham sangat Kepong ini. Saya faham sangat Kepong, dia baik, dia baik saya faham dia. Cuma dia hendak keluar dia takut mungkin blackmail, wallahua'lam, saya pun tidak tahu. Tetapi dia nak mai kat saya dah ni, nak masuk sangat dah Barisan Nasional.

PAS pun tinggal berapa kerusi, Tuan Yang di-Pertua, kerana manusia ini ada fikiran. Tuhan bila dia cipta manusia, dia bagi otak supaya manusia berfikir. Kita tengok contoh macam Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, dia kata. Rasulullah mencarut, Tuhan benarkan mencarut. Ini apa jenis ulama ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun lagi Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi tapi jangan bagi sakit hati saya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Yan sedar bahawa fitnah, seperti yang dibuat tadi itu adalah fitnah. Fitnah adalah dosa yang lebih dahsyat daripada pembunuhan, yang lebih kejam daripada pembunuhan. Itu maksud ayat 217 Surah Al Baqarah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya harap kalau Yang Berhormat hendak masuk Islam saya akan sanggup dan Yang Berhormat dan mungkin 'kita potong' sedikit lagi, tak apalah. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang betul Yang Berhormat. Fitnah itu lebih buruk dosanya daripada membunuh, itu ajaran Islam. Jadi, bermakna orang Islam diasuh sedemikian bahawa kita mesti hidup dalam negara yang harmoni dan tidak bermusuhan di antara satu sama lain. Apatah lagi dalam negara kita walaupun berbeza bangsa dan agama tetapi tidak menggugat antara satu sama lain dan kita patut berbaik-baik di antara satu sama lain untuk hidup di atas muka bumi Allah ini.

Jadi, saya kecewa dan berasa malu sebagai orang Melayu yang beragama Islam di mana pemimpin PAS, Yang Amat Berhormat Dato' Nik Abdul Aziz mengatakan bahawa Islam itu membenarkan orang mencarut. Rasulullah membenarkan mencarut. Tuhan membenarkan mencarut. Ini apa jenis ulama ni, Tuan Yang di-Pertua. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Dato Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Yan ini sedar bahawa ada satu hadis Baginda Rasulullah s.a.w. yang menyatakan orang-orang mukmin itu, dengan izin, *[membaca sepotong hadis]* "Orang mukmin itu bukanlah orang yang suka mencaci, mengeluarkan kata-kata kotor dan keji". Orang-orang mukmin itu ertinya bukan orang-orang yang suka mengeluarkan kata-kata kotor, caci dan keji. Itu hadis Rasulullah. Jadi, adakah Dato' Nik Abdul Aziz ini melebihi daripada Rasulullah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bersetuju Yang Berhormat dari Pendang. Memang betul Yang Berhormat. Dalam Islam sudah termaktub dalam Al-Quran bahawa kita kena hidup berbaik-baik di antara satu sama lain. Tuhan menjadikan manusia ini berpuak-puak, berlain-lain agama, bangsa, warna dan

sebagainya. Tetapi Tuhan suruh kita bersatu, berbaik-baik di antara satu sama lain. Macam saya dengan Kepong, baik, tidak pernah bergaduh, cuma atas isu tertentu, di Dewan Rakyat kita bertengkar tetapi atas dasar perjuangan untuk rakyat.

Ini menghalalkan benda yang haram ini apa jenis manusia, apa jenis orang Islam ini, Tuan Yang di-Pertua dan sanggup panggil diri dia Tok Guru. Jenis apa tok guru ini? Ha! minta maaf, saya tidak nampak. Sila.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya tertarik hati dengan hujah Yang Berhormat ini. Saya minta penjelasan. Tadi, Yang Berhormat dari Yan sebut tentang kenyataan-kenyataan pemimpin PAS yang seolah-olah kalau dalam keadaan biasa, kita tidak dapat terima misalnya, dulu disebut bahawa untuk mendapat kemenangan mereka sanggup bersahabat, sanggup mendapat pertolongan walaupun dari syaitan. Kemudian ada tuduhan yang mengatakan pemimpin kita jaga khinzir. Baru-baru ini ada pula mengatakan, Tuhan sendiri, Allah s.w.t. sendiri ada mencarut.

Jadi apakah sebagai seorang Islam, Yang Berhormat fikir, apakah semua ini yang dari segi logiknya memang kita tidak boleh terima dan tidak akan keluar dari mulut seorang yang dianggap ulama? Apakah ini bukan merupakan satu hukuman Allah s.w.t. atas dosa-dosa yang mereka telah buat selama ini kerana banyak sangat menyalahafsirkan, memesongkan orang ramai.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Memang Yang Berhormat, nampak begitulah. Tuhan Maha Kaya, Tuan Yang di-Pertua. Tuhan, dia hendak hukum umat dia ini bukan setakat di akhirat tetapi kadang-kadang di dunia dah ditunjuk, sebab itulah kita ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat dosa, buat silap, kita kena cepat-cepat istigfar. Macam Yang Amat Berhormat Dato' Nik Abdul Aziz kata, dia hendak berkawan dengan syaitan. Yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua, syaitan ini kalau dia masuk dalam botol, dia jadi air, sebab itu orang yang minum air itu, mabuk dan sebagainya.

Jadi, syaitan ini dalam Islam memang sudah musuh dah, kemudian hendak berkawan buat apa. Jadi dua, tiga benda akhir-akhir ini, sekarang ini kita sudah nampak benar. Nampak benar, Tuhan dah tunjuk kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Yang Amat

Berhormat Dato' Nik Abdul Aziz ini sebenarnya bukan ulama Islam yang kuat. Dia kosong, cuma dengan pakaian dia, dengan dia buat perangai bodoh, lembut, janggut panjang dengan ketayap itu, dia buat bodoh, orang ingat dia warak, sebenarnya tidak. Seorang ulama, seorang yang pakar pasal agama, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, dia tidak akan buat tafsiran-tafsiran yang memecah-belahkan umat.

Malah kalau umat itu berlaga antara satu sama lain, dia ini sebagai seorang ulama, dia akan mencari jalan untuk menyatukan. Ini baru-baru ini dia hendak suruh gesel pula bini di rumah. Dia hendak gesel di rumah itu, dia punya pasal, yang pergi seluk rumah tangga orang, tanya nak buat apa? Kita gesel, nak cerita kat orangkah? Saya gesel bini saya, takkan saya cerita kat orang. Saya cukup loving dengan isteri saya, sungguh. Saya cukup loving, hendak keluar rumah cium tangan. Ini budaya Islam, tak payah cakap, orang tahu. Macam dia gesel sangat di rumah. Jadi dok tunjuk, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, sampai benda yang dalam Islam kata tidak boleh, dibolehkan. Yang ini Tuan Yang di-Pertua, apa kebebasan lagi mereka hendak? Bercakaplah. Seheingakan hari ini saya fikir rakyat yang waras pemikirannya, yang Allah s.w.t. bagi otak yang baik ini akan buat satu pemikiran bahawa tokoh PAS ini adalah tokoh yang kosong pemikiran dia dan tidak layak untuk jadi pemimpin. Sebab itulah Kelantan haru-biru sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ada tengok televisyen semalam, JE sudah pergi ke sana. Dulu bila kita lantik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai pengerusi, jaga JE, mereka kata macam-macam kat orang itu, sekarang ini saya hendak minta Yang Amat Berhormat tinggal, tak usah jaga Kelantan, biar nyamuk ini serang masuk dalam ketayap, baru tahu. Ini di televisyen dah keluar dah. Kelmarin ada unsur-unsur JE di Kelantan. Oh!, dulu marah, tetapi sekarang ini, ini tugas kita, sebagai pemerintah kita kena jaga seluruh negara.

Jadi, saya minta kebebasan akhbar, mereka tulis apa yang saya cakap ini. Tetapi adakah kita mahu isu-isu sensitif ini dibangunkan di jalan raya hingga menjadi pertelingkahan antara satu sama lain, tidak ada keamanan dalam negara, bangunan terbakar, orang mati dan sebagainya, adakah ini kebebasan yang dikehendaki oleh parti

pembangkang. Adakah PAS hendak kebebasan ini? Saya kira cukup sudah bebas, *Harakah* keluar tanpa had. Dalam surat khabar Tuan Yang di-Pertua, sampai tidak ada langsung yang baik, semua yang tidak elok. Begitu juga Rokat, pasal 'Rokat' tidak boleh sampai ke bulan, dia marah. 'Rokat' DAP tidak boleh sampai ke bulan. Ini sudah tubuhkan parti baru pula, serpihan daripada DAP. Kebebasan dalam DAP konon. Apa kebebasan? Minta Yang Berhormat dari Jelutong beri penjelasan sedikit, Yang Berhormat dari Kepong beri penjelasan. Yang Berhormat dari Bagan mana dia, senyap apa pasal? Bersuara sedikit, out, you go! Is this what you called freedom? Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ha! Makin hari semakim sikit, saya perasan. Tidak lama lagi yang tinggal dalam DAP, Yang Berhormat dari Jelutong dengan dari Tanjong. Yang lain semua, show!. Ini parti baru hendak buka, tunggu apa lagi? Yang Berhormat dari Kepong masuk Barisan, Yang Berhormat dari Bagan masuklah parti yang kawan dari Bukit Bintang buka dahulu. Yang Berhormat dari Jelutong duduk dengan Yang Berhormat dari Tanjong. Depa berdua satu geng. Jadi hendak kebebasan, yang dalam parti sendiri tidak ada kebebasan. Yang Berhormat dari Jelutong seorang peguam, tentu Yang Berhormat tahu undang-undang tetapi Yang Berhormat hendak mempertikai undang-undang yang Yang Berhormat setuju dalam Dewan Rakyat, yang kita luluskan di sini. Ketua Hakim itu meluluskan undang-undang.

Jadi, bila salah seorang daripada ahli Yang Berhormat masuk penjara, yang itu nasib dialah, dia buat tidak kena gaya, hendak tunjuk hero tidak kena tempat. Duduklah sebentar, rehat di sana bukan susah, kerajaan beri makan, kerajaan bagi tempat tidur, semuanya free, kerja free, makan, tidur. Hendak pertikaikan apa lagi, bukan ada seksaan dalam penjara kita. Pernahkah orang keluar penjara kurus kering, tidak ada Tuan Yang di-Pertua, semua keluar sihat. Keluar badan 'sendo-sendo' belaka, seperti orang Kedah kata. Makan free, tidur free, lepas itu cuti pun ada, kemudian keluar ada lagi duit dalam poket. Apa kebebasan yang hendak, let be very frank, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ini saya hendak minta penjelasan, akhbar bebas hendak bercakap, DAP buat ceramah tidak minta permit, PAS buat ceramah tidak minta permit polis, naik bendera tidak ikut peraturan, musim tidak patut naik bendera, naik bendera, yang kita kata di setiap negeri ada satu bendera, bendera Persekutuan pun ada, ini bendera lain pun naik sama, sebab apa. Kita naik bendera sewaktu hendak pilihan raya, hendak kebebasan apa lagi, kita biar hendak naik bila-bila pun, naiklah bendera tidak ada sesiapa pun yang melarang.

Yang Berhormat dari Jelutong hendak pasang bendera di kereta pun, pasanglah, tiada sesiapa yang hendak marah, bubuh bendera DAP di kereta, tidak ada siapa yang marah, Yang Berhormat dari Kepong pun boleh bubuh. Depan, belakang, bubuh bendera pun tidak apa, siapa pun tidak marah, ini kebebasan. Jadi, kebebasan mesti ada had dan perenggannya, jangan kebebasan disalahgunakan hinggalah jadi tumpah darah dalam negara kita. Ini tidak patut dan ini perlu ditentang dan perlu dihalang oleh parti dan kerajaan yang memerintah. Kemudian demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya demokrasi, suruh pergi daftar, minta semua orang daftar mengundi, bila ada pilihan raya turun pergi mengundi.

Apa lagi kebebasan Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ini cukup bebas, hendak makan bebas, hendak ini bebas, tidak ada apa, very good nation, dengan izin, you cannot find in world. Boleh dikatakan Malaysia ini, ibarat 'syurga dunia'. Jadi, saya minta kepada pemimpin PAS, jangan tafsir al-Quran sampai satu hari nanti, orang panggil dia tok guru sewel. Jadi, saya tidak mahu, saya hormat dia sebagai orang tua, tetapi dia buat kelakuan begini, malu saya sebagai orang Melayu kerana dia orang Melayu dan malu saya sebagai orang Islam kerana dia orang Islam. Dia buat tafsir benda yang tidak disuruh oleh Islam, orang Islam ini, Yang Berhormat dari Kepong tahukan, kena lemah lembut macam orang Kepong, berbudi bahasa, hormat orang-orang tua, sebab itu dalam Islam, orang muda kena hormat orang tua, orang tua sayang pada orang muda, Islam suruh begitu, cium tangan, hormat-menghormati, suami-isteri

hormat-menghormati, antara emak dengan anak, dia akan hormat, sebab itu dikata 'syurga di bawah tapak kaki ibu', dalam Islam sudah ditunjuk semua ini.

Jadi, saya hairan sebab apa dalam PAS macam orang hilang ingatan, dia mengamuk hingga tidak tentu pasal, macam kuda kena gigit tebuhan. Tuan Yang di-Pertua, bila kuda kena gigit tebuhan, dia lompat tidak tahu nak pergi ke mana, bila kita buka, dia lompatlah. Saya nampak pemimpin PAS macam itu, dia terlampau sangat kelam-kabut, hinggakan apa sahaja boleh dihalalkan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta, Kementerian Pendidikan tegas tentang student dan pensyarah-pensyarah serta guru yang terlibat dalam tunjuk perasaan. Saya berharap menteri tidak payahlah panggil datang untuk berbincang, pecat dahulu, lepas itu suruh mereka datang bincang dengan kementerian, bukan kementerian pergi berbincang dengan mereka. Pecat dahulu sebab banyak lagi, kawasan saya pun ramai lagi hendak masuk ke universiti tidak boleh kerana tiada tempat. Jadi, kalau mereka masuk universiti main-main, tidak puas hati berhentilah, balikkah pergi tanam getahkah, pergi memotongkah, pergi tanam padikah, tidak payah mengacau di universiti. Begitu juga pensyarah-pensyarah, kalau mereka anggap kerajaan ini tidak adil, mereka sendiri sudah tidak adil, tidak amanah, gaji mereka ambil setiap bulan, itu amanah tetapi buat kerja yang lain. Tugas dia menjadi pensyarah, mengajar anak-anak ini menjadi seorang anak bangsa yang terpelajar, yang berteladan di masa hadapan, bukan suruh tunjuk perasaan, dan dia sudah tidak amanah, menyeleweng daripada tugas dia.

Jadi, saya harap kepada kementerian jangan teragak-agak, menteri pun jangan lembut sangat, panggil mereka, pecat dahulu ataupun gantung, kemudian suruh mereka datang ke kementerian, buat rayuan, minta balik ke kementerian sama ada lulus. Ini pula, mereka tunjuk perasaan, kita pujuk mereka ajak datang berunding, jadi saya harap hal ini kita kena tegas.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya minta juga Kementerian Dalam Negeri, Bahagian Terbitan dan sebagainya, mengkaji semula, review semula, kadang-kadang

saya nampak banyak sangat akhbar-akhbar terutama akhbar pembangkang ini sehingga tidak ada had, Internet-internet begitu juga, fitnah-memfitnah di antara satu sama lain, menuduh menteri-menteri kita semua ini tidak bersih dan sebagainya. Ini saya kira agak keterlaluan. Kita ingat sebagai rakyat Malaysia, kalau kita buat macam ini ibarat kita meludah ke langit, akhirnya ia jatuh kena ke batang hidung kita juga. Jadi, kita kena insaf, janganlah macam saya kata, guna kerana kepentingan politik, kita sanggup menggadaikan keamanan negara kita ini, yang ini sungguh penting dan perlu diingat dan saya minta pihak kementerian mengkaji dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu Kementerian Penerangan, tolong sedikitlah, nampak gaya filem-filem sekarang ini sudah keterlaluan sangat. Hendak main drama, apabila berkasih-sayang, dia peluk sedangkan yang dia peluk itu bukan pun suami-isteri, pelakon, kadang-kadang cium dahi dan sebagainya, mereka ini bukan suami-isteri, ini tidak bolehlah, yang tidak betul kita kena betulkan. Saya mintalah kalau berlakon, tidak berpeluk pun sebagai tanda kasih sayang, cara lain pun boleh. Kadang-kadang saya tengok pun rasa geli-geleman dan anak-anak pun ada di sisi kita dan dia tanya “Ayah macam itukah?” “Ayah pun tidak tahu” Saya kata tidak tahulah, dia buat entah macam mana. Jadi, kita pun serba-salah, tidak bolehlah, kita kena tunjuk budaya yang baik dan sebagainya. Jadi, mintalah berapa kali sudah bercakap hal drama ini, carilah drama yang menunjukkan moral yang baik, ini tunjuk drama yang bergaduh, tunjuk datuk-datin dan sebagainya, datin itu serong sampai besar daripada badan, apa ini, beri naturallah sedikit. Filem ini, ia ada juga selok-belok perfileman, tengok macam allahyarham Tan Sri P. Ramlee, dia buat filem very simple film, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sehingga sekarang ini, anak-anak cucu admire P.Ramlee, *Do Re Mi*, *Madu Tiga* dan sebagainya, sehingga sekarang orang admire kerana apa, a natural do it of mereka berlakon, cukup natural. Sekarang ini, saya tengok, Allah, celaru sangat.

Jadi, saya mintalah Kementerian Penerangan, Menteri Penerangan pun wake-up sedikit. Datuk Mohamed Rahmat, wake-up please, dia kena aggressive sedikit, dia kena tengoklah sedikit, beri sesuai sedikit dengan keadaan masa sekarang ini apabila

negara luar hendak serang kita, media luar hendak serang kita, media kita kena main peranan, menangkis dan menyerang balik. Dalam pertembungan, Tuan Yang di-Pertua, kena serang-menyenang, bukan kita kena mempertahankan (defensive).

Maknanya Kementerian Penerangan kena serang balik serangan-serangan mereka ini. Jangan dok main menyanyi lagu sahaja yang itu tidak cukup.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tunjuk kita punya komersial-komersial TV3, NTV7 dan sebagainya. Kena bantu kerajaan kerana kita diserang oleh dunia-dunia luar ini. Penulis-penulis pun kena tulis cerita-cerita yang baik-baik pasal negara kita. Ini habis kotor bawa keluar cerita the *SHIT*, ini apa jenis penulis ini. Saya berasa menyesal, saya minta Badan Sasterawan Negara tarik balik Datuk dia, 'Datuk Shit' diberi tu tarik balik pasal celaru. Merosakkan generasi Malaysia akan datang ini. Kalau saya kata dia tokoh 'shit' bukan tokoh Sasterawan Negara.

Jadi saya harap Kementerian Penerangan dua, tiga benda ini kita adjust bagi elok balik. Jangan jadi celaru pasal anak-anak kita dok tengok TV kemudian pelakon-pelakon haru-biru, cerita fitnah banyak dalam drama-drama TV ini. Cuba tengok macam cerita *Roda-Roda Kota*, hak itu baguslah dia tunjuk polis dan sebagainya. Yang tu seronok pasal dia tunjuk susah payah polis dan sebagainya nak jaga, nak kawal ini tetapi rumah-rumah polis Tuan Yang di-Pertua bagilah elok sedikit, berilah mereka quarters yang sesuai dan sebagainya. Janganlah polis ni duduk di rumah-rumah setingan jadi minta kementerian beri duit tambah sikit.

Pegawai-pegawai kerajaan ini pun berilah kepada mereka. Saya dengar kelmarin Presiden Persatuan Pekerja Kerajaan kata ada PTD duduk di rumah haram. Saya terkejut, pasal apa dia duduk di rumah setingan. Ia PTD Tuan Yang di-Pertua, dia datang ke pejabat gantung tie, balik di rumah duduk rumah ini saya berasa sedih. Jadi minta kementerian siasat balik kes-kes macam ini, jangan bagi ada pegawai-pegawai kita macam ini malu kita ini. Kita ada Twin Tower yang tertinggi di dunia tiba-tiba PTD duduk rumah haram, jadi ini tak kena saya rasa. Jadi saya mintalah

Kementerian Kewangan, tak apalah cari duit, pergi ikhtiar cari duit, kita berilah tinggi sedikit, kasihanlah kepada mereka jangan bagi mereka duduk macam itu, saya dengar terkejut Tuan Yang di-Pertua, tak lalu makan semalam – sungguh, saya kasihan.

Kemudian pegawai-pegawai kerajaan pun kenalah sokong kerajaan Tuan Yang di-Pertua, jangan dok attack kerajaan, kadang-kadang dok serang kerajaan, jadi saya pun tidak seronok juga kata kerajaan tak bagus, tetapi tak apa duduk di situ dan tadbir, yang mana tak bagus perbetulkan. Tolong wakil-wakil rakyat ini, beri tahu wakil rakyat Yankah, manakah ini tolong bercakap, kami buat kerja kami tahulah, tak boleh jadi kadang-kadang kita buat dasar tak sampai kepada rakyat dan sebagainya, apa masalah?

Kita jangan marah kerajaan, kita beritahu wakil-wakil rakyat ini supaya kita pula perbetul kerajaan, ini caranya. Kita ini adik beradik, antara pegawai kerajaan dan politician kita ini adik beradik. Pegawai kerajaan menjalankan dasar-dasar, kita politician Kerajaan Barisan Nasional ini kita membentuk dasar dan dijalankan oleh pegawai kerajaan. Jadi yang mana pegawai kerajaan tidak puas hati beritahu kepada kita. Kita akan bercakap, macam saya, saya menyuarakan without fear or favour Tuan Yang di-Pertua, benda yang tidak betul kita kena khabar, walaupun kadang-kadang menyinggung perasaan, menteri kena terimalah, ini tanggungjawab kita tidak semesti pembangkang sahaja yang membangkang, kita perbetul yang mana tidak kena.

Kemudian kalau politician tegur sikit pegawai kerajaan, jangan marah, jangan marah pasal kita ni kawan-kawan, kita nak beri negara kita maju, dan insya-Allah yang ini. Datuk Setiausaha Parlimen ambil ingatan, pastikan jangan ada pegawai kita duduk rumah setingan, saya tidak mahu dengar dah, saya tidak mahu dengar saya berasa cukup malu Tuan Yang di-Pertua, pasal kita pergi luar negeri mereka kata where are you from, Malaysia my God is a wonderful country dengan izin, tetapi tiba-tiba kelmarin entah tau betul tak betul kalau betul saya mintalah kementerian tolong siasatlah bukan setakat PTD sahaja termasuklah lain-lain pegawai kita, perbanyakkan rumah dalam bandar dan juga luar bandar untuk kita selesai masalah ini. Jadi Tuan

Yang di-Pertua saya ingat setakat itulah ucapan saya hari ini dan saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Parit Buntar.

4.15 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk turut membahaskan cadangan belanjawan tambahan ini. Setelah ucapan sahabat saya dari Yan tentang kebebasan ini saya entah macam mana rasa terpanggil juga untuk menyentuh sedikit tentang benda yang abstract ini iaitu kebebasan tetapi saya ingin lihat dengan perspektif yang agak berbeza sedikit iaitu kebebasan versus responsibility dengan izin, ataupun tanggungjawab. Saya bersetuju dengan sahabat saya daripada Yan bahawa tidak ada benda yang obsolete, tidak ada benda yang tidak ada limit yang tak ada had. Itulah sebabnya bila orang bercakap tentang kebebasan, dia sering digandingkan dengan tanggungjawab. Kita tahulah apabila kita bercakap mengenai kebebasan dalam konteks negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini kita harus sentiasa memikirkan tentang tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa cara ataupun agenda pembangunan negara tidak akan terjejas akibat daripada pengamalan kebebasan yang melampau-lampau, suasana harmoni yang wujud di antara pelbagai ras di negara ini terjejas. Usaha-usaha pembangunan akan dapat diteruskan, keamanan akan terus dapat diwujudkan, orang akan boleh terus hidup dengan bebas tanpa merasa takut dan sebagainya. Itulah sebenarnya saya kira kalau kita berbicara tentang kebebasan dalam konteks Malaysia.

Jadi dalam hal ini mungkin apabila seseorang itu bercakap tentang kebebasan dia menggunakan perspektif yang bukan dari sudut pandang kita, mungkin dia melihat soal ini dari kaca mata orang lain, dari kaca mata negara yang telah maju misalnya ataupun dari kaca mata negara-negara yang mundur. Jadi kita mempunyai pertimbangan kita sendiri, kebebasan kalau kita bercakap dalam konteks kita harus, saya ulang sekali lagi dilihat dari kaca mata kita sendiri.

Jadi dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang satu perkara yang banyak dibincangkan terutama sekali di kalangan pengamal-pengamal media saya rasa, saya ada dengar desas-desus sedikit, oleh kerana adanya akhir-akhir ini apa yang disebut tentang minat orang ramai terhadap maklumat-maklumat yang siarkan melalui apa yang pernah saya sebut dalam Dewan yang mulia iaitu maklumat-maklumat yang disampaikan melalui media bawah tanah (underground media). Saya sudah huraikan apa makna media bawah tanah, bagi saya akhbar-akhbar nyamuk yang tidak bertanggungjawab, keduanya surat-surat layang, ketiga news letter yang tidak mempunyai KDN dan juga bahan-bahan fitnah yang disebarkan melalui Internet. Ini bagi saya ialah underground press.

Jadi umum melihat seolah-olah kredibiliti maklumat-maklumat ini sudah meningkat melebihi daripada kredibiliti ataupun kewibawaan mainstream media, akhbar-akhbar, mainstream seperti mana yang kita lihatlah akhbar-akhbar nasional yang sering kita baca hari-hari termasuklah juga media elektronik, akibat dari tanggapan ini, tanggapan seolah-olah orang ramai kini lebih mirip membaca akhbar-akhbar yang saya sebutkan tadi termasuklah *Harakah* yang disebut oleh Yan tadi kawan-kawan kita yang bekerja dalam mainstream media ini berasa macam terhina, rendah diri dan mereka merasakan bahawa peranan mereka sudah terhakis, mereka tidak lagi mempunyai kredibiliti yang mereka nikmati sebelum ini.

Dalam hubungan ini saya difahamkan bahawa sekumpulan wartawan di negara ini telah mengambil keputusan untuk menghantar satu memorandum kepada Kementerian Dalam Negeri meminta dikaji semula undang-undang Printing Presses Act 1948 ataupun Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1948 yang telah dipinda kemudian supaya dihapuskan kerana kononnya akta inilah yang menyebabkan kebebasan itu tidak dapat diamalkan sepenuhnya, ataupun kalau dapat diamalkan, ada sesetengah pengamal media menggunakan akta itu untuk mewajarkan penapisan sendiri (self censorship) yang mereka amalkan setakat ini. Saya cuma ingin menarik perhatian kalau-kalau persepsi ataupun tanggapan para pengamal media ini tidak tepat, meleset. Saya kira tidak semestinya akta ini merupakan satu penghalang untuk

kita mengamalkan kebebasan sebab setelah akta ini dipinda saya tidak ingat tahun berapa dahulu, perbincangan demikian telah banyak dilakukan dan kita sudah bincang dengan mendalam. Setakat ini pun kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah di bawah akta ini tidak banyak, kita boleh bilang, itu pun ada sesetengahnya saya tidak boleh sebut kes yang khusus tetapi saya ingat ada satu kes di mana pihak pendakwaraya kalah dalam kes itu.

Jadi, apa yang saya ingin jelaskan ialah menggunakan Akta ini sebagai alasan untuk mengatakan bahawa kita tidak boleh mengamalkan kebebasan sepenuhnya. Mungkin merupakan satu andaian yang tidak tepat. Kita sebenarnya tidak seharusnya merasa rendah diri dan harus bersikap apologetic tentang apa yang kita buat, ada orang mengatakan bahawa akhbar seperti *Harakah* mempunyai kredibiliti yang tinggi sehingga penjualannya telah meningkat tetapi ini tidak bermakna bahawa kandungan akhbar itu benar. Ada orang suka baca Internet, tengok bahan-bahan propaganda yang disebarkan, ini tidak bermakna kandungan dalam bahan-bahan ini benar. Jadi, kenapa kita harus rasa rendah diri, harus bersikap apologetic tentang keadaan kita. Kalau kita yakin, apa yang kita buat itu betul, benar, kita tidak harus bersikap demikian.

Saya ingin juga menarik perhatian tentang apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini berhubung dengan laporan media asing terhadap Malaysia. Kita telah bincang dalam Dewan yang mulia ini, tentang bagaimana misalnya keadaan yang berlaku semasa demonstrasi berikutan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri. Ada demonstrasi dan laporan-laporan yang dibuat oleh akhbar luar negeri termasuklah media elektronik setengahnya adalah meleset dan sengaja dibesar-besarkan, memberi gambaran seolah-olah keadaan itu terlampau teruk dan huru-hara yang besar berlaku di Kuala Lumpur dan kita seringkali mengeluarkan kenyataan, kita mengutuk tindakan ini tetapi yang jelas ialah kita seolah-olah tidak mempunyai kuasa untuk bertindak, kita seolah-olah takut untuk bertindak. Kalau sekiranya kita tidak boleh bertindak dari segi undang-undang tetapi alhamdulillah setakat ini apabila kita sebutkan tentang keadaan dalam negara nampaknya pihak-pihak tertentu telah mula mengambil

tindakan. Kita dengar baru-baru ini beberapa kes saman malu telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penyebaran fitnah ini dan setengah orang tidak setuju kerana kononnya ini akan mungkin merupakan satu permulaan di mana society atau masyarakat kita akan beralih dari masyarakat yang ada sekarang kepada masyarakat yang lebih mementingkan litigant macam di Amerika Syarikat tetapi sebenarnya ini tidak dapat kita elakkan, seperti mana yang saya katakan tadi, kalau kita sanggup buat apa yang kita buat, melakukan apa yang kita lakukan, kita mesti bertanggungjawab. Jadi kalau kita sanggup menyebarkan fitnah, kita harus sanggup menghadapi risiko.

Berbalik kepada laporan-laporan palsu ataupun laporan-laporan yang sengaja diperbesarkan di luar negara, mungkin kalau kita hendak ambil tindakan undang-undang, kita memerlukan kes yang kuat tetapi sebenarnya kita mempunyai senjata untuk bertindak. Saya ambil contoh, pelbagai agensi berita antarabangsa yang beroperasi di Malaysia ini, sebenarnya di samping menempatkan wakil-wakil mereka di Kuala Lumpur, mereka juga menjual produk mereka di Kuala Lumpur. Di antara pelanggan-pelanggan besar mereka termasuk stesen radio kerajaan seperti RTM, stesen-stesen TV swasta, akhbar-akhbar tempatan termasuklah mainstream media tadi, kemudian syarikat-syarikat besar, bank-bank. Sebenarnya kumpulan inilah secara tidak langsung yang menghidupkan agensi-agensi ini.

Saya tidak ingat berapa jumlah nilai perniagaan mereka di negara ini tetapi puluhan juta ringgit setahun dan sudah tentu kalau kita mengambil tindakan, core business mereka akan terjejas. Salah satu daripada tindakan yang boleh kita ambil ialah kita boleh memberhentikan langganan kepada mereka. Misalnya, RTM, kalau ia merupakan pelanggan terbesar kepada perkhidmatan *Reuters*, kita boleh berhenti sebab kita bukan tidak ada alternatif, banyak lagi agensi lain yang membekalkan maklumat yang sama, membekalkan berita yang sama dan ini tidak semestinya dihadkan kepada berita-berita biasa.

Kita boleh juga berhenti dan cari alternatif lain untuk perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disebut, macam maklumat-maklumat mengenai saham, stock

market dari seluruh dunia. Kita boleh mencari yang lain, kalau tidak suka dengan yang satu itu kita boleh cari alternatif. Kenapa mesti sesuatu agensi itu sahaja yang harus kita ambil dan kalau ini dilakukan dan ini pernah dilakukan oleh salah sebuah negara di Asia. Mereka terasa peritnya, mereka terasa kesan ekonomi akibat daripada tindakan pemerintah itu. Jadi dengan sendirinya mereka lebih berhati-hati di masa hadapan, mereka lebih bertanggungjawab dalam laporan mereka dan tidak lagi membuat laporan sesuka hati. Jadi itu dari segi media antarabangsa. Jadi, saya ingat mungkin Kementerian Dalam Negeri ataupun pihak Kementerian Penerangan harus memikirkan alternatif ini di samping kita terus-menerus menyerang mereka tanpa sebarang tindakan yang khusus.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang Multimedia Super Corridor dan hasrat kerajaan untuk menyebarkan kemudahan IT ke kawasan-kawasan luar bandar. Ini telah disebut banyak kali semasa sesi Soal Jawab dan semasa debat mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh baru-baru ini, tentang hasrat kerajaan bukan sahaja untuk menetapkan kemudahan IT ini di kawasan Multimedia Super Corridor, tetapi pada jangka panjangnya akan menyebarluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar atau kawasan-kawasan yang masih belum mendapat bekalan elektrik.

Ini sebenarnya satu langkah yang bijak dan saya seratus peratus menyokong Usul ini tetapi kita harus juga sedar bahawa banyak lagi kawasan di negara ini masih belum diliputi kemudahan telekomunikasi moden, misalnya ada lagi tempat-tempat yang tidak mendapat bekalan telefon. Kalau kita lihat, kalau kita bercakap tentang Internet misalnya, pembekal utama kemudahan Internet di Malaysia hanya ada dua sekarang ini iaitu MIMOS Berhad dan TMnet, sebuah anak Syarikat Telekom Malaysia. Kedua-dua mereka ini membekalkan Internet menerusi talian konvensional atau kabel konvensional sama ada melalui 'leased line' ataupun talian yang disewa ataupun melalui penggunaan talian telefon.

Itu sahaja yang mereka boleh buat dan dengan sendirinya bahawa kawasan-kawasan yang tidak mempunyai telefon, tidak mempunyai kemudahan telekomunikasi tadi, tidak dapat menerima perkhidmatan ini. Walaupun, kerajaan telah beberapa kali

menjelaskan bahawa usaha akan dibuat untuk memperbaiki lagi infrastruktur telekomunikasi ini, tetapi saya rasa sementara menunggu kemudahan telekomunikasi yang lebih meluas, infrastruktur yang lebih meluas meliputi seluruh negara, kita mempunyai cara lain untuk menyejajarkan perkhidmatan ini.

Saya ambil misal seperti Internet. Saya ada terbaca tidak berapa lama dahulu bahawa satu syarikat cukup berminat untuk membekalkan perkhidmatan ini menerusi cara yang non-conventional, misalnya mereka sebut kemungkinan menggunakan 'leased line' ataupun perkhidmatan sama dengan kita terima-reception TV, kita hanya memerlukan antenna TV dan boleh menerima perkhidmatan itu menerusi TV biasa. Sebenarnya teknologi ini sudah ada ataupun dengan menggunakan satelit yang saya kira pada jangka panjangnya adalah lebih murah.

Jadi, saya ingin mengusulkan terutama kepada Kementerian Penerangan atau mungkin kepada Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia untuk melihat kemungkinan ini dan kalau ia viable, saya ingat apa salahnya kita perkenalkan perkhidmatan ini di Malaysia, pertama, ialah untuk memastikan bahawa lebih ramai rakyat akan menikmati perkhidmatan ini. Kedua, ia memberikan option kepada pelanggan di samping hanya menggunakan perkhidmatan yang ada sekarang, yang menggunakan talian telefon ataupun talian yang disewa iaitu least line, dengan izin.

Saya juga ingin menyentuh sedikit sahaja lagi tentang, saya tidak tahu sama ada relevan atau tidak dengan perbahasan ini iaitu mengenai dengan sekolah, memanglah kita tahu setiap tahun peruntukan bagi Kementerian Pendidikan ditambah, sekolah-sekolah baru dibuat, tetapi satu perkara yang mungkin kita tersalah pandang ialah sekolah-sekolah missionary ataupun sekolah-sekolah mubaligh yang didirikan lama dahulu sebelum kita merdeka sekolah ini sudah ada dan apabila kita telah mencapai kemerdekaan, sekolah-sekolah ini dijadikan sekolah bantuan kerajaan, bukan sekolah kerajaan. Jadi, bantuan yang kerajaan beri hanyalah setakat guru ataupun modal tahunan, yang lain tidak ada. Tetapi lama kelamaan sekolah-sekolah ini sudah teruk keadaannya, setengah daripadanya kita masih ingat macam Anglo Chinese, Methodist, St Mark dan macam-macam sekolah missionary tetapi lama kelamaan bangunan sekolah ini sendiri telah begitu uzur dan pertubuhan-pertubuhan mubaligh ini tidak

mahu memberi bantuan, mereka tidak hendak lagi mengeluarkan wang sedangkan kita ada sekolah, ada murid, ada guru dan seolah-olah sekolah-sekolah ini dianaktirikan.

Jadi, saya yakin kalau tidak ada siapa yang mengambil berat tentang masalah ini, lama kelamaan sekolah ini keadaannya akan lebih uzur dan yang menjadi masalah, yang menjadi mangsa adalah anak-anak kita.

Jadi, saya ingin mencadangkan kalau boleh mungkin Kementerian Kewangan sendiri yang bertanggungjawab memberi peruntukan memikirkan cara macam mana hendak mengatasi masalah ini mungkin juga kita boleh berbincang dengan pertubuhan-pertubuhan mubaligh ini untuk mengambil alih langsung sekolah ini dan dijadikan sekolah kerajaan. Kalau mereka tidak mahu surrender secara sukarela, mungkin kita akan negotiate, kita beli tanah dan bangunan, selalunya bangunan-bangunan sekolah ini ada dengan tanah, jadi kita beli secara suka sama suka ataupun kita gunakan peruntukan di bawah Akta Pengambilan Tanah dan kita acquire sahaja tanah-tanah ini dan sekolah itu dijadikan sekolah kerajaan, maknanya sekolah bantuan penuh bukan lagi sekolah bantuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan saya ucapkan terima kasih, dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

4.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi di sini menyeru supaya pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian mengumumkan bagaimana virus wabak encephalitis dapat menular dari Tambun, Perak ke lain-lain tempat ke Negeri Sembilan, Selangor dan sekarang negeri Johor.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar mestilah memberitahu kita selain daripada khinzir, kajian yang diadakan ke atas binatang-binatang berdarah panas (warm blooded animals), dengan izin, sebelum dan selepas November 1998, ini termasuk lembu, kuda, kambing, kucing, kelawar dan burung.

Tuan Yang di-Pertua, wabak virus sudah pun mengorbankan 100 nyawa, walaupun secara rasminya kes yang pertama dilaporkan pada 4 November tahun lepas tetapi pusat khas untuk mengkaji virus ini secara terperinci tidak diadakan sehingga akhir bulan Mac 1999, kira-kira lima bulan setelah pengumuman rasmi tersebut.

Sekiranya kerajaan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan mengambil pusing dengan lebih awal bilangan pesakit dan kematian tidak akan menjadi begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi bahawa di masa aman dwi virus yang menyebabkan wabak dengan serentak adalah jarang ditemui. Sekarang Kementerian Kesihatan atau Yang Berhormat Menteri Kesihatan menekankan berulang kali bahawa wabak ini adalah disebabkan jangkitan dwi virus, Japanese Encephalitis dan Hendra-like ataupun Nipah. Amalan biasa Kementerian Kesihatan ialah menyembunyikan hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berusaha untuk menyembur ubat nyamuk, memusnahkan khinzir, kambing, anjing dan kucing serta memberi vaksin untuk JE, bukan untuk Hendra-like ataupun Nipah virus. Industri ternakan khinzir rugi beratus juta Ringgit, perbelanjaan kerajaan untuk mencegah wabak menelan belanja berpuluh juta Ringgit dan 100 nyawa telah terkorban. Akan tetapi jenis keperibadian, cara jangkitan dan binatang-binatang berdarah panas yang membiakkan virus ini belum dikenal pasti dengan terperinci.

Dengan izin, *'the nature character mode of transmission and reservoir of the virus have yet to be thoroughly understood'*. Jabatan Perkhidmatan Veterinar haruslah mengumumkan penemuan-penemuan siasatan ke atas kuda-kuda, kelawar-kelawar atau binatang-binatang yang lain sebelum dan selepas bulan November 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada kerajaan tempatan. Saya mendesak supaya Kerajaan Persekutuan membaiki kerajaan-kerajaan tempatan dengan strategi baru dan garis panduan yang baru untuk memperkukuhkan kapasiti pengurusan dan memastikan keberkesanan peranan-peranan dan fungsi-fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih 150 buah pihak berkuasa tempatan termasuk dua majlis perbandaran di Kuching. Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh menyebutkan bahawa pihak-pihak berkuasa tempatan telah mempertingkatkan kualiti hidupnya melalui perkhidmatan bandar, kemudahan-kemudahan sosioekonomi dan rekreasi. Sudah 30 tahun kita tidak ada pilihan raya kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, maka Datuk Bandar atau ahli majlis yang tidak menjalankan tugas tidak boleh dibuang oleh rakyat, ini jelas menunjukkan betapa pentingnya pilihan raya kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan hal ini kerana dalam beberapa tahun ini saya nampak dan saya tidak puas hati dengan apa yang berlaku, misalnya ahli penasihat ataupun ahli majlis di Dewan Bandaraya, ada setengah-setengah itu ada menjalankan tugas mereka, tetapi ada segelintir yang menggunakan kesempatan untuk bermain politik parti sahaja. Ini bukan gelanggang untuk bermain politik parti sahaja, misalnya menggunakan padang besar di Jinjang Utara dengan padang rumput di tar kerana hendak sambut bekas Timbalan Perdana Menteri dan kemudian hendak sambut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, saya pun ada sambut, tetapi saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tidak pernah melihat ada tar dan sebagainya. Dia hendak menemui rakyat bukan hendak tengok tar di padang besar, padang rumput, bukan padang tar, dia bubuh tar itu kerana hendak mengelakkan selut lumpur merecik – itu sahaja.

Tetapi walau bagaimanapun mereka memainkan politik sahaja bukan kerana hendak mempertingkatkan perkhidmatan bandar ataupun meningkatkan kualiti hidup rakyat. Itulah saya sebutkan bahawa betapa pentingnya pilihan raya kerajaan-kerajaan tempatan supaya ahli-ahli majlis yang tidak menjalankan tugas dibuang oleh pemilih-pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan tiga tahun yang lepas, kerajaan telah mencadangkan supaya kajian menyeluruh dijalankan untuk mengkaji semula peranan-peranan dan fungsi-fungsi pihak-pihak berkuasa tempatan tetapi Laporan Separuh Penggal tidak mengandungi catatan hasil kajian tersebut, ini merupakan satu kelemahan. Saya berharap laporan kajian tersebut dapat diumumkan supaya kita sama-sama dapat mempertingkatkan peranan dan fungsi kerajaan-kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah di dalam Dewan yang mulia ini, sebutkan masalah perbankan – masalah perbankan kerana pinjaman belum berbayar. Di sini saya menyeru supaya Bank Negara mengadakan kriteria yang berkesan untuk garis panduan-garis panduan bagi pinjaman oleh bank-bank, walaupun saya nampak ada garis

panduan dikeluarkan oleh Danaharta yang mengeluarkan satu garis panduan – baik juga, bukan tidak baik tetapi kalau kita ikuti kes Ketua Eksekutif Sime Bank, Datuk Ibrahim Khalid yang saya pun tidak tahu mengapa dia keluarkan pinjaman RM175 juta

.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu *subjudice*.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, *subjudice* ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak apa, saya tidak akan sebutkan. Cuma di dalam kes-kes seumpama ini, bukan kes yang ditunjukkan tadi, wang yang banyak dikeluarkan tidak mengikut kriteria, tidak mengikut garis panduan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebab itulah ada kes itu. Tak payahlah sentuh.

Dr. Tan Seng Giaw: Setakat keluarkan garis panduan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini garis panduan yang dikeluarkan oleh Danaharta, cantik juga, semua loan restructuring, principles ada di sini dan juga dengan izin, ‘guidelines for corporate borrowers’ dan sebagainya, banyaklah yang tercatat di dalam garis panduan ini dan semua itu cantik belaka tetapi kalau kita tidak ada kriteria yang lebih ketat di mana orang yang berkuasa tidak boleh memaksa sesiapa pun, ahli bank untuk keluarkan pinjaman, itu lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, kerana sekarang pun kita ada kriteria sebelum garis panduan dikeluarkan tetapi tidak diikuti, itulah saya hairan juga, sebab itu di sini saya hendak menolong ahli-ahli bank juga yang susah sekarang kerana tidak ada mudah tunai, no cash, liquidity tidak cukup. Dengan base lending rate itu dikurangkan pun tidak cukup lagi kerana Danaharta pun selepas dia membeli pinjaman yang tidak berbayar (NPL), selepas dia beli itu, dia tidak suntikkan wang langsung, hendak menunggu lima tahun lagi sebelum dia suntikkan wangnya. Ini memang menimbulkan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, ada masalah yang lain seperti projek-projek yang diswastakan termasuk di sini aduan daripada para penduduk kerana syarikat-syarikat yang diswastakan misalnya TNB belum lagi mempunyai cita-cita rakyat yang cukup

kerana mereka menekankan keuntungan, itulah masalah. Misalnya penswastaan tenaga seumpama Tenaga Nasional Engineering Berhad, salah satu anak syarikat untuk TNB yang tidak begitu mementingkan hasrat dan cita-cita rakyat.

Projek kabel voltan tinggi di SS25 Petaling Jaya dan Lingkungan Jambu Gajus, Jinjang Selatan telah menimbulkan kebimbangan di kalangan penduduk. TNB Engineering sedang bermula dengan projek mempertingkatkan kabel voltan tinggi di Jinjang Selatan, kabel untuk 33 kilovolt akan ditingkatkan kepada 275 kilovolt, jarak pylon dari rumah kediaman adalah disebutkan 15 meter berbanding dengan 9 meter untuk tiang yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan IT, teknologi maklumat sekarang, rakyat adalah terdedah kepada maklumat, walaupun maklumat itu kadangkala tidak betul juga, tetapi walau bagaimanapun, yang baik untuk digunakan oleh rakyat boleh menimbulkan keburukan juga. Pihak penduduk mengetahui bahawa kabel voltan tinggi mengeluarkan kuasa elektro magnet, dilaporkan bahawa kuasa elektro magnet boleh mendatangkan penyakit seperti leukemia.

Tuan Yang di-Pertua, TNB haruslah mendapat persetujuan daripada para penduduk sebelum melaksanakan projek tersebut, para setinggan dan yang memegang TOL lesen menduduki sementara hendaklah ditempatkan semula dengan cara yang munasabah. Itulah saya sebutkan, bukan semua syarikat yang diswastakan itu mempunyai falsafah untuk menolong rakyat dengan lebih baik, cuma mementingkan keuntungan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah, dengan ringkas sahaja saya akan sebutkan di sini mengenai Empangan Sungai Selangor. Kita perlu air sebagai satu komoditi yang penting dan kebanyakan orang di Malaysia pun membazirkan air dan air daripada Jabatan Bekalan Air dan sekarang di banyak tempat sudah diswastakan dan air ini pun dicuri dan kebocoran pun banyak berlaku, air yang tidak berhasil itu lebih daripada 30%. Itulah masalah kelemahan kita sendiri yang menyebabkan kekurangan air, sebab itulah pada awal tahun 1990 pihak Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tahulah, beliau dengan saya pun sama-sama di dalam Dewan untuk membincangkan masalah skim bekalan air Sungai Selangor, fasa 1, fasa 2 dan

fasa 3. Ini satu skim penswastaan juga tetapi malangnya skim ini tidak dijalankan dan tidak dilaksanakan mengikut jadual – lewat!

Tuan Yang di-Pertua, sekarang dengan keadaan kebimbangan kita bahawa Lembah Klang akan dilanda kekurangan air pada tahun 2003 iaitu empat tahun lagi Lembah Klang termasuk Kuala Lumpur akan menghadapi krisis air. Saya pun bersetujulah kita mesti berikhtiar untuk menjamin bekalan air cukup pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apabila kita hendak melaksanakan sesuatu projek, kita mesti mengkaji dengan lebih teliti, misalnya penilaian kesan alam sekitar (EIA) yang dibuat telah dipesan oleh Konsortium TWSA, GAMUDA KDEB yang hendak merebut untuk projek yang bernilai RM2 bilion ini, EIA itu telah gagal untuk mengkaji beberapa perkara yang pokok dan skop kajiannya tidak meliputi seluruh ecosystem dengan butiran dan pertimbangan yang mencukupi, kesan atau impak hiliran adalah penting kerana ia akan menjejaskan hidupan liar, sungai berbatu-batu jauhnya, bukan sahaja di kawasan yang berdekatan dengan empangan yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak butiran lagi mengenai projek Empangan Sungai Selangor, skim bekalan air Selangor fasa 3, cuma saya di sini menekankan bahawa pihak kerajaan negeri mesti mengkaji semula bagaimana skim ini boleh meninggalkan kesan-kesan ke atas penduduk dan hidupan liar supaya kita boleh mengadakan empangan dengan lebih sempurna dan sementara itu saya menyeru supaya segala usaha mesti diadakan untuk menjimatkan air.

Kita semua termasuk saya pun ada membazir air juga, kita mesti akuilah, kita bukan insan yang kamil juga dan kita mesti ada membazir air. Kita jimatkan dan dengan cara itu, dengan menjimatkan dan mengurangkan pencurian air, mengurangkan bekalan air tanpa hasil dan sebagainya, kita boleh mengelakkan daripada kekurangan air pada masa hadapan. Itu sahajalah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

4.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli

Yang Berhormat dari Tanjong, Tambun, Teluk Intan, Kubang Kerian, Gelang Patah, Yan, Parit Buntar dan akhir sekali Kepong yang telah pun mengambil bahagian dalam Perbincangan Perbekalan Tambahan 1998 dan 1999, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 dan Pertambahan Pertama 1999.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai langkah-langkah kawalan modal yang dibangkitkan, saya rasa Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan mengenai perkara yang sama dan langkah-langkah kawalan pertukaran asing yang diperkenalkan telah memberi banyak manfaat kepada kita.

Pertamanya, dengan pengenalan langkah ini, kerajaan dapat melaksanakan dasar kewangan yang lebih bebas, ia membolehkan Bank Negara menurunkan kadar faedah menyuntik lebih mudah tunai ke dalam sistem perbankan ekonomi negara tanpa mengakibatkan ketidakstabilan kadar pertukaran asing.

Penurunan keperluan rizab berkanun dan kadar faedah telah memperbaiki keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan dan membolehkan lebih banyak pinjaman disalurkan kepada peminjam.

Selain daripada itu, kadar faedah yang lebih rendah telah dapat mengawal pertumbuhan pinjaman tidak berbayar (NPL) dan kadar kestabilan pasaran kewangan kita dapat lihat bahawa Indeks Komposit Kuala Lumpur telah pun meningkat kepada 679.

Selain daripada itu rizab luar negara, Bank Negara Malaysia pula turut meningkat sebanyak US\$8.4 bilion dari akhir Ogos kepada US\$28.6 bilion pada 15 Mac 1999 dan paras ini mencukupi bagi membiayai 6 bulan import tertangguh. Jadi pihak Bank Negara Malaysia telah memastikan supaya jentera pentadbiran yang cekap diwujudkan agar kelulusan dapat diberikan dengan segera. Memandangkan bahawa kedudukan rizab adalah kukuh, tidak menjadi masalah untuk memastikan bahawa bekalan pertukaran asing adalah mencukupi. Oleh itu, kawalan pertukaran asing di Malaysia tidak menimbulkan sebarang pasaran gelap. Ini adalah berbeza dengan pengalaman-pengalaman di negara yang lain.

Menyentuh mengenai JE yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Kepong, sukalah saya menyatakan di sini bahawa tuduhan Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan salah diagnose adalah tidak betul. Langkah-langkah yang diambil adalah tepat iaitu virus JE adalah virus yang mula sekali ditemui dan tindakan segera kementerian telah menyelamatkan banyak nyawa.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa virus JE boleh disebabkan oleh berbagai jenis kuman dan dalam wabak ini dua jenis virus telah dikenal pasti iaitu virus Japanese Encephalitis virus Hendra ataupun apa yang dikenalkan sekarang dengan virus Nipah. Saya ingin mengemukakan keterangan, pertamanya mengenai pengenalan kepada penyakit JE ini. Virus JE adalah merupakan penyebab utama kepada penyakit virus Encephalitis di Asia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sebanyak 50,000 kes dan 10,000 kematian akibat JE berlaku setiap tahun di dunia terutamanya di Benua Asia ini.

Penyakit JE ini adalah salah satu penyakit zoonotic iaitu penyakit yang terdapat di kalangan haiwan yang boleh menjangkiti manusia. Nyamuk culex telah dikenal pasti sebagai vector yang menyebarkan penyakit ini.

Pada tahun 1999 sehingga 30 April 1999 kes-kes yang disahkan JE di Malaysia mengikut negeri adalah seperti berikut: di kawasan endemic Sarawak- 12 kes; Selangor - 3 kes; Pulau Pinang - 4 kes; Kedah - 1 kes; Sabah - 1 kes; dan lain-lain negeri tiada kes.

Di kawasan wabak semenjak bulan Oktober 1998 sehingga kini di Negeri Sembilan terdapat 37 kes dengan 20 kematian dan di Perak - 11 kes dengan 5 kematian.

Bagi tahun 1999 sehingga 25 April 1999, di negeri Sarawak terdapat 12 kes yang disahkan JE berlaku secara bertaburan.

Jadi, mengenai Bukit Pelandok, Negeri Sembilan, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan menerima laporan kes pertama yang menghidap yang viral Encephalitis ini dari kawasan penternak babi di Bukit Pelandok pada 23 Februari 1999 sehingga 30

April 1999, terdapat sebanyak 224 kes disyaki viral Encephalitis dan 34 daripadanya disahkan positif secara serology terhadap JE. Terdapat 80 kematian yang sama di mana 19 daripadanya disahkan JE sehingga 30 April 1999 masih terdapat 35 pesakit yang dirawat di hospital.

Kampung Wong Say Cho, Sikamat, Negeri Sembilan, pada 26 Disember 1998, kes pertama yang disyaki mengidap viral Encephalitis telah dilaporkan. Kes terakhir di Sikamat dimasukkan ke hospital ialah pada 4 Januari 1999. Terdapat 7 kes disyaki mengidap JE di mana 3 daripadanya disahkan JE, 5 kematian telah dilaporkan di mana 1 daripadanya disahkan JE.

Kalau dilihat kajian virology.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Lebih kurang empat hari dulu, satu pengesahan telah dibuat di Tambun di Iskandar Polo Club bahawa 2 ekor kuda telah dikatakan terlibat dengan JE dan virus yang tepat adalah virus Nipah. Berkaitan dengan perkara ini adakah kerajaan akan menghentikan dengan izin, 'the flow of horses from one place to another'. Seperti dulu semalam, hari Sabtu walaupun darah kuda-kuda itu telah dihantar ke Australia dan dikatakan free of virus Nipah, akan tetapi ini tidak betul kerana 2 ekor kuda di Iskandar Polo Club, pengesahan telah dibuat bukannya tragedi lebih besar akan terjadi kalau kita tidak embargo kuda-kuda supaya mereka tidak keluar dari satu tempat ke satu tempat seperti yang telah dibuat oleh Kerajaan Singapura.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ahli Yang Berhormat, selepas wabak bermula di Kinta, pihak IMR telah mula menerima spesimen-spesimen untuk dijalankan ujian pengesahan. Jadi ujian virology telah dibuat untuk mengesan penyakit denggi, Japanese Encephalitis, enterovirus, influenza, rabies dan kumpulan virus dan rechesia, ini semua nama-nama teknikal. Semua ejen dikenal pasti menyebabkan Japanese Encephalitis kepada manusia. Semua ujian untuk penyakit tersebut adalah negatif kecuali Japanese Encephalitis dan 4 spesimen

penyakit yang disahkan positif bagi JE oleh IMR telah dihantar kepada WHO, Laboratory Centre for Tropical Disease, di Universiti Nagasaki, Jepun, yang turut mengesahkan keputusan positif bagi JE dan ujian-ujian untuk mencari virus dan bakteria yang lain daripada sampel-sampel yang dihantar adalah negatif.

Jadi untuk kawalan sejak wabak bermula di Kinta langkah-langkah kawalan JE telah pun dijalankan di seluruh negara secara proaktif. Ini melibatkan pemeriksaan ladang babi, semburan kabus, pendidikan kesihatan dan suntikan vaksin pada golongan berisiko tinggi. Jumlah JE mulai berkurangan sejak bulan Disember hingga Mac, dari November 25%, Disember 50%, Januari 36.4% Februari 33.3% dan Mac 9.4%. Ini menunjukkan langkah-langkah kawalan terhadap JE adalah tepat dan berkesan.

Walau bagaimanapun tentang pertanyaan Yang Berhormat tadi tentang kuda ini walaupun telah disahkan kata Yang Berhormat tadi ada menghidap JE tetapi mereka boleh pula diubah, dialih atau ditransport, saya akan meminta Kementerian Kesihatan untuk memberi penjelasan secara bertulis.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, baru-baru ini dikatakan house pets termasuk kucing dan anjing juga terlibat dengan perkara ini. Berapa seriuskah perkara ini dan apakah, dengan izin, suggestion of the government untuk mengatasi masalah ini? Hari ini saya jumpa Menteri Kesihatan di lobby dan saya katakan yang anjing saya dekat Tambun itu, tidak sampai dua kilometer lebih, baru-baru ini telah jatuh sakit dan dia kata 'put it down, it is very high risk'. Jadi, adakah itu satu perkara yang serius, bolehkah kita mengatakan bahawa kalau kita khuatir, house pets ini patut dihantar ke veterinary department atau mereka akan datang untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat telah bertanya kepada Menteri yang berkenaan, sekarang Yang Berhormat tanya kepada saya. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya telah mencatatkan dan saya akan memohon kepada kementerian yang berkenaan supaya menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat dari Tambun telah pun menyarankan mengenai Danaharta dan Danamodal....

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ada cukup masa, setengah jam. Tadi saya tidak meminta penjelasan kerana Yang Berhormat bukan Menteri Kesihatan, itu saya faham. Cuma sebelum kita pergi ke Danaharta, saya berminat juga dengan Danaharta, cuma jawapan Yang Berhormat tadi itu, maklumat daripada pegawai belum tepat lagi kerana dua virus sama-sama mewujudkan satu wabak di masa aman kita kurang pasti. Mutation itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi pun saya tidak bersetuju juga kerana Hendra-like ataupun Nipah itu tidak serupa dengan JE, tidak serupa langsung dan nyamuk tidak boleh membawa Nipah ataupun Hendra-like virus – tidak boleh langsung. Dan yang penting sekali saya hendakkan kerajaan terutamanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar memberi laporan kepada Dewan yang mulia ini kajian ke atas binatang-binatang termasuk kuda sebelum November tahun lepas dan selepas November tahun lepas kerana kita hendak tahu setakat mana kerja yang dibuat oleh pihak jabatan tersebut.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Akan diberi langkah-langkah yang seterusnya apa yang telah dibuat oleh kementerian kepada Yang Berhormat nanti.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat dari Tambun tentang Danaharta dan Danamodal, CDRC dan juga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi mengenai pemberian high gearing dan sebagainya, MTEN telah ditubuhkan dan MTEN telah mengenal pasti kebimbangan-kebimbangan MTEN mengenai perkara ini. Pertamanya terdapat beberapa petanda yang membimbangkan sebelum krisis ini iaitu pertumbuhan ekonomi melebihi potensi keluaran dan yang keduanya hilang kecekapan dalam ekonomi. Ini juga telah dibangkitkan beberapa kali tentang produktiviti faktor keseluruhan (total factor productivity) oleh Yang Berhormat dari Tambun dan Balik Pulau.

Peningkatan defisit akaun semasa juga telah dibangkitkan dan ini juga telah dikenal pasti oleh MTEN dan keempatnya mengenai pengembangan kredit yang berlebihan kepada sektor bukan dagangan. Sejak tahun 1995, jumlah pinjaman bertambah dengan pesat. Pertumbuhan jumlah pinjaman bulanan di antara 28% hingga 30% pada tahun 1997 kecuali bagi bulan November dan Disember sahaja. Bagi sebahagian besar tahun 1997, pinjaman kepada sektor hartanah bertambah lebih 30%. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun tadi mengenai hartanah dan juga mengenai saham.

Pinjaman bagi pembelian stok dan saham bagi tempoh 1993-1997 meningkat kepada kadar purata 35% setahun berikutan pertambahan kredit yang pesat, hutang swasta tempatan meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan itu. Jadi, apabila MTEN ditubuhkan, MTEN telah melihat kembali kebimbangan-kebimbangan ini dan mengambil tindakan-tindakan yang seterusnya.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara (DPN), tentang pembahagian dan sebagainya, dalam Mid-Term Review ataupun Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 hingga 2000 telah juga menunjukkan bahawa pendapatan perkapita keluarga isi rumah, yang pertamanya ialah kaum Cina, yang keduanya kaum India dan yang ketiganya kaum Melayu.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Walaupun Yang Berhormat dari Teluk Intan mengatakan dia tidak meyakini figure ataupun fakta yang ditunjukkan dalam kajian ini tetapi oleh kerana orang India populasinya hanya kurang daripada orang Cina dan orang Melayu, jadi concentration boleh ditarik kepada peringkat yang kedua daripada peringkat yang ketiga. Ya, Tambun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tambun.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, dalam proses saya terlibat dalam perbincangan tadi, saya ada bangkitkan isu-isu yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tetapi itu bukan menjadi isu utama yang saya bangkitkan. Yang saya bangkitkan ialah isu penggabungan bank dan ada pandangan

saya tentang pengurusan, risiko kualiti pengurusan – itu isu-isu utama yang saya bangkitkan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya belum masuk ke situ lagi fasal saya ikut kronologi perbahasan tadi. Satu lagi yang dibahaskan mengenai banyak di antara bank apabila ia bercantum, misalnya Bank Bumiputra bercantum dengan Bank of Commerce, ada juga pekerja-pekerja yang secara volunteer meletakkan jawatan. Cuma diperkatakan tadi oleh Yang Berhormat bahawa dalam kes ini kita ada bank muamalah kedua dan sebanyak 1,000 orang daripada pekerja Bank Bumiputra itu akan mendapat pekerjaan.

Banyak perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tambun mengenai sensitiviti analisis, mengenai IT, bank saudagar – bolehkah ia bercantum bukan dengan bank saudagar tetapi dengan bank perdagangan, mengenai lapan jabatan di dalam bank dan jabatan-jabatan ini kalau kita lihat merupakan masalah-masalah pengurusan jika dibandingkan dengan bank-bank di Amerika Syarikat. Kita akui bahawa kita masih lagi melihat pengurusan adalah penting di dalam industri kewangan dan perbankan. Oleh kerana itu, seperti mana yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri bahawa human resource development adalah penting untuk kita mempertingkatkan lagi keupayaan pengurusan pekerja-pekerja bank di negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga tentang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ataupun peniaga-peniaga kecil yang payah hendak mendapat dana dan dana ini berselerak pula di antara jabatan-jabatan ataupun bank-bank yang mengambil bahagian. Cadangan Ahli Yang Berhormat ialah supaya kita adakan satu bank khas untuk menyediakan dana ini dan memberi dana ini kepada peniaga-peniaga kecil seperti yang terdapat di negara asing. Cadangan ini bagus dan kita akan teliti balik sama ada kajian-kajian yang dibuat selama ini – kita ada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, 36 dana dan ada bank-bank yang mengambil bahagian itu lebih elok ataupun kita hendak mengadakan pula bank khas dan oleh kerana itu tentulah outreachnya akan terbantut sedikit melainkan kalau kita gunakan bank yang sedia ada seperti BSN Commerce dan yang lain-lain. Ini akan kita kaji balik semula dan kita berharap nanti Bank Negara akan memberikan jawapan secepat mungkin tentang perkara ini.

Yang Berhormat dari Teluk Intan telah pun membangkitkan masalah, jawapan-jawapan di Parlimen yang kadang-kadang berbeza-beza dan kadang-kadang tindakan tidak diambil. Seperti mana yang saya katakan perkara ini amat tedious kerana yang dibangkitkan mengenai kuil Hindu dan ini adalah mengenai agama dan di bawah Perlembagaan, agama adalah di bawah kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi oleh kerana saya di Selangor, saya telah menanyakan sendiri daripada Kerajaan Negeri Selangor sama ada satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Exco sendiri ada dibentuk untuk melihat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Jadi, untuk Selangor kita ada Yang Berhormat Silvalingam, dia seorang Exco dan mempunyai jawatankuasa dia sendiri dan segala permohonan-permohonan mengenai kuil dan sebagainya untuk dialih, diubah dan sebagainya itu sedang dalam pelaksanaan.

Jadi, kalau Yang Berhormat ingin tahu nanti saya akan berhubung dengan Yang Berhormat Silvalingam untuk mendapatkan jawapan secara terperinci untuk Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan, bila saya membangkitkan perkara kuil-kuil Hindu ini tahun dulu dan pada masa itu saya pun telah meminta bahawa kita perlukan satu jangka masa supaya masalah ini dapat diselesaikan dan kalau kita menyerahkan perkara ini hanya kepada kerajaan negeri walaupun dikatakan bidang kuasa mengenai perkara ini adalah dengan negeri-negeri tetapi itu tidak sebenarnya betul kerana perkara yang bukan Islam itu adalah dengan Kerajaan Persekutuan, policy dan decision dan sebagainya. Mengenai tanah-tanah, saya setuju tetapi kita tidak ada satu sistem yang rasional yang saya bangkitkan dahulu mengenai banyak kuil Hindu yang tidak didaftarkan. Ini adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Tadi saya ada tanya bukannya masa hadapan supaya semua kuil ini diarahkan supaya didaftarkan supaya akaun mereka di mana mereka mengutip wang dari rakyat dan sebab apa ini dibelanjakan dan apakah praktis mereka tokong-tokong itu dikawal selia. Kita perlukan satu dasar dan sebagainya.

Seperti yang telah saya katakan dahulu, bila saya tanya soalan ini kepada pihak Perdana Menteri, beliau berkata, perkara ini sensitif dan tidak perlu dijawab. Jadi, ini macam hendak elak dari masalah ini. Lepas itu kita akan ada macam masalah di Penang iaitu Kampung Rawa dan sebagainya. Bukankah masa sudah datang dan perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali. Apakah cadangan kerajaan supaya jangan kita mengalihkan perkara ini kepada kerajaan negeri, walhal Kerajaan Persekutuan perlu 'share the burden of the problem', dengan izin.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya, jadi kita, Yang Berhormat seorang lawyer dia tahu schedule pertama, kedua dan schedule bersama ya. Jadi, kita akan lihat nanti, saya pun teringat dahulu Yang Berhormat dari Sungai Siput mengatakan bahawa beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan beliau juga akan mengambil inisiatif dalam perkara ini. Jadi, saya rasakan 'we leave it to that first', dengan izin.

Mengenai CLOBS kita dapati bahawa CLOBS telah digantung daripada urusan niaganya sejak kita membentangkan satu rang undang-undang untuk membawa balik CLOBS daripada Singapura ke Malaysia. Jadi, kalau kita hendak tengok maklumat terperinci mengenai saham syarikat Malaysia yang diniagakan di Central Limit Orders Book System (CLOBS) seperti nilai saham dan peratus yang dipegang oleh pengurus-pengurus dana asing tidak dapat diumumkan kerana maklumat mengenai akaun pendeposit bagi sekuriti tersebut dilindungi oleh peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti ataupun Depositori Pusat 1991.

Kajian mengenai alternatif-alternatif penyelesaian bagi penyenaian saham-saham CLOBS masih dijalankan oleh pihak-pihak yang terbabit iaitu BSKL dan Bursa Saham Singapura (SES) dan kerajaan tidak perlu terlibat dalam urusan tersebut tetapi berharap masalah ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera dan sebarang cadangan penyelesaian yang dibuat oleh pihak swasta perlu mengambil kira kepentingan semua pihak, sama ada pelabur dalam negeri mahupun pelabur luar negeri. Jadi, CLOBS belum lagi dibawa ke Malaysia.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah membangkitkan masalah Petronas dan juga HICOM.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun pula.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah beritahu bila saya membahaskan mengenai perkara perbelanjaan ini pada dasar. Dikatakan seorang bernama Akhbar Khan, kawan karib kepada Menteri Kewangan Pertama, semua detail mengenai perkara itu ada dalam the *Asia Wall Street Journal* dan adakah yang disenaraikan, yang dikatakan di sana itu semuanya benar atau kerajaan ingin nafikan. Apakah cadangan kerajaan bahawa lebih baik kita, kalau ada cadangan memberi syer-syer itu kepada Akhbar Khan, adakah arms-length, semua transaksi itu dibuka, diketahui rakyat Malaysia atau adakah open system of tender akan dijalankan mengenai syer-syer tersebut?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya minta kalau boleh Yang Berhormat beri saya majalah *Wall Street Journal* itu yang mengatakan berkenaan kerana saya baca di *Star* hari itu cuma selayang pandang sahaja dan saya tidak dapat grab the subject, tetapi ingin saya katakan di sini bahawa kerajaan tidak terlibat dalam urusan tersebut.

Mengenai Petronas telah membuat tawaran kepada HICOM untuk membeli saham-saham Proton yang dimiliki oleh HICOM pada akhir tahun lalu, adalah dipercayai bahawa tawaran ini telah dibuat oleh Petronas kerana sebagai sebuah syarikat pengeluar minyak, ia berhasrat untuk menceburi bidang automatif secara langsung dari segi pembuatan, pengedaran dan penjualan kenderaan. Lagi pun, Petronas telah berkecimpung di bidang ini menerusi penglibatan mereka di dalam aktiviti-aktiviti perlumbaan Formula 1 melalui kerjasama dengan Red Bull Holding AG dari Switzerland sejak beberapa tahun yang lalu. Baru-baru ini mereka telah memperkenalkan satu enjin baru dengan kuasa 2000 cc yang direka dan dikeluarkan sendiri. Enjin ini boleh diubahsuai untuk dipasang di dalam kereta-kereta penumpang seperti kereta-kereta Proton yang sekali gus memberi pasaran kepada Petronas bagi penjualan enjin-enjin ini.

HICOM menerima baik tawaran Petronas ini kerana mengikut perkiraan dan perancangan jangka panjangnya, pelaburan dalam Proton memerlukan suntikan modal yang banyak pada masa hadapan memandangkan keperluan

Proton dari segi program penyelidikan dan pembangunan (research and development) pengenalan model-model baru, pembinaan kilang Proton kedua di Tanjong Malim dan aktiviti-aktiviti eksport. Jika tiada pilihan, HICOM terpaksa meneruskan peranannya sebagai pemegang saham utama di dalam Proton ke arah memenuhi keperluan projek kereta nasional ini.

Namun demikian, apabila Petronas menyatakan hasratnya untuk mengambil alih peranan ini, HICOM berpendapat Petronas adalah lebih berupaya dari segi kemampuan kewangan untuk berbuat demikian. Apatlah lagi jika ini menepati rancangan jangka panjang Petronas dengan manfaat-manfaat dan sinergi-sinerginya.

Jadi adalah tidak tepat dan agak negatif tanggapan Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi yang memberi pandangan bahawa industri automotif menghadapi masa hadapan yang gelap. Statistik-statistik dan laporan-laporan menunjukkan bahawa industri automotif di negara ini sudah mula beransur pulih dengan penambahan jumlah jualan bermula sejak akhir tahun lalu, begitulah juga dengan statistik dari segi jumlah jualan di seluruh dunia. Sememangnya diakui persaingan akan menjadi bertambah sengit di masa hadapan terutamanya di pasaran antarabangsa, namun ini akan dapat ditangani oleh Proton melalui langkah-langkah dan program yang telah dilaksanakan dan sedang diubahsuai.

Adalah tidak tepat kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi bahawa kononnya terdapat kegagalan di dalam pelbagai usaha untuk menyelamatkan Proton. Pada hakikatnya tidak terdapat sebarang kegagalan setakat ini dan Proton adalah sebuah syarikat yang berupaya mencatat keuntungan walaupun menghadapi masalah di dalam urus niaga akibat dari kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak pertengahan tahun 1997.

Oleh yang demikian penjualan Proton kepada Petronas tidak akan merugikan Petronas sebaliknya ini akan merupakan pelaburan yang baik bagi Petronas dalam jangka masa yang pendek dan panjang. Yang Berhormat dari Gelang Patah telah membangkit mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Penjelasan. Saya minta supaya Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, memberi sedikit penjelasan lanjutan kenapa Petronas membeli Proton tadi kerana satu daripada tajuk yang saya selalu bawa dalam penyusunan semula struktur organisasi industri dalam negara kita ialah untuk menekankan supaya syarikat-syarikat dalam negara kita ini lebih mempunyai fokus supaya membina daya saing di dalam pasaran antarabangsa, dalam pasaran-pasaran tertentu. Satu daripada kelemahan yang kita perhatikan daripada krisis yang kita hadapi sekarang ini ialah syarikat-syarikat dalam negara kita kadang-kadangnya tak ada fokus. Jadi bila tak ada fokus ia tak ada kepakaran teknikal dan pengurusan yang membolehkan ia bersaing dan kadang-kadang tak ada fokus itu sendiri menimbulkan masalah dari segi pengurusan. Jadi Petronas sebagai sebuah syarikat gas dan petroleum negara boleh misalnya pergi kepada pengangkutan laut ataupun pergi kepada industri hiliran ataupun industri upstream dan downstream yang lain. Tetapi Petronas terlibat di dalam industri automobil ini kalau boleh Yang Berhormat memberi penjelasan yang sedikit jelas tentang apa dia jenis synergy yang boleh diperolehi selain daripada faktor kewangan. Maknanya perolehan Proton oleh Petronas tak menimbulkan masalah kewangan kepada Petronas. Jadi selain daripada cerita itu apakah rasional lain yang boleh kita guna? Terima kasih Yang di-Pertua.

[Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bagi rasional saya sendiri nanti merupakan rasional peribadi. Tapi inilah merupakan satu private deal dan business term yang dibuat antara mereka. Jadi kalau saya nak mengemukakan rasional-rasional yang lain tanpa merujuk kepada MoU yang telah dibuat, saya rasakan ini tidak adil bagi saya untuk memberikan rasional peribadi ke arah ini. Tetapi apa yang saya nyatakan rasional-rasionalnya ialah bergantung kepada business dealing.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah pun mengatakan mengenai kontraktor-kontraktor yang mencuci longkang dan tidak menjalankan tugasnya dan pengurusan sisa pepejal terutamanya kutipan sampah termasuklah juga pemotongan rumput dan sebagainya di Johor Baharu di Majlis Perbandaran Johor Baharu Tengah

itu ialah pengurusan sistem pepejal telah diserahkan kepada Southern Waste Management secara interim. Di dalam perjanjian, jika syarikat swasta tidak melaksanakan tugas berkenaan boleh melantik kontraktor-kontraktor lain menjalankan tugas tersebut dan bayaran juga sepatutnya dibayar kepada kontraktor asal boleh dipotong dan bayaran kepada kontraktor baru yang akan menjalankan tugas sebenar itu boleh diberi.

Mengenai terdapat tujuh puluh perbadanan PBT di negeri ini tidak menggunakan undang-undang kecil, jadi kementerian hanya boleh menasihatkan kerajaan negeri agar pastikan PBT-PBT menggunakan semua undang-undang kecil yang telah diluluskan termasuk undang-undang kecil berkenaan perniagaan, perdagangan yang dibangkitkan itu. Dan kementerian selalu meminta kerajaan negeri menggunakan dan ia selalu dibangkitkan dalam mesyuarat yang melibatkan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan yang diadakan di peringkat Federal.

Yang Berhormat dari Yan juga telah pun menyatakan terdapat pegawai PTD yang tinggal di rumah setingan. Ingin saya katakan di sini ialah kerajaan pada masa ini sedang menyediakan rumah-rumah untuk disewa dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi bukannya pegawai PTD tetapi ialah kakitangan-kakitangan kerajaan. Kalau kita lihat dari segi statistik kakitangan kerajaan ialah sebanyak 620 ribu orang. Kalau termasuk askar dan juga polis termasuk 850 ribu orang. Kita berharap nanti dengan adanya peruntukkan yang kita berikan kepada polis, dengan adanya peruntukkan yang diberikan kepada kastam dan lain kementerian masalah mengenai perumahan ini dapat diatasi dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Gelang Patah juga telah mencadangkan sebuah Balai Bomba dibina di kawasan Gelang Patah untuk memberi perkhidmatan perlindungan kebakaran kepada link yang kedua. Jabatan Bomba dan Penyelamatan sedang dalam tindakan berunding dengan pihak Kerajaan Negeri Johor dan pihak PLUS untuk membina sebuah Balai Bomba di kawasan kompleks laluan kedua di Gelang Patah. Ahli Parlimen dari Gelang patah juga telah pun menanyakan bolehkah pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia tanpa visa untuk menggalakkan pelancongan di

Malaysia ini. Untuk menggalakkan pelancongan di Malaysia, kerajaan memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong dari beberapa buah negara datang ke Malaysia tanpa visa. Hanya sedikit sahaja pelancong dari negara asing yang disyaratkan visa boleh datang ke Malaysia oleh kerana terdapat perjanjian dua hala mengenai perkara ini.

Yang Berhormat dari Gelang Patah juga membangkitkan mengenai layanan yang setara kepada banduan di penjara. Jabatan Penjara Malaysia sememangnya memberi layanan yang setara kepada semua banduan. Layanan yang diberi kepada banduan adalah mengikut kategori, peringkatnya. Layanan saksama diberi kepada semua banduan tidak kira taraf sosial mereka. Jabatan Siasatan menitikberatkan kebajikan program pemulihan banduan dan layanan-layanan berperikemanusiaan kepada semua banduan mengikut kehendak peraturan-peraturan penjara.

Yang Berhormat dari Gelang Patah juga telah meminta supaya MITI meningkatkan lagi penerangan kepada pelabur-pelabur asing, memperbetulkan laporan-laporan yang tidak tepat dalam media massa dan juga menggunakan pejabat-pejabat MITI, MIDA dan MATRADE di luar negara untuk memberi penerangan yang tepat kepada pelabur-pelabur asing. Pada tahun 1999, MITI dan agensi-agensi iaitu MIDA dan MATRADE akan mengadakan sembilan rombongan perdagangan dan pelaburan ke luar negara meliputi semua kawasan termasuk Amerika Syarikat, Eropah, Amerika Latin, Timur Tengah, Korea Selatan, China, Jepun, dan negara-negara ASEAN.

Yang Berhormat Menteri juga baru-baru ini telah pergi dan baru pulang setelah mengadakan rombongan berkenaan. Pada tahun 1998 cuma enam rombongan sahaja telah dilakukan dan hasil daripada itu kita dapati bahawa banyak mengikut perangkaannya orang-orang luar melalui foreign direct investment (FDI) dengan izin, telah membuat pelaburan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

[Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Ada satu lagi..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah nak habis dalam dua minit?

[Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Mengenai satu lagi, bolehkah pelancong-pelancong datang ke Malaysia – ini sudah

Jadi saya dengan ini ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada kuasa mengikut peraturan mesyuarat baru untuk melanjutkan selama lima belas minit lagi, jikalau Yang Berhormat, ada nak tambah sila.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Dah habis ...*[ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.